

**UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**EDISI SEMAKAN**

**PENGGAL 108**

**KETERANGAN**

**PENYUSUNAN BAB-BAB**

**BAHAGIAN I**

**PERKAITAN KENYATAAN-KENYATAAN**

Penggal I

Permulaan

Bab

1. Gelaran pendek.
2. Keluasan.
3. Tafsiran.
4. Anggapan.

Penggal II

Mengenai Perkaitan kenyataan-kenyataan

*Am*

5. Keterangan boleh diberi bagi kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan dan kenyataan-kenyataan yang berkaitan.
6. Perkaitan kenyataan-kenyataan menjadi sebahagian daripada urusan yang sama.
7. Kenyataan-kenyataan yang menjadi alasan, sebab atau natijah tentang kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan.
8. Tujuan, persediaan dan kelakuan yang telah lalu atau berikutnya.
9. Kenyataan-kenyataan yang perlu untuk menjelaskan atau memperkenalkan kenyataan-kenyataan yang berkaitan.
10. Perkara-perkara yang dikatakan atau dilakukan oleh orang dalam pakatjahat berhubung dengan maksud yang sama.
11. Bila kenyataan-kenyataan yang tidak berkaitan sebaliknya menjadi berkaitan.
12. Dalam guaman-guaman bagi gantirugi kenyataan-kenyataan yang cenderung bagi membolehkan mahkamah untuk menentukan jumlah adalah berkaitan.
13. Kenyataan-kenyataan berkaitan bila hak atau adat menjadi persoalan.
14. Kenyataan-kenyataan yang menunjukkan perasaan hati atau tubuh atau perasaan keseluruhannya.
15. Kenyataan-kenyataan yang menunjukkan persoalan sama ada perbuatan adalah secara tidak sengaja atau dengan sengaja.
16. Wujudnya perjalanan urusan bila berkaitan.

*Pengakuan dan Pengakuan Bersalah*

17. Pengakuan dan pengakuan bersalah ditafsirkan.
18. Pengakuan oleh pihak dalam perbicaraan, wakilnya atau orang yang ada kepentingan.
19. Pengakuan-pengakuan oleh orang-orang yang keduakan mereka hendaklah dibuktikan sebagai bertentangan dengan pihak kepada guaman.
20. Pengakuan-pengakuan oleh orang-orang yang disebut dengan nyatanya oleh pihak kepada guaman.
21. Bukti bagi pengakuan-pengakuan terhadap orang-orang yang membuatnya dan oleh atau bagi pihak mereka.
22. Bila pengakuan-pengakuan lisan mengenai kandungan dokumen-dokumen adalah berkaitan.
23. Pengakuan-pengakuan dalam kes-kes sivil bila berkaitan.
24. Pengakuan salah yang disebabkan oleh dorongan, ancaman atau janji bila tidak berkaitan dalam perbicaraan jenayah.
25. Pengakuan salah kepada pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Inspektor tidak boleh dibuktikan.
26. Pengakuan salah oleh yang tertuduh semasa dalam jagaan polis tidak boleh dibuktikan bertentangan dengannya.
27. Sebanyak manakah maklumat yang diterima dari yang tertuduh boleh dibuktikan.
28. Pengakuan salah yang dibuat selepas membuang sangkaan yang disebabkan oleh dorongan, ancaman atau janji adalah berkaitan.
29. Pengakuan salah yang berkaitan sebaliknya menjadi tidak berkaitan disebabkan janji merahsiakan dsb.

30. Pertimbangan bagi pengakuan salah yang telah dibuktikan yang menyentuh orang yang membuatnya dan orang lain yang sama-sama dalam perbicaraan bagi kesalahan yang sama.
31. Pengakuan bukan bukti muktamad tetapi boleh menyekat.

*Pernyataan-pernyataan oleh orang-orang yang tidak boleh dipanggil sebagai saksi*

32. Kes-kes dalam mana pernyataan mengenai kenyataan yang berkaitan oleh orang yang telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai adalah berkaitan.
33. Perkaitan keterangan tertentu untuk membuktikan dalam perbicaraan yang terkemudian tentang kebenaran kenyataan-kenyataan yang dinyatakan di dalamnya.

*Kenyataan-kenyataan yang dibuat di bawah keadaan-keadaan khas*

34. Catatan-catatan dalam buku-buku akaun bila berkaitan.
35. Perkaitan catatan dalam rekod awam yang dibuat dalam melaksanakan tugas.
36. Perkaitan pernyataan-pernyataan dalam peta-peta, carta-carta dan pelan-pelan.
37. Perkaitan pernyataan berkenaan dengan kenyataan sifat awam yang terkandung dalam Akta-Akta atau pemberitahuan yang tertentu.
38. Perkaitan pernyataan mengenai dengan mana-mana undang-undang yang terkandung dalam buku-buku undang-undang.

*Setakat mana sesuatu Pernyataan patut dibuktikan*

39. Apakah keterangan yang patut diberikan bila pernyataan menjadi sebahagian daripada perbualan, dokumen, buku atau siri-siri surat atau surat keterangan.

*Hukuman-hukuman Mahkamah-Mahkamah Keadilan bila berkaitan*

40. Hukuman-hukuman yang terdahulu berkaitan untuk menghalang guaman atau perbicaraan yang kedua.
41. Perkaitan hukuman-hukuman yang tertentu dalam probet, dsb., bidangkuasa.
42. Perkaitan dan natijah dokumen, perintah atau dikri selain daripada apa yang disebutkan dalam bab 41.
43. Hukuman-hukuman dsb. selain daripada apa yang disebut dalam bab-bab 40 hingga 42 bila berkaitan.
44. Penipuan atau pakatan dalam mendapatkan hukuman atau ketidaklayakan mahkamah boleh dibuktikan.

*Pendapat-Pendapat dari Orang-Orang Ketiga bila berkaitan*

45. Pendapat-pendapat pakar.
46. Kenyataan-kenyataan yang berhubung dengan pendapat-pendapat pakar.
47. Pendapat mengenai tulisan tangan bila berkenaan.
48. Pendapat-pendapat mengenai wujudnya hak atau adat bila berkaitan.
49. Pendapat mengenai adat dan kepercayaan, dsb. bila berkenaan
50. Pendapat mengenai perhubungan bila berkaitan.
51. Alasan-alasan pendapat bila berkaitan.

*Watak bila berkaitan*

52. Dalam kes-kes sivil watak untuk membuktikan ke-lakuan yang dituduh tidak berkaitan.
53. Dalam kes-kes jenayah watak baik yang terdahulu berkaitan.
54. Watak dahulu yang tidak baik tidak berkaitan kecuali dalam jawapan.
55. Watak yang memberi kesan gantirugi.

**BAHAGIAN II**

**MENGENAI BUKTI**

**Penggal III**

**Kenyataan-kenyataan yang tidak perlu dibuktikan**

56. Kenyataan yang mempunyai notis kehakiman tidak perlu dibuktikan.
57. Kenyataan-kenyataan yang mana mahkamah mesti mengambil notis kehakiman.
58. Kenyataan-kenyataan yang diterima tidak perlu dibuktikan.

**Penggal IV**

**Mengenai keterangan lisan**

59. Bukti bagi kenyataan-kenyataan dengan keterangan lisan.
60. Keterangan lisan hendaklah secara langsung.

**Penggal V**

**Mengenai keterangan dokumen**

61. Bukti bagi kandungan dokumen-dokumen.
62. Keterangan aslian.
63. Keterangan turunan.
64. Bukti bagi dokumen-dokumen dengan keterangan aslian.
65. Kes-kes dalam mana keterangan turunan berhubung dengan dokumen-dokumen boleh diberi.
66. Aturan-aturan mengenai notis untuk menge-mukakan.
67. Bukti bagi tandatangan dan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menandatangani atau menulis dokumen yang dikemukakan.
68. Bukti bagi pelaksanaan dokumen yang dikehendaki oleh undang-undang untuk ditandatangani.
69. Bukti jika saksi yang menandatangani tidak ditemui.
70. Pengakuan pelaksanaan oleh pihak untuk menanda-tangani dokumen.
71. Bukti bila saksi yang menandatangani menafikan pelaksanaannya.
72. Bukti dokumen yang tidak dikehendaki oleh undang-undang untuk ditandatangani.
73. Perbandingan tandatangan, tulisan atau meterai dengan lain-lainnya yang diterima atau dibuktikan.

*Dokumen-Dokumen Awam*

74. Dokumen-dokumen awam.
75. Dokumen-dokumen rahsia.
76. Salinan-salinan dokumen-dokumen awam yang diperakui.
77. Bukti bagi dokumen-dokumen dengan mengemukakan salinan-salinan yang diperakui.
78. Bukti bagi dokumen-dokumen rasmi yang tertentu.

*Anggapan-anggapan mengenai Dokumen-Dokumen*

79. Anggapan mengenai betulnya salinan-salinan yang diperakui.
80. Anggapan mengenai dokumen-dokumen yang dikemukakan sebagai rekod keterangan.
81. Anggapan mengenai Warta, suratkhabar, Akta-Akta Parlimen yang rahsia dan dokumen-dokumen lain.
82. Anggapan mengenai dokumen yang boleh diterima di England tanpa bukti meteri atau tandatangan.
83. Anggapan mengenai peta-peta atau pelan-pelan yang dibuat dengan kebenaran dari Kerajaan.
84. Anggapan mengenai pengumpulan undang-undang dan laporan-laporan keputusan.
85. Anggapan mengenai suratkuasa wakil.
86. Anggapan mengenai salinan-salinan yang diperakui bagi rekod-rekod kehakiman asing.
87. Anggapan mengenai buku-buku, peta-peta dan carta-carta.

- 
- 88. Anggapan mengenai berita-berita taligrap.
  - 89. Anggapan mengenai pelaksanaan yang sempurna dsb. bagi dokumen-dokumen yang tidak dikemukakan.
  - 90. Anggapan mengenai dokumen 30 tahun.

**Penggal VI**

**Mengenai penyingkiran lisan secara keterangan  
dokumen**

- 91. Keterangan mengenai syarat-syarat kontrak, pemberian dan pindaan harta yang lain yang dijadikan dalam bentuk dokumen.
- 92. Penyingkiran keterangan bagi perjanjian lisan.
- 93. Penyingkiran keterangan bagi perjanjian lisan.
- 94. Penyingkiran keterangan untuk menerangkan atau meminda dokumen yang samar.
- 95. Keterangan mengenai dokumen yang tidak bermakna memandang kepada kenyataan yang ada.
- 96. Keterangan mengenai penggunaan bahasa yang boleh digunakan kepada seorang sahaja daripada beberapa orang.
- 97. Keterangan mengenai penggunaan bahasa kepada satu daripada dua set kenyataan yang mana keseluruhaninya tidak digunakan dengan betul kepada kedua-duanya.
- 98. Keterangan mengenai huruf-huruf yang tidak dapat dibaca.
- 99. Siapa yang boleh memberi keterangan mengenai perjanjian yang mengubah syarat-syarat dokumen.
- 100. Pengertian wasiat tidak tersentuh.

## BAHAGIAN III

## MENGEMUKAKAN DAN NATIJAH KETERANGAN

## Penggal VII

## Mengenai beban membuktikan

101. Beban membuktikan.
102. Ke atas siapa bergantungnya beban untuk membuktikan.
103. Beban untuk membuktikan mengenai kenyataan yang tertentu.
104. Beban untuk membuktikan kenyataan yang hendak dibuktikan untuk membuat keterangan boleh diterima.
105. Beban untuk membuktikan bahawa kes yang tertuduh termasuk dalam kekecualian.
106. Beban untuk membuktikan kenyataan yang istimewanya diketahui.
107. Beban untuk membuktikan kematian orang yang diketahui telah hidup dalam masa 30 tahun.
108. Beban untuk membuktikan bahawa orang itu hidup yang tidak didengar khabarnya selama 7 tahun.
109. Beban untuk membuktikan mengenai hubungan dalam hal-hal rakan kongsi, tuan tanah dan penghuni, penghutang atau wakil.
110. Beban untuk membuktikan pemilikan.
111. Bukti kesucian hati dalam urusan-urusan jika satu pihak adalah dalam hubungan kepercayaan yang giat.
112. Kelahiran semasa perkahwinan adalah bukti mukta-mad mengenai dengan taraf anak.

- 
- 113. Anggapan bahawa anak lelaki di bawah 13 tahun tidak boleh melakukan rogol.
  - 114. Mahkamah boleh menganggap wujudnya kenyataan yang tertentu.

**Penggal VIII**

**Sekatan**

- 115. Sekatan.
- 116. Sekatan bagi penyewa ;  
dan pemegang lesen dari orang yang memilikinya.
- 117. Sekatan penerima bil bagi bil pertukaran, penerima serahan atau pemegang lesen.

**Penggal IX**

**Mengenai saksi-saksi**

- 118. Siapa yang boleh memberi keterangan.
- 119. Saksi yang bisu.
- 120. Pihak-pihak kepada guaman sivil isteri-isteri dan suami-suami mereka.
- 121. Hakim dan majistret.
- 122. Perhubungan semasa perkahwinan.
- 123. Keterangan mengenai hal-ehwal negeri.
- 124. Perhubungan-perhubungan rasmi.
- 125. Maklumat mengenai berlakunya kesalahan-kesalahan.
- 126. Perhubungan-perhubungan profesional.
- 127. Bab 126 dikenakan kepada jurubahasa-jurubahasa dsb.
- 128. Keistimewaan tidak diketepikan oleh keterangan suka-rela.

129. Perhubungan-perhubungan sulit dengan penasihat-penasihat undang-undang.
130. Mengemukakan suratikatan hakmilik dari saksi yang bukan menjadi pihak.
131. Mengemukakan dokumen-dokumen yang mana dimiliki oleh orang lain yang boleh menolak untuk mengemukakan.
132. Saksi tidak lepas daripada menjawab dengan alasan bahawa jawapan akan menyebabkan ianya dituduh.
133. Rakan sejenayah.
134. Bilangan saksi.

**Penggal X**

**Mengenai pemeriksaan saksi-saksi**

135. Perintah untuk mengemukakan dan memeriksa saksi-saksi.
136. Mahkamah hendaklah memutuskan sama ada keterangan boleh diterima.
137. Pemeriksaan utama, pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula.
138. Peraturan bagi pemeriksaan. Maksud bagi pemeriksaan semula.
139. Pemeriksaan balas bagi orang yang dipanggil untuk mengemukakan sesuatu dokumen.
140. Saksi-saksi berkenaan dengan kelakuan.
141. Soalan-soalan memimpin.
142. Bila soalan-soalan memimpin tidak boleh ditanya.
143. Bila soalan-soalan memimpin boleh ditanya.
144. Keterangan mengenai perkara-perkara bertulis.

- 
- 145. Pemeriksaan balas mengenai pernyataan-pernyataan secara bertulis yang terdahulu.
  - 146. Soalan-soalan yang sah dalam pemeriksaan balas.
  - 147. Bila saksi hendak dipaksa untuk menjawab.
  - 148. Mahkamah memutuskan bila soalan hendak dijawab dan bila saksi dipaksa untuk menjawab.
  - 149. Soalan tidak boleh ditanya tanpa alasan-alasan yang munasabah.
  - 150. Peraturan mahkamah dalam hal soalan ditanya tanpa alasan-alasan yang munasabah.
  - 151. Soalan-soalan yang tidak sopan dan mengaibkan.
  - 152. Soalan-soalan bermaksud untuk mencela atau menyalahkan hati.
  - 153. Penyingkiran keterangan untuk menyangkalkan jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang menguji kebenaran.
  - 154. Soalan oleh pihak kepada saksinya sendiri.
  - 155. Mencabar kebolehpercayaan saksi.
  - 156. Soalan-soalan yang cenderung kepada keterangan menyokong atau kenyataan yang berkaitan boleh diterima.
  - 157. Kenyataan-kenyataan dahulu boleh dibuktikan untuk menyokong keterangan lisan yang kemudian mengenai kenyataan yang sama.
  - 158. Apa perkara yang dibuktikan berhubung dengan pernyataan yang dibuktikan berkenaan di bawah bab 32 atau 33.
  - 159. Mengingatkan semula.
  - 160. Keterangan lisan mengenai kenyataan-kenyataan yang dinyatakan dalam dokumen yang disebut dalam bab 159.

161. Hak pihak lawan mengenai tulisan yang digunakan untuk mengingatkan semula.
162. Mengemukakan dokumen-dokumen.
163. Memberi sebagai keterangan dokumen yang dikehendaki dan dikemukakan atas notis.
164. Menggunakan sebagai keterangan dokumen yang enggan dikemukakan atas notis.
165. Kuasa hakim untuk mengemukakan soalan-soalan atau perintah untuk mengemukakan.
166. Kuasa sidang juri atau penaksir-penaksir untuk mengemukakan soalan-soalan.

**Penggal XI**

Mengenai keterangan yang diterima atau ditolak dengan tidak sepatutnya

167. Tiada perbicaraan baru bagi keterangan yang diterima atau ditolak dengan tidak sepatutnya.
-

## AKTA KETERANGAN

**Suatu Akta untuk menyatukan undang-undang di dalam Negara Brunei Darussalam berhubung dengan keterangan**

2 bagi tahun  
1939 (Penggal  
3 tahun  
1951)

*Permulaan kuatkuasa : 17hb April 1939*

### BAHAGIAN I

#### PERKAITAN KENYATAAN

##### Penggal I

##### Permulaan

1. Akta ini boleh digelar sebagai Akta Keterangan.

Gelaran  
pendek

2. Akta ini hendaklah dikenakan kepada semua perbicaraan-perbicaraan kehakiman atau di hadapan mana-mana mahkamah melainkan Mahkamah-Mahkamah Tentera dan Mahkamah-Mahkamah Ugama Islam, tetapi bukan kepada affidavit yang dikemukakan kepada mana-mana mahkamah atau pegawai maupun kepada perbicaraan-perbicaraan di hadapan seorang penimbangtara.

Keluasan

3. Dalam Akta ini, kecuali jika ada terdapat sesuatu yang tidak bersesuaian dalam perkataan atau kandungan ayat tersebut —

Tafsiran

“mahkamah” termasuk semua Hakim dan majistret dan, kecuali penimbangtara-penimbangtara, semua orang yang dibenarkan secara sah untuk mengambil keterangan ;

“kenyataan” bermakna dan termasuk —

- (a) mana-mana barang, keadaan barang-barang atau perkaitan barang-barang yang boleh diketahui dengan deria ;
- (b) mana-mana keadaan mental yang disedari oleh sesiapa juar.

*Misalan*

- (a) Bahawa terdapat benda-benda yang tertentu yang disusun dalam suatu susunan yang tertentu di suatu tempat yang tertentu adalah suatu kenyataan.
- (b) Bahawa seseorang yang mendengar atau melihat sesuatu adalah suatu kenyataan.
- (c) Bahawa seseorang mengatakan perkataan-perkataan yang tertentu adalah suatu kenyataan.
- (d) Bahawa seseorang mempunyai sesuatu pendapat yang tertentu, mempunyai sesuatu tujuan yang tertentu, berbuat dengan niat yang baik atau secara tipuan, atau menggunakan sesuatu perkataan yang tertentu dengan maksud yang tertentu, atau adalah atau telah pada waktu yang tertentu menyedari akan maksud yang tertentu itu, adalah suatu kenyataan.
- (e) Bahawa seseorang itu mempunyai reputasi yang tertentu adalah suatu kenyataan.

Sesuatu kenyataan dikatakan sebagai berkaitan dengan yang lain bila ianya berkaitan dengan yang lain dalam apa jua cara yang disebutkan dalam syarat-syarat Akta ini berhubung dengan perkaitan kenyataan-kenyataan ;

“kenyataan yang menjadi persoalan” bermakna mana-mana kenyataan daripada mana, sama ada dengan sendirinya atau berkaitan dengan kenyataan-kenyataan yang lain, wujudnya, tidak wujudnya, keadaan atau keluasan mana-mana hak, tanggungan atau kelemahan yang ditegaskan atau dinafikan dalam mana-mana guaman atau perbicaraan yang perlu menyusul ;

*Misalan*

A. dituduh membunuh B.

Dalam perbicaraannya kenyataan-kenyataan yang berikut mungkin menjadi persoalan :

bahawa A. menyebabkan kematian B.

bahawa A. berniat untuk menyebabkan kematian B.

bahawa A. telah menerima bangkitan marah yang besar dan mengejut dari B ;

bahawa A. pada waktu melakukan perbuatan tersebut yang menyebabkan kematian B. adalah disebab oleh tidak kesempurnaan akal yang tidak mengetahui akan sifatnya.

“dokumen” bermakna mana-mana perkara yang dijelaskan atau diterangkan dalam mana-mana benda dengan cara surat-surat, angka-angka atau tanda-tanda atau secara lebih dari satu daripada cara-cara tersebut yang diniatkan untuk digunakan atau yang boleh digunakan bagi maksud mencatat perkara itu ;

*Misalan*

Sesuatu penulisan adalah suatu dokumen.

Perkataan-perkataan yang dicetak, dilito atau difoto adalah dokumen-dokumen.

Sesuatu peta atau pelan adalah suatu dokumen.

Sesuatu teraan atas sesuatu plat logam atau batu adalah suatu dokumen.

Sesuatu gambar sindiran adalah suatu dokumen.

“keterangan” termasuk

(a) semua pernyataan yang dibenarkan atau dikehendaki untuk dibuat di hadapan mahkamah oleh saksi-saksi yang berkaitan dengan hal-hal kenyataan di bawah siasatan : pernyataan-pernyataan demikian dipanggil keterangan lisan ;

(b) semua dokumen yang dikemukakan bagi pemeriksaan mahkamah : dokumen-dokumen demikian dipanggil keterangan suratan.

Sesuatu kenyataan dikatakan sebagai “telah dibuktikan” bila, selepas mempertimbangkan perkara-perkara sebelumnya, mahkamah sama ada percaya ianya wujud atau menganggap wujudnya begitu harus sehingga seseorang yang berhemat patut, di bawah keadaan-keadaan kes yang tertentu, untuk bertindak atas sangkaan bahawa ianya wujud.

Sesuatu kenyataan dikatakan sebagai “telah dibuktikan sebaliknya” bila, selepas mempertimbangkan perkara-perkara sebelumnya, mahkamah sama ada percaya bahawa ianya tidak wujud atau menganggap tidak wujudnya begitu harus sehingga seseorang yang berhemat patut, di bawah keadaan-keadaan kes yang tertentu, untuk bertindak atas sangkaan bahawa ianya tidak wujud.

Sesuatu kenyataan dikatakan sebagai “telah tidak dibuktikan” apabila sama ada ianya telah tidak dibuktikan atau telah dibuktikan sebaliknya.

Anggapan

4. (1) Bila-bila saja diperuntukkan oleh Akta ini bahawa mahkamah boleh menyangka sesuatu kenyataan, ianya boleh sama ada menganggap kenyataan demikian sebagai telah dibuktikan kecuali jika dan sehingga ianya telah dibuktikan sebaliknya, atau boleh menghendaki bukti baginya.

(2) Bila-bila saja diarahkan oleh Akta ini bahawa mahkamah hendaklah menganggap sesuatu kenyataan, ianya hendaklah menganggap kenyataan demikian sebagai telah dibuktikan kecuali jika dan sehingga ianya telah dibuktikan sebaliknya.

(3) Bila satu kenyataan ditetapkan oleh Akta ini sebagai bukti muktamad bagi kenyataan yang lain, mahkamah hendaklah, setelah terbuktiya satu kenyataan tersebut, menganggap kenyataan yang lain itu sebagai telah dibuktikan, dan tidak boleh membenarkan keterangan untuk diberikan bagi maksud membuktikan sebaliknya.

## Penggal II

### Mengenai perkaitan kenyataan

5. Keterangan boleh diberi dalam mana-mana guaman atau perbicaraan tentang wujudnya atau tidak wujudnya setiap kenyataan yang menjadi persoalan dan tentang kenyataan-kenyataan lain yang sedemikian sebagaimana selepas ini diisyiharkan sebagai berkaitan, dan bukan mengenai kenyataan yang lain.

Keterangan  
boleh diberi  
bagi  
kenyataan-  
kenyataan  
yang menjadi  
persoalan dan  
kenyataan-  
kenyataan  
yang  
berkaitan

*Huraian.*—Bab ini tidak membolehkan sesiapa jua untuk memberi keterangan mengenai suatu kenyataan yang mana dia tidak berhak membuktikan dengan mana-mana peruntukan undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa yang berkaitan dengan tatacara sivil.

### *Misalan*

(a) A. dibicarakan bagi pembunuhan B. dengan memukulnya dengan belantan dengan tujuan untuk menyebabkan kematiannya.

Pada perbicaraan A. kenyataan-kenyataan berikut menjadi persoalan :

A. memukul B. dengan belantan tersebut.

A. menyebabkan kematian B. dengan pukulan tersebut.

Tujuan A. untuk menyebabkan kematian B.

(b) A. satu pihak dalam suatu guaman tidak mematuhi notis yang diberi oleh B. pihak lain untuk mengemukakan bagi pemeriksaan B. suatu dokumen yang disebutkan dalam surat guaman A. Bab ini tidak

Perkaitan  
kenyataan-  
kenyataan  
menjadikan  
sebahagian  
daripada  
urusan yang  
sama

membolehkan A. untuk mengemukakan dokumen demikian sebagai keterangan bagi pihaknya dalam guaman tersebut, dengan jalan lain menurut syarat-syarat yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkuatkuasa pada ketika itu yang berkaitan dengan tatacara sivil.

**6.** Kenyataan-kenyataan yang, meskipun tidak menjadi persoalan, berkaitan sedemikian dengan suatu kenyataan yang menjadi persoalan sebagai menjadi sebahagian daripada urusan yang sama adalah berkaitan, sama ada ianya berlaku pada waktu dan tempat yang sama atau pada waktu atau tempat yang berlainan.

*Misalan*

(a) A. dituduh membunuh B. dengan memukulnya. Apa jua yang dikatakan atau dilakukan oleh A. atau B. atau orang-orang yang melihat kejadian pemukulan itu atau tidak lama sebelum atau selepas pemukulan tersebut sebagai menjadi sebahagian daripada kejadian tersebut adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(b) A. dituduh melancarkan perperangan terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dengan mengambil bahagian dalam penderhakaan bersenjata dalam mana harta benda dimusnahkan, pasukan-pasukan tentera diserang dan penjara-penjara dipecah. Terdapatnya kenyataan-kenyataan ini adalah berkaitan sebagai menjadi sebahagian daripada kejadian am, meskipun A. mungkin tidak ada hadir pada kesemua kejadian tersebut.

(c) A. mendakwa B. kerana fitnah bertulis yang terkandung dalam sepucuk surat yang menjadikan sebahagian daripada suatu persuratan. Surat-surat di antara pihak-pihak yang berhubung dengan perkara daripada mana fitnah bertulis itu timbul dan menjadi sebahagian daripada persuratan dalam mana ianya terkandung adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan meskipun ianya tidak mengandungi fitnah bertulis itu sendiri.

(d) Masalah sama ada barang-barang yang tertentu yang dipesan daripada B. dikirimkan kepada A. Barang-barang tersebut telah dikirimkan kepada beberapa orang tengah secara berturut-turut. Setiap pengiriman adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

**7.** Kenyataan-kenyataan yang menjadi alasan, sebab atau natijah, dengan serta-merta atau sebaliknya, bagi kenyataan-kenyataan yang berkaitan atau kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan, atau yang menjadikan keadaan benda-benda dalam mana ianya berlaku atau yang memberi suatu peluang bagi kejadian atau urusannya, adalah berkaitan.

Kenyataan-kenyataan yang menjadi alasan, sebab atau natijah tentang kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan

*Misalan*

(a) Masalah sama ada A. merompak B.

Kenyataan-kenyataan bahawa tidak lama sebelum rompakan tersebut B. telah pergi ke pasaria dengan membawa wang bersamanya dan bahawa dia telah menunjukkan atau menyebut kenyataan bahawa dia mempunyainya kepada orang-orang ketiga adalah berkaitan.

(b) Masalah sama ada A. membunuh B.

Tanda-tanda di atas tanah hasil dari suatu pergelutan di atau dekat tempat di mana pembunuhan tersebut telah dilakukan adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

(c) Masalah sama ada A. meracun B.

Keadaan kesihatan B. sebelum gejala yang disebabkan oleh racun dan tabiat B. yang diketahui oleh A., yang memberi peluang untuk memberikan racun, adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

**8.** (1) Mana-mana kenyataan adalah berkaitan yang menunjukkan atau menjadikan suatu tujuan atau persediaan bagi mana-mana kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan yang berkaitan.

Tujuan, persediaan dan kelakuan yang telah lalu atau yang berikutnya

(2) Kelakuan mana-mana pihak atau mana-mana wakil kepada mana-mana pihak dalam mana-mana guaman atau perbicaraan yang berhubung dengan guaman atau perbicaraan demikian atau yang berhubung dengan mana-mana kenyataan yang menjadi persoalan di dalamnya atau berkaitan dengannya, dan kelakuan mana-mana orang terhadap mana suatu kesalahan adalah tertakluk kepada mana-mana

perbicaraan, adalah berkaitan jika kelakuan demikian mempengaruuh atau dipengaruuh oleh mana-mana kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan yang berkaitan, dan sama ada ianya telah berlalu atau berikutnya dengannya.

*Huraian 1.* — Perkataan “kelakuan” dalam bab ini tidak termasuk pernyataan-pernyataan kecuali jika pernyataan-pernyataan tersebut disertakan dan menerangkan perbuatan-perbuatan selain daripada pernyataan-pernyataan ; tetapi huraian ini hendaklah tidak menyentuh perkaitan pernyataan-pernyataan di bawah mana-mana bab lain dalam Akta ini.

*Huraian 2.* — Bila kelakuan mana-mana orang adalah berkaitan mana-mana pernyataan yang dibuat kepadanya atau di hadapannya dan perbicaraan yang menyentuh kelakuan demikian adalah berkaitan.

*Misalan*

- (a) A. dibicarakan kerana membunuh B.

Kenyataan-kenyataan bahawa A. telah membunuh C., bahawa B. mengetahui bahawa A. telah membunuh C., dan bahawa B. telah cuba untuk memeras wang dari A. dengan mengancam untuk mendedahkan pengetahuannya kepada orang ramai adalah berkaitan.

- (b) A. mendakwa B. atas suatu bon bagi pembayaran wang. B. menafikan pembuatan bon tersebut.

Kenyataan bahawa pada waktu bila bon tersebut dikatakan telah dibuat B. menghendaki wang bagi sesuatu tujuan yang tertentu adalah berkaitan.

- (c) A. dibicarakan bagi pembunuhan B. dengan racun.

Kenyataan bahawa sebelum kematian B. A. telah mendapatkan racun sama seperti yang digunakan kepada B. adalah berkaitan.

- (d) Masalah sama ada sesuatu dokumen yang tertentu adalah wasiat A.

Kenyataan-kenyataan bahawa tidak lama sebelum tarikh wasiat yang dikatakan itu A. telah membuat siasatan ke dalam perkara-perkara kepada mana peruntukan-peruntukan wasiat yang dikatakan itu berkaitan, bahawa dia telah berunding dengan peguam-peguam berhubung dengan membuat wasiat tersebut, dan bahawa dia telah menyebabkan rang-rang bagi wasiat-wasiat yang lain untuk disediakan bagi yang mana dia tidak bersetuju adalah berkaitan.

(e) A. dituduh melakukan sesuatu jenayah.

Kenyataan-kenyataan sama ada sebelum atau pada waktu atau selepas jenayah yang dikatakan itu A. telah memberi keterangan yang cenderung untuk memberi kepada kenyataan-kenyataan bagi kes tersebut suatu gambaran yang menguntungkan bagi dirinya, atau bahawa dia telah memusnahkan atau menyembunyikan keterangan atau menghalang kehadiran atau menyebabkan ketidakhadiran orang-orang yang boleh menjadi saksi-saksi atau mencucuk orang untuk memberi keterangan yang palsu mengenainya adalah berkaitan.

(f) Masalah sama ada A. merompak B.

Kenyataan-kenyataan bahawa selepas B. dirompak, C. mengatakan di hadapan A. : “Polis akan datang untuk mencari orang yang merompak B.” dan bahawa sebaik sahaja selepas itu A. lari adalah berkaitan.

(g) Masalah sama ada A. berhutang dengan B. \$10,000.

Kenyataan-kenyataan bahawa A. meminta C. untuk menghutangkannya wang, dan bahawa D. mengatakan kepada C. di hadapan dan dalam pendengaran A : “Saya nasihatkan awak untuk tidak mempercayai A. kerana dia berhutang dengan B. \$10,000,” dan bahawa A. pergi tanpa membuat sebarang jawapan adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

(h) Masalah sama ada A. telah melakukan suatu jenayah.

Kenyataan bahawa A. menghilangkan diri setelah menerima sepucuk surat yang memberi amaran kepadanya bahawa penyiasatan sedang dibuat bagi jenayah tersebut dan kandungan-kandungan surat tersebut adalah berkaitan.

(i) A. dituduh melakukan sesuatu jenayah.

Kenyataan-kenyataan bahawa setelah berlakunya jenayah yang dikatakan itu dia menghilangkan diri, atau ada memiliki harta atau keuntungan dari harta yang diperolehi dari jenayah tersebut, atau cuba untuk menyembunyikan benda-benda yang digunakan atau mungkin digunakan dalam melakukannya adalah berkaitan.

(j) Masalah sama ada A. diperkosa.

Kenyataan-kenyataan bahawa tidak lama selepas rogol yang dikatakan itu dia telah membuat suatu aduan berhubung dengan jenayah tersebut, keadaan-keadaan di bawah mana dan syarat-syarat dalam mana aduan tersebut dibuat adalah berkaitan.

Kenyataan-kenyataan bahawa dengan tidak membuat aduan dia mengatakan bahawa dia telah diperkosa adalah tidak berkaitan sebagai kelakuan di bawah bab ini, meskipun ianya mungkin berkaitan sebagai suatu akuan orang yang menghadap mati di bawah bab 32 (a); atau sebagai bukti keterangan menyokong di bawah bab 157.

(k) Masalah sama ada A. telah dirompak.

Kenyataan bahawa sebaik sahaja selepas rompakan yang dikatakan itu dia telah membuat aduan mengenai kesalahan tersebut, keadaan-keadaan di bawah mana dan syarat-syarat dalam mana aduan tersebut telah dibuat adalah berkaitan.

Kenyataan bahawa dia mengatakan yang dia telah dirompak tanpa membuat sebarang aduan adalah tidak berkaitan sebagai kelakuan di bawah bab ini, meskipun ianya mungkin berkaitan sebagai sesuatu akuan orang yang menghadap mati di bawah bab 32 (a); atau sebagai keterangan menyokong di bawah bab 157.

Kenyataan-  
kenyataan  
yang perlu  
untuk  
menerangkan  
atau  
memper-  
kenalkan  
kenyataan-  
kenyataan  
yang  
berkaitan

**9.** Kenyataan-kenyataan yang perlu untuk menerangkan atau memperkenalkan sesuatu kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan yang berkaitan, atau yang menyokong atau mematahkan sesuatu kesimpulan yang dicadangkan oleh sesuatu kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan yang berkaitan, atau yang menjadikan pengenalan mana-mana benda atau orang yang mana pengenalannya adalah berkaitan, atau menetapkan masa dan tempat di mana sebarang kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan yang berkaitan berlaku atau yang menunjukkan perkaitan pihak-pihak oleh siapa mana-mana kenyataan demikian diuruskan, adalah berkaitan sejauh mana ianya diperlukan bagi maksud itu.

#### *Misalan*

(a) Masalah sama ada sesuatu dokumen yang diberikan adalah wasiat A.

Kedaan harta A. dan keluarganya pada tarikh wasiat yang dikatakan boleh menjadi kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

(b) A. mendakwa B. bagi sesuatu fitnah bertulis yang menohmahkan kelakuan yang memalukan kepada A. ; B. mengaku bahawa perkara yang dikatakan sebagai fitnah bertulis itu adalah benar.

Kedudukan dan perhubungan pihak-pihak pada waktu bila fitnah bertulis itu disiarkan boleh menjadi kenyataan-kenyataan berkaitan sebagai pengenalan kepada kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan.

Butir-butir bagi sesuatu pertikaian di antara A. dan B. mengenai suatu perkara yang tidak berkaitan dengan fitnah bertulis yang dikatakan adalah tidak berkaitan, meskipun kenyataan bahawa ada terdapat pertikaian boleh menjadi berkaitan jika ianya melibatkan perhubungan-perhubungan di antara A. dan B.

(c) A. dituduh melakukan sesuatu jenayah.

Kenyataan bahawa sebaik sahaja selepas berlakunya jenayah tersebut A. menghilangkan diri dari rumahnya adalah berkaitan di bawah bab 8 sebagai kelakuan yang berikutan dengan dan tersentuh oleh kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan.

Kenyataan bahawa pada waktu bila dia meninggalkan rumah dia mempunyai urusan yang tiba-tiba dan sangat penting di tempat yang ditujukannya adalah berkaitan sebagai cenderung untuk menerangkan kenyataan bahawa dia telah meninggalkan rumah dengan mendesak.

Butir-butir urusan dalam mana dia telah pergi adalah tidak berkaitan, melainkan sejauh mana ianya adalah perlu untuk menunjukkan bahawa urusan tersebut adalah tiba-tiba dan sangat penting.

(d) A. mendakwa B. kerana mendorong C. untuk memecah kontrak perkhidmatan yang dibuat olehnya dengan A. dan C. ketika meninggalkan perkhidmatan A. mengatakan kepada A. : "Saya berhenti bekerja dengan awak kerana B. telah membuat tawaran yang lebih baik kepada saya." Pernyataan ini adalah suatu kenyataan yang berkaitan sebagai menerangkan kelakuan C., yang mana adalah berkaitan sebagai suatu kenyataan yang menjadi persoalan.

(e) A. yang dituduh mencuri dilihat memberi barang-barang curian tersebut kepada B., yang dilihat memberi kepada isteri A. B. mengatakan sambil dia memberinya : "A. mengatakan awak hendaklah menyembunyikannya." Pernyataan B. adalah berkaitan sebagai menerangkan suatu kenyataan yang mana adalah sebahagian daripada urusan tersebut.

(f) A. dibicarakan bagi suatu rusuhan dan dibuktikan telah berjalan di kepala kumpulan rusuhan tersebut. Laungan dari rusuhan tersebut adalah berkaitan sebagai menerangkan sifat urusan tersebut.

Perkara-perkara yang dikatakan atau dilakukan oleh orang yang berkomplot berhubung dengan rancangan bersama

**10.** Jika terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa dua orang atau lebih telah berpakat jahat bersama untuk melakukan sesuatu kesalahan atau sesuatu perbuatan salah yang boleh diambil tindakan, apapun yang dikatakan, dibuat atau ditulis oleh mana-mana orang demikian, berhubung dengan tujuan bersama mereka selepas waktu bila tujuan demikian mula-mula dilayan oleh mana-mana satu daripada mereka, adalah suatu kenyataan yang berkaitan terhadap setiap seorang daripada orang-orang yang dipercayai sebagai berpakat jahat, dan juga bagi maksud membuktikan wujudnya pakatan jahat tersebut sebagai maksud menunjukkan bahawa mana-mana orang demikian adalah suatu pihak dalamnya.

#### *Misalan*

Terdapat alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa A. telah memasuki sesuatu pakatan jahat untuk melancarkan perang terhadap Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Kenyataan-kenyataan bahawa B. telah memperolehi senjata api di Eropah bagi maksud pakatan jahat tersebut, C. mengutip wang di Malaka bagi tujuan yang sama, D. membujuk orang-orang untuk memasuki pakatan jahat di Province Wellesley, E. menyiarakan tulisan-tulisan yang mempertahankan matlamat tersebut di Singapura, dan F. menghantar dari Singapura kepada G. di Jakarta wang yang telah dikutip oleh C. di Malaka, dan isi kandungan surat yang telah ditulis oleh H. yang memberi keterangan mengenai pakatan jahat tersebut setiap satunya adalah berkaitan, kedua-duanya untuk membuktikan wujudnya pakatan jahat tersebut dan untuk membuktikan terlibatnya A. di dalamnya, meskipun dia mungkin tidak menyedari mengenai kesemuanya, dan meskipun orang-orang oleh siapa ianya telah dilakukan adalah orang-orang yang tidak dikenalinya, dan meskipun mereka mungkin telah terlibat sebelum dia memasuki pakatan jahat tersebut atau selepas dia keluar daripadanya.

Bila  
kenyataan-  
kenyataan  
yang tidak  
berkaitan  
sebaliknya  
menjadi  
berkaitan

**11.** Kenyataan-kenyataan yang tidak berkaitan sebaliknya menjadi berkaitan —

(a) jika ianya berlawanan dengan mana-mana kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan yang berkaitan ;

- (b) jika dengan sendirinya atau berhubung dengan kenyataan-kenyataan lain ianya membuat wujudnya atau tidak wujudnya mana-mana kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan yang berkaitan menjadi mungkin atau tidak mungkin.

*Misalan*

- (a) Masalah sama ada A. telah melakukan suatu jenayah di Kuala Belait pada suatu hari yang tertentu.

Kenyataan bahawa pada hari itu A. berada di Bandar Seri Begawan adalah berkaitan.

Kenyataan bahawa hampir dengan waktu bila kesalahan tersebut telah dilakukan A. berada jauh daripada tempat di mana kesalahan tersebut dilakukan, yang menjadikannya sangat tidak mungkin, meskipun boleh terjadi, bahawa dia telah melakukannya adalah berkaitan.

- (b) Masalah sama ada A. melakukan sesuatu jenayah.

Keadaan-keadaan tersebut merupakan bahawa jenayah tersebut mesti telah dilakukan sama ada oleh A., B., C. atau D. Setiap kenyataan yang menunjukkan bahawa jenayah tersebut tidak dilakukan oleh orang lain dan bahawa ianya tidak dilakukan sama ada oleh B., C. atau D. adalah berkaitan.

- 12.** Dalam guaman-guaman dalam mana kerugian-kerugian dituntut mana-mana kenyataan yang membolehkan mahkamah untuk menentukan jumlah kerugian-kerugian yang patut dibayar adalah berkaitan.

Dalam  
guaman-  
guaman bagi  
kerugian  
kenyataan-  
kenyataan  
yang  
cenderung  
bagi  
memboleh-  
kan  
mahkamah  
untuk  
menentukan  
jumlah  
adalah  
berkaitan

Kenyataan-  
kenyataan  
berkaitan  
bila hak atau  
adat menjadi  
persoalan

**13.** Jika masalah tersebut adalah mengenai wujudnya mana-mana hak atau adat kenyataan-kenyataan yang berikut adalah berkaitan —

- (a) mana-mana urusan dengan mana hak atau adat yang menjadi persoalan dibuat, dituntut, diubahsuai, diakui, ditegaskan atau dinafikan atau yang berlawanan dengan wujudnya ;
- (b) contoh-contoh yang tertentu dalam mana hak atau adat tersebut dibuat, diakui atau dijalankan atau dalam mana perjalannya dipertikaikan, di-tegas atau disimpangkan.

*Misalan*

Masalah sama ada A. mempunyai hak kepada perikanan. Suatu suratikatan yang memberi perikanan tersebut kepada nenek-mo- yang A., suatu gadaijanji perikanan tersebut oleh bapa A., pemberian yang terkemudian oleh bapa A. yang tidak selaras dengan gadaijanji tersebut, contoh-contoh tertentu dalam mana bapa A. menjalankan hak tersebut, atau dalam mana perjalanan hak tersebut telah dihentikan oleh jiran-jiran A., adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

Kenyataan-  
kenyataan  
yang  
menunjukkan  
perasaan hati  
atau badan  
atau perasaan  
keseluruhannya

**14.** Kenyataan-kenyataan yang menunjukkan wujudnya mana-mana perasaan hati, seperti tujuan, pengetahuan, kesucian hati, kelalaian, kegopohan, niat buruk atau niat baik terhadap mana-mana orang tertentu, atau menunjukkan wujudnya mana-mana keadaan badan atau perasaan keseluruhaninya, adalah berkaitan bila wujudnya mana-mana perasaan hati atau badan atau perasaan keseluruhannya adalah menjadi persoalan atau berkaitan.

*Huraian 1.—* Sesuatu kenyataan berkaitan sebagai menunjuk wujudnya perasaan hati yang berkaitan hendaklah menunjukkan bahawa perasaan hati tersebut wujud bukan secara keseluruhannya tetapi berhubung dengan perkara tertentu yang menjadi persoalan.

*Huraian 2.*— Tetapi jika pada masa perbicaraan seseorang yang dituduh bagi sesuatu kesalahan berlakunya kesalahan yang terdahulu oleh yang dituduh bagi sesuatu kesalahan adalah berkaitan dalam bidang makna bab ini, sabit kesalahan orang tersebut yang dahulu hendaklah juga menjadi suatu kenyataan yang berkaitan.

*Misalan*

(a) A. dituduh menerima barang-barang curian, dengan mengetahui bahawa ianya adalah barang-barang curian. Adalah dibuktikan bahawa dia mempunyai benda curian yang tertentu.

Kenyataan bahawa pada waktu yang sama dia juga mempunyai banyak benda-benda curian yang lain adalah berkaitan sebagai cenderung untuk menunjukkan bahawa dia mengetahui setiap dan semua benda-benda tersebut yang dipunyainya itu adalah barang-barang curian.

(b) A. dituduh telah menghantar secara tipuan duit palsu kepada orang lain, yang mana pada waktu bila dia menghantarnya dia mengetahui bahawa ianya adalah palsu.

Kenyataan bahawa pada waktu penghantaran A. mempunyai beberapa keping duit palsu yang lain adalah berkaitan.

Kenyataan bahawa A. dahulunya pernah disabit kesalahan kerana telah menghantar wang palsu sebagai wang benar kepada orang lain.

(c) A. mendakwa B. kerana kerosakan yang dilakukan oleh seekor anjing kepunyaan B. yang mana B. mengetahui bahawa ianya adalah garang.

Kenyataan-kenyataan bahawa anjing tersebut dahulunya telah menggigit X., Y. dan Z. dan bahawa mereka telah membuat aduan kepada B. adalah berkaitan.

(d) Masalah sama ada A. sebagai penerima bil pertukaran mengetahui bahawa nama penerima wang tersebut adalah ada-adaan.

Kenyataan bahawa A. telah menerima bil-bil lain yang diperolehi dengan cara yang sama sebelum ianya boleh dihantar kepadanya oleh penerima wang tersebut, jika penerima wang itu adalah orang yang sebenarnya, adalah berkaitan, sebagai membuktikan bahawa A. mengetahui bahawa penerima wang tersebut adalah seorang ada-adaan.

(e) A. dituduh memfitnah B. dengan menyiarkan suatu tohmahan yang bertujuan untuk memburukkan nama baik B.

Kenyataan mengenai terbitan-terbitan yang dahulu oleh A. mengenai B., menunjukkan niat buruk A. terhadap B. adalah berkaitan, sebagai membuktikan niat A. untuk memburukkan nama baik B. secara terbitan tertentu yang menjadi persoalan.

Kenyataan-kenyataan bahawa dahulunya tidak ada perkelahian di antara A. dan B. dan bahawa A. telah mengulangi perkara yang diadukan itu sebagaimana yang didengarnya, adalah berkaitan sebagai menunjukkan bahawa A. tidak berniat untuk memburukkan nama baik B.

(f) A. didakwa oleh B. kerana secara tipuan menyatakan kepada B. bahawa C. berkemampuan, dengan yang mana B. terdorong mempercayai C. yang mana tidak berkemampuan, telah mengalami kerugian.

Kenyataan bahawa pada waktu bila A. menyatakan yang C. berkemampuan, C. disangka berkemampuan oleh jiran-jirannya dan oleh orang-orang yang berurusan dengannya, adalah berkaitan sebagai menunjukkan bahawa A. membuat pernyataan tersebut dengan suci hati.

(g) A. didakwa oleh B. bagi kerja yang telah dibuat oleh B. atas sebuah rumah kepunyaan A. dengan perintah dari C., seorang kontraktor.

Pembelaan A. adalah bahawa kontrak B. adalah dengan C.

Kenyataan bahawa A. telah membayar C. bagi kerja tersebut adalah berkaitan sebagai membuktikan bahawa A. telah dengan suci hati menyerahkan kepada C. pengurusan kerja tersebut, yang menjadikan C. berkontrak dengan B. dengan kehendak C. sendiri dan bukan sebagai wakil untuk A.

(h) A. dituduh telah menyalahgunakan secara tidak jujur harta yang ditemuinya, dan persoalannya adalah sama ada, bila dia menggunakan dia percaya dengan suci hati bahawa tuan punya yang sebenarnya tidak dapat ditemui.

Kenyataan bahawa pemberitahuan umum mengenai kehilangan harta tersebut telah diberikan di tempat di mana A. berada adalah berkaitan sebagai menunjukkan bahawa A. dengan suci hati tidak percaya bahawa tuan punya harta yang sebenarnya tidak dapat ditemui.

Kenyataan bahawa A. mengetahui atau mempunyai sebab untuk mempercayai bahawa pemberitahuan tersebut telah di-berikan secara tipuan oleh C. yang telah mendengar mengenai kehilangan harta tersebut dan ingin untuk membuat tuntutan palsu kepada harta tersebut, adalah berkaitan sebagai menunjukkan bahawa kenyataan yang A. mengetahui mengenai notis tersebut tidak membuktikan sebaliknya kesucian hati A.

(i) A. dituduh menembak ke arah B. dengan tujuan untuk membunuhnya.

Untuk membuktikan tujuan A., kenyataan yang A. dahulunya pernah menembak ke arah B. boleh dibuktikan.

(j) A. dituduh menghantar surat-surat ancaman kepada B.

Surat-surat ancaman yang dahulunya pernah dihantar oleh A. kepada B. boleh dibuktikan sebagai membuktikan tujuan surat-surat tersebut.

(k) Masalah sama ada A. melakukan kesalahan kekejam-an terhadap B., isterinya.

Curahan perasaan mereka di antara satu dengan lain tidak lama sebelum atau selepas kekejaman yang dikatakan itu adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

(l) Masalah sama ada kematian A. disebabkan oleh racun.

Pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh A. semasa dia sakit mengenai dengan gejala-gejalanya adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

(m) Masalah, apakah keadaan kesihatan A. pada waktu bila suatu insuran ke atas nyawanya berkuatkuasa?

Pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh A. mengenai keadaan kesihatannya atau hampir dengan waktu tersebut adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

(n) A. mendakwa B. atas kecuaian dengan membekalkan kepadanya sebuah kereta sewa yang tidak patut untuk digunakan dan dengan itu A. telah mengalami kecederaan.

Kenyataan bahawa perhatian B. telah dikehendaki pada kejadian-kejadian lain mengenai dengan kerosakan kereta yang tertentu itu adalah berkaitan.

Kenyataan bahawa B. biasanya cuai mengenai dengan kereta-kereta yang disewakannya adalah tidak berkaitan.

(o) A. dibicarakan bagi pembunuhan B. secara dengan sengaja menembaknya hingga mati.

Kenyataan bahawa A. pada kejadian yang lain telah menembak ke arah B. adalah berkaitan sebagai membuktikan tujuannya untuk menembak B.

Kenyataan bahawa adalah kebiasaan A. menembak orang dengan tujuan untuk membunuh mereka adalah tidak berkaitan.

(p) A. dibicarakan bagi sesuatu jenayah.

Kenyataan bahawa dia mengatakan sesuatu yang menunjukkan suatu kecenderungan am untuk melakukan jenayah-jenayah dari golongan tersebut adalah tidak berkaitan.

Kenyataan-kenyataan yang menunjukkan persoalan sama ada perbuatan adalah secara tidak sengaja atau dengan sengaja

**15.** Bila terdapat sesuatu persoalan sama ada sesuatu perbuatan adalah secara tidak sengaja atau sengaja atau dilakukan dengan pengetahuan atau tujuan yang tertentu, kenyataan bahawa perbuatan demikian menjadikan sebahagian daripada siri-siri kejadian-kejadian yang sama, dalam setiap kejadian di mana orang yang melakukan perbuatan tersebut berkenaan, adalah berkaitan.

#### *Misalan*

(a) A. dituduh membakar rumahnya untuk memperolehi wang bagi yang mana ianya diinsurangkan.

Kenyataan-kenyataan bahawa A. telah tinggal di beberapa buah rumah sebuah demi sebuah, yang mana setiap sebuah diinsurankannya, dalam mana setiap sebuah berlaku kebakaran, dan yang mana setelah setiap kebakaran A. telah menerima pembayaran daripada sebuah pejabat insuran yang berlainan, adalah berkaitan sebagai cenderung untuk membuktikan bahawa kebakaran tersebut adalah bukan secara tidak sengaja.

(b) A. diambil bekerja untuk menerima wang daripada siber-hutang bagi B. Adalah menjadi tugas A. untuk membuat catatan dalam sebuah buku yang menunjukkan jumlah yang telah diterima olehnya. Dia membuat suatu catatan yang menunjukkan bahawa pada suatu ketika dia telah menerima jumlah yang kurang daripada apa yang sebenarnya dia terima.

Masalah sama ada catatan palsu ini adalah secara tidak sengaja atau sengaja.

Kenyataan bahawa catatan-catatan lain yang telah dibuat oleh A. dalam buku yang sama adalah palsu, dan bahawa catatan palsu tersebut dalam setiap kejadian adalah untuk kepentingan A. adalah berkaitan.

(c) A. dituduh telah menghantar wang palsu secara tipuan kepada B.

Masalah sama ada penghantaran wang tersebut adalah secara tidak sengaja.

Kenyataan-kenyataan bahawa sebaik sahaja sebelum atau sebaik sahaja selepas penghantaran kepada B., A. telah menghantar wang palsu kepada C., D., dan E. adalah berkaitan sebagai membuktikan bahawa penghantaran kepada B. adalah bukan secara tidak sengaja.

**16.** Bila terdapat suatu persoalan sama ada sesuatu perbuatan tertentu dilakukan, wujudnya sebarang perjalanan urusan, mengikut bagaimana ianya biasanya dilakukan, adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

Wujudnya  
perjalanan  
urusan bila  
berkaitan

*Misalan*

(a) Masalahnya sama ada sesuatu surat yang tertentu telah dihantar.

Kenyataan-kenyataan bahawa ianya adalah perjalanan biasa urusan bagi semua surat yang disimpan di suatu tempat yang tertentu untuk dibawa ke pos, dan bahawa surat yang tertentu itu telah disimpan di tempat itu, adalah berkaitan.

(b) Masalahnya sama ada sesuatu surat yang tertentu telah sampai kepada A.

Kenyataan-kenyataan bahawa ianya telah dipos dengan cara yang sepatutnya dan tidak dikembalikan melalui Dead Letter Office adalah berkaitan.

***PENGAKUAN DAN PENGAKUAN SALAH***

Pengakuan  
dan  
pengakuan  
salah  
ditafsirkan

17. (1) Sesuatu pengakuan adalah suatu pernyataan, secara lisan atau dokumen, yang menunjukkan sebarang fahaman mengenai dengan mana-mana kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan yang berkaitan, dan yang dibuat oleh mana-mana orang dan di bawah keadaan-keadaan yang disebut selepas ini.

(2) Sesuatu pengakuan salah adalah suatu pengakuan yang dibuat pada bila-bila masa oleh seseorang yang dituduh melakukan sesuatu kesalahan, yang menyatakan atau menunjukkan fahaman bahawa dia telah melakukan kesalahan itu.

Pengakuan  
oleh pihak  
dalam  
perbicaraan,  
wakilnya atau  
orang yang  
ada  
kepentingan

18. (1) Pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh suatu pihak dalam perbicaraan tersebut atau oleh mana-mana wakil kepada pihak demikian yang dianggap oleh mahkamah di bawah keadaan-keadaan kes tersebut sebagai nyata atau disifatkan ada mempunyai kuasa darinya untuk membuat pernyataan-pernyataan tersebut adalah pengakuan-pengakuan.

(2) Pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh pihak-pihak dalam guaman-guaman, yang mendakwa atau kena dakwa dalam suatu watak wakil, adalah bukan pengakuan kecuali jika ianya dibuat ketika pihak yang membuatnya memegang watak itu.

(3) Pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh —

(a) orang-orang yang mempunyai sebarang kepentingan kepunyaan atau kepentingan kewangan dalam hal-perkara perbicaraan tersebut, dan yang membuat pernyataan tersebut dalam watak orang-orang yang mempunyai kepentingan sedemikian ; atau

(b) orang-orang daripada siapa pihak-pihak kepada guaman tersebut telah mendapatkan kepentingan mereka dalam hal-perkara bagi guaman tersebut,

adalah pengakuan-pengakuan jika ianya dibuat ketika berterusnya kepentingan orang-orang yang membuat pernyataan-pernyataan tersebut.

**19.** Pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh orang-orang yang kedudukan atau tanggungan mereka yang ianya perlu untuk membuktikan sebagai bertentangan dengan mana-mana pihak kepada guaman tersebut adalah pengakuan-pengakuan jika pernyataan-pernyataan demikian berkaitan sebagai bertentangan dengan orang-orang yang berkaitan dengan kedudukan atau tanggungan demikian dalam sesuatu guaman yang dibawa oleh atau terhadap mereka, dan jika ianya dibuat sementara orang yang membuatnya memegang kedudukan demikian atau adalah tertakluk kepada tanggungan demikian.

Pengakuan-pengakuan oleh orang-orang yang kedudukan mereka hendaklah dibuktikan sebagai bertentangan dengan pihak kepada guaman

*Misalan*

- A. bertanggungjawab mengutip sewa untuk B.
- B. mendakwa A. kerana tidak mengutip sewa yang patut dibayar oleh C. kepada B.
- A. tidak mengaku bahawa sewa patut dibayar oleh C. kepada B.

Suatu pernyataan oleh C. bahawa dia berhutang sewa dengan B. adalah suatu pengakuan dan adalah suatu kenyataan yang berkaitan, sebagai bertentangan dengan A. jika A. tidak mengaku bahawa C. berhutang sewa dengan B.

**20.** Pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh orang-orang kepada siapa sesuatu pihak kepada guaman telah menyebut dengan nyatanya bagi keterangan yang berhubung kepada sesuatu perkara yang menjadi pertikaian adalah pengakuan-pengakuan.

Pengakuan-pengakuan oleh orang-orang yang disebut dengan nyatanya oleh pihak kepada guaman

*Misalan*

- Masalah sama ada seekor kuda yang telah dijual oleh A. kepada B. itu baik.

Bukti bagi pengakuan-pengakuan terhadap orang-orang yang membuatnya dan oleh atau bagi pihak mereka

A: mengatakan kepada B. : “Pergi dan tanya C. ; C. mengetahui semua mengenainya.” Pernyataan C. adalah suatu pengakuan.

**21.** Pengakuan-pengakuan adalah berkaitan dan boleh dibuktikan sebagai bertentangan dengan orang yang membuatnya atau wakilnya yang mempunyai kepentingan ; tetapi ianya tidak boleh dibuktikan oleh atau bagi pihak orang yang membuatnya atau oleh wakilnya yang mempunyai kepentingan kecuali dalam kes-kes berikut —

(a) sesuatu pengakuan boleh dibuktikan oleh atau bagi pihak orang yang membuatnya bila ianya bersifat bahawa, jika orang yang membuatnya telah meninggal dunia, ianya adalah berkaitan sebagai antara orang-orang ketiga di bawah bab 32 ;

(b) sesuatu pengakuan boleh dibuktikan oleh atau bagi pihak orang yang membuatnya bila ianya mengandungi pernyataan mengenai wujudnya sebarang keadaan perasaan atau badan yang berkaitan atau yang menjadi persoalan, yang dibuat pada atau hampir-hampir waktu bila keadaan perasaan atau badan demikian wujud dan disertai dengan kelakuan yang membuat kepalsuannya tidak mungkin benar ;

(c) sesuatu pengakuan boleh dibuktikan oleh atau bagi pihak orang yang membuatnya jika ianya berkaitan dengan cara lain sebagai sesuatu pengakuan.

#### *Misalan*

(a) Masalah di antara A. dan B. adalah sama ada suatu suratikatan yang tertentu adalah atau tidak dipalsukan. A. mengaku bahawa ianya adalah benar ; B. bahawa ianya adalah dipalsukan.

A. boleh membuktikan suatu pernyataan oleh B. bahawa suratikatan tersebut adalah benar, dan B. boleh membuktikan sesuatu pernyataan oleh A. bahawa suratikatan tersebut adalah dipalsukan ; tetapi A. dengan sendirinya tidak dapat membuktikan sesuatu pernyataan bahawa suratikatan tersebut adalah benar, maupun B. dengan sendirinya tidak boleh membuktikan sesuatu pernyataan bahawa suratikatan tersebut adalah dipalsukan.

(b) A., kapten sebuah kapal, dibicarakan kerana telah meninggalkan kapal tersebut.

A. mengemukakan sebuah buku yang disimpan olehnya dalam perjalanan biasa urusannya, yang menunjukkan pengawasan yang dikatakan telah dijalankan olehnya dari sehari ke sehari, dan menunjukkan bahawa kapal tersebut tidak terkeluar daripada perjalanan yang sepatutnya. A. boleh membuktikan pernyataan-pernyataan ini kerana ianya boleh diterima di antara pihak-pihak ketiga jika dia sudah meninggal dunia di bawah perenggan (b) dari bab 32.

(c) A. dituduh melakukan suatu jenayah di Kuala Belait. Dia mengemukakan sepucuk surat yang telah ditulis oleh dirinya sendiri dan bertarikh di Singapura pada hari itu, dan mempunyai tanda pos Singapura bagi hari itu.

Pernyataan dalam tarikh surat tersebut boleh diterima, kerana jika A. meninggal dunia ianya boleh diterima di bawah perenggan (b) dari bab 32.

(d) A. dituduh telah menerima barang-barang curian, sedangkan mengetahui yang barang-barang itu adalah barang-barang curian.

Dia menawarkan untuk membuktikan bahawa dia enggan menjualnya kurang daripada nilai barang-barang tersebut.

A. boleh membuktikan pernyataan-pernyataan ini meskipun ianya adalah pengakuan-pengakuan, kerana ianya merupakan huraian bagi kelakuan yang dipengaruh oleh kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan.

(e) A. dituduh mempunyai secara tipuan wang palsu yang mana diketahuinya sebagai wang palsu.

Dia menawarkan untuk membuktikan bahawa dia telah meminta seorang yang berkemahiran untuk memeriksa wang tersebut kerana dia meragui sama ada ianya palsu atau bukan, dan bahawa orang itu telah memeriksanya dan mengatakan bahawa wang tersebut adalah betul.

A. boleh membuktikan kenyataan-kenyataan ini bagi sebab sebab yang dinyatakan dalam misalan terakhir yang sebelumnya.

Bila pengakuan-pengakuan lisan mengenai kandungan dokumen-dokumen adalah berkaitan

Pengakuan-pengakuan dalam kes-kes sivil bila berkaitan

Pengakuan salah yang disebabkan oleh dorongan, ancaman atau janji bila tidak berkaitan dalam perbicaraan jenayah

**22.** Pengakuan-pengakuan lisan mengenai dengan kandungan-kandungan sesuatu dokumen adalah tidak berkaitan kecuali jika dan sehingga pihak yang bercadang untuk membuktikannya membuktikan bahawa dia berhak untuk memberi keterangan turunan mengenai kaandungan dokument-dokumen tersebut di bawah aturan-aturan yang terkandung di bawah ini, atau kecuali jika kebenaran sesuatu dokument yang dikemukakan adalah dipersoalkan.

**23.** Dalam kes-kes sivil pengakuan adalah tidak berkaitan jika ianya dibuat sama ada atas suatu keadaan yang nyata bahawa keterangan mengenainya tidak diberikan, atau di bawah keadaan-keadaan daripada mana mahkamah boleh memahamkan bahawa pihak-pihak sama-sama bersetuju bahawa keterangan mengenainya tidak boleh diberikan.

*Huraian.* — Tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh diambil untuk mengecualikan mana-mana peguambela atau peguamcarera daripada memberi keterangan mengenai mana-mana perkara bagi yang mana dia boleh dipaksa untuk memberi keterangan di bawah bab 126.

**24.** Suatu pengakuan salah yang dibuat oleh seseorang yang tertuduh adalah tidak berkaitan dalam suatu perbicaraan jenayah jika nampaknya kepada mahkaimah yang pengakuan salah tersebut telah dibuat disebabkan oleh sebarang dorongan, ancaman atau janji yang berhubung dengan tuduhan terhadap orang yang tertuduh, langkah perbicaraan daripada seseorang yang berkuasa dan mencukupi pada pendapat mahkamah untuk memberi orang yang tertuduh alasan-alasan yang dianggap olehnya munasabah untuk menjangka bahawa dengan membuat pengakuan salah tersebut dia akan memperolehi sebarang faedah atau mengelakkan sebarang kejahatan yang bersifat keduniaan yang berhubung dengan perbicaraan terhadapnya.

**25.** Tertakluk kepada mana-mana syarat yang nyata yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, pengakuan salah yang dibuat kepada seorang pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Inspektor oleh seseorang yang tertuduh bagi sebarang kesalahan tidak boleh dibuktikan sebagai bertentangan dengan orang demikian.

Pengakuan salah kepada pegawai polis yang berpangkat rendah daripada Inspektor tidak boleh dibuktikan

**26.** Tertakluk kepada mana-mana peruntukan yang nyata yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, pengakuan salah yang dibuat oleh mana-mana orang semasa dia berada dalam jagaan seorang pegawai polis, melainkan ianya dibuat di hadapan seorang majistret, tidak boleh dibuktikan sebagai bertentangan dengan orang demikian.

Pengakuan salah oleh yang tertuduh semasa dalam jagaan polis tidak boleh dibuktikan

**27.** Bila mana-mana kenyataan diterangkan dengan sumbah sebagai didapati berbangkit daripada maklumat yang diterima daripada seseorang yang dituduh melakukan mana-mana kesalahan yang berada dalam jagaan seorang pegawai polis, banyaknya maklumat demikian, sama ada maklumat tersebut dijumlahkan sebagai pengakuan salah atau tidak, sebagaimana yang berhubungan secara tertentu dengan ke-nyataan yang didapati itu boleh dibuktikan.

Sebanyak manakah maklumat yang diterima dari yang tertuduh boleh dibuktikan

**28.** Jika sesuatu pengakuan salah tersebut sebagaimana yang disebutkan dalam bab 24 dibuat selepas sangkaan yang disebabkan oleh dorongan, ancaman atau janji telah, pada pendapat mahkamah, dibuang dengan sepenuhnya, ianya adalah berkaitan.

Pengakuan salah yang dibuat selepas membuat sangkaan yang disebabkan oleh dorongan, ancaman atau janji adalah berkaitan

Pengakuan salah yang berkaitan sebaliknya menjadi tidak berkaitan disebabkan janji merahsiakan, dsb

**29.** Jika pengakuan salah demikian adalah berkaitan sebaliknya, ianya menjadi tidak berkaitan hanya disebabkan ianya telah dibuat atas suatu janji merahsiakan, atau akibat daripada suatu penipuan yang dilakukan ke atas orang yang tertuduh bagi maksud untuk memperolehinya, atau bila dia berkeadaan mabuk, atau kerana ianya dibuat dalam menjawab soalan-soalan yang tidak perlu dijawab olehnya, apajua pun bentuk soalan-soalan tersebut, atau oleh kerana dia tidak diberi amaran bahawa dia tidak terikat untuk membuat pengakuan salah demikian dan bahawa keterangan darinya mungkin diberi bertentangan dengannya.

Pertimbangan bagi pengakuan salah yang telah dibuktikan yang menyentuh orang yang membuatnya dan orang lain yang sama-sama dalam perbicaraan bagi kesalahan yang sama

**30.** Bila lebih daripada seorang dibicarakan bersama bagi kesalahan yang sama, dan suatu pengakuan salah yang dibuat oleh seorang daripada orang-orang tersebut yang menyentuh dirinya dan beberapa orang daripada orang-orang tersebut telah dibuktikan, mahkamah boleh mempertimbangkan pengakuan salah tersebut sebagai bertentangan terhadap orang lain tersebut dan juga bertentangan terhadap orang yang membuat pengakuan salah demikian.

*Huraian.*— “Kesalahan” sebagaimana yang digunakan dalam bab ini termasuk persubahatan atau percubaan untuk melakukan kesalahan tersebut.

#### *Misalan*

(a) A. dan B. dibicarakan bersama bagi pembunuhan C. Adalah dibuktikan bahawa A. mengatakan : “B. dan saya membunuh C.” Mahkamah boleh mempertimbangkan natijah pengakuan salah ini sebagai bertentangan dengan B.

(b) A. adalah dalam perbicaraannya bagi pembunuhan C. Ada keterangan untuk membuktikan bahawa C. telah dibunuh oleh A. dan B. dan bahawa B. mengatakan : “A. dan saya membunuh C.”

Pernyataan ini mungkin tidak dipertimbangkan oleh Mahkamah terhadap A. oleh kerana B. tidak dibicarakan bersama.

**31.** Pengakuan-pengakuan adalah bukan bukti muktamad bagi perkara-perkara yang diterima, tetapi ianya boleh menjadi sekatan di bawah syarat-syarat yang terkandung selepas ini.

Pengakuan  
bukan bukti  
muktamad  
tetapi boleh  
menyekat

*PERNYATAAN-PERNYATAAN OLEH  
ORANG-ORANG YANG TIDAK  
BOLEH DI PANGGIL SEBAGAI SAKSI*

**32.** Pernyataan-pernyataan, secara bertulis atau perkaatan, mengenai kenyataan-kenyataan yang berkaitan oleh seseorang yang telah meninggal dunia atau yang tidak dapat dijumpai, atau yang telah menjadi tidak berkebolehan untuk memberi keterangan, atau yang mana kehadirannya tidak dapat diperolehi tanpa kelambatan atau perbelanjaan yang mana nampaknya kepada mahkamah adalah tidak munasabah dalam keadaan kes tersebut, sendirinya adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan dalam kes-kes yang berikut —

Kes-kes  
dalam mana  
pernyataan  
mengenai  
kenyataan  
yang  
berkaitan  
oleh orang  
yang telah  
meninggal  
dunia atau  
tidak dapat  
dijumpai,  
adalah  
berkaitan

- (a) bila pernyataan yang dibuat oleh seseorang mengenai dengan sebab kematiannya, atau mengenai sebarang keadaan kejadian yang menyebabkan kematiannya, dalam kes-kes dalam mana sebab kematiian orang itu menjadi persoalan.

Pernyataan-pernyataan demikian adalah berkaitan sama ada orang yang membuatnya adalah atau adalah tidak pada masa ianya dibuat dijangka akan mati, dan apa jua pun sifat perbicaraan dalam mana sebab kematiannya menjadi persoalan :

- (b) apabila pernyataan tersebut dibuat oleh orang demikian dalam perjalanan biasa urusan, dan terutama sekali bila ianya mengandungi sebarang catatan atau memorandum yang dibuat olehnya dalam buku-buku yang disimpan dalam perjalanan

biasa urusan atau dalam melaksanakan tugas ikhtisas ; atau mengenai sesuatu pengakuan yang ditulis atau ditandatangani olehnya berkenaan dengan penerimaan wang, barang-barang, cagaran atau apa jua harta ; atau mengenai sesuatu dokumen yang digunakan dalam pedagangan, yang ditulis atau ditandatangani olehnya, atau mengenai tarikh satu surat atau dokumen lain yang biasanya dibubuh tarikh, ditulis atau ditandatangani olehnya ;

(c) apabila pernyataan tersebut adalah bertentangan dengan kepentingan kewangan atau kepentingan kepunyaan orang yang membuatnya, atau apabila, jika benar, ianya mendedahkannya atau akan mendedahkannya kepada suatu pendakwaan jenayah atau kepada suatu guaman bagi gantirugi ;

(d) apabila pernyataan tersebut memberi pendapat bagi mana-mana orang demikian mengenai dengan wujudnya sebarang hak atau kebudayaan awam atau perkara awam atau kepentingan am, mengenai wujudnya bagi yang mana jika ianya wujud dia mungkin menyedari, dan apabila pernyataan demikian telah dibuat sebelum sebarang perbalahan mengenai dengan hak, kebudayaan atau perkara demikian telah timbul ;

(e) apabila pernyataan tersebut berhubungan dengan wujudnya mana-mana pertalian darah, pertalian perkahwinan atau pertalian anak angkat di antara orang-orang berkenaan dengan siapa pertalian darah, pertalian perkahwinan atau pertalian anak angkat orang yang membuat pernyataan tersebut mempunyai jalan-jalan istimewa untuk mengetahuhi, dan bila pernyataan tersebut dibuat sebelum persoalan yang dipertikaikan itu ditimbulkan ;

(f) apabila pernyataan tersebut berhubung dengan wujudnya mana-mana pertalian darah, pertalian perkahwinan atau pertalian anak angkat di

antara orang-orang yang telah meninggal dunia, dan dibuat dalam mana-mana wasiat atau suratikatan berhubung dengan urusan keluarga kepada mana orang yang meninggal dunia itu adalah ahli keluarga, atau dalam mana-mana salasilah keluarga atau di atas mana-mana batu nisan, gambar keluarga atau benda lain dalam mana pernyataan-pernyataan demikian biasanya dibuat, dan apabila pernyataan demikian dibuat sebelum persoalan yang dipertikai-kan itu ditimbulkan ;

- (g) apabila pernyataan tersebut terkandung dalam mana-mana suratikatan atau dokumen lain yang berhubung dengan mana-mana urusan demikian sebagaimana yang disebutkan dalam perenggan (a) dari bab 13 ;
- (h) apabila pernyataan tersebut dibuat oleh sebilangan orang dan menyatakan perasaan atau sangkaan bagi pihak mereka yang berkaitan dengan perkara yang menjadi persoalan.

*Misalan*

- (a) Masalahnya sama ada A. dibunuh oleh B. ; atau

A. meninggal dunia kerana kecederaan yang diterima dalam suatu kejadian dalam mana dia telah diperkosa.

Masalahnya sama ada dia telah diperkosa oleh B. ; atau Masalahnya sama ada A. telah dibunuh oleh B. dalam keadaan mana suatu guaman dibuat terhadapnya oleh balu A.

Pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh A. mengenai dengan sebab kematiannya, masing-masing berhubung dengan pembunuhan, rogol dan perbuatan salah yang boleh diambil tindakan di dalam pertimbangan, adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

- (b) Masalah mengenai dengan tarikh kelahiran A.

Suatu catatan dalam buku harian seorang pakar bedah yang disimpan dalam perjalanan urusan, yang menyatakan bahawa pada suatu hari yang ditentukan dia telah merawat emak A. dan membantunya melahirkan seorang anak lelaki, adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(c) Masalahnya sama ada A. berada di Seria pada suatu hari yang ditentukan.

Suatu pernyataan dalam buku harian seorang peguamcara yang telah meninggal dunia yang disimpan dalam perjalanan urusan bahawa pada suatu hari yang ditentukan peguamcara tersebut telah melayani A. di suatu tempat yang dikatakan di Seria bagi maksud berunding dengannya urusan yang tertentu adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(d) Masalahnya sama ada sebuah kapal belayar dari Bandar Seri Begawan pada suatu hari yang ditentukan.

Sepucuk surat yang ditulis oleh seorang ahli firma Pedagang yang telah meninggal dunia dengan mana ianya disewa khas kepada korresponden-koresponden mereka di London, kepada siapa barang-barang tersebut dikirim, yang menyatakan bahawa kapal tersebut belayar pada suatu hari yang ditentukan dari Bandar Seri Begawan adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(e) Masalahnya sama ada sewa telah dibayar kepada A. bagi tanah yang tertentu.

Sepucuk surat kepada B. daripada ejen A. yang telah meninggal dunia yang mengatakan bahawa dia telah menerima sewa tersebut bagi pihak A. dan menahannya atas perintah A., adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(f) Masalahnya sama ada A. dan B. telah berkahwin dengan sah.

Pernyataan daripada seorang paderi yang telah meninggal dunia bahawa dia telah mengahwinkan mereka dalam keadaan mana upacara tersebut boleh menjadi suatu kesalahan adalah berkaitan.

(g) Masalahnya sama ada A. seorang yang tidak boleh didapati, menulis sepucuk surat pada suatu hari yang tertentu.

Kenyataan bahawa sepucuk surat yang telah ditulis olehnya dibubuh tarikh pada hari itu adalah berkaitan.

(h) Masalahnya ialah, apakah yang menyebabkan kandasan sebuah kapal?

Suatu bantahan yang dibuat oleh nakhoda yang mana kehadirannya tidak dapat diperolehi adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(i) Masalahnya sama ada sebuah jalan yang telah ditentukan adalah jalan awam?

Suatu pernyataan dari A., seorang Penghulu Mukim tersebut, bahawa jalan tersebut adalah jalan awam adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(j) Masalahnya ialah, apakah harga saham-saham pada suatu hari yang tertentu di sebuah pasaran?

Suatu pernyataan mengenai harga tersebut yang dibuat oleh seorang broker yang telah meninggal dunia dalam perjalanan biasa urusannya ada suatu kenyataan yang berkaitan.

(k) Masalahnya ialah sama ada A., yang telah meninggal dunia, adalah bapa kepada B.

Suatu pernyataan dari A. bahawa B. adalah anak lelakinya adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(l) Masalahnya ialah, apakah tarikh lahir A?

Sepucuk surat dari bapa A. yang telah meninggal dunia kepada seorang kawan, yang memaklumkan kelahiran A. pada suatu hari yang ditentukan, adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(m) Masalahnya ialah sama ada dan bila A. dan B. berkahwin.

Suatu catatan dalam buku memorandam oleh C., bapa kepada B. yang telah meninggal dunia, mengenai dengan perkahwinan anak perempuannya dengan A. pada suatu tarikh yang ditentukan, adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

(n) A. mendakwa B. bagi suatu fitnah bertulis yang dinyatakan dalam sebuah gambar sindiran bercetak yang dipamerkan di sebuah jendela kedai. Persoalan adalah mengenai dengan persamaan gambar sindiran tersebut dan wataknya yang bersifat fitnah.

Ulasan-ulasan dari sekumpulan penonton berkenaan dengan hal-hal ini boleh dibuktikan.

Perkaitan keterangan tertentu untuk membuktikan dalam perbicaraan yang terkemudian tentang kebenaran kenyataan-kenyataan yang di-nyatakan di dalamnya

33. Keterangan yang diberikan oleh seorang saksi semasa perbicaraan kehakiman, atau di hadapan mana-mana orang yang diberikuasa oleh undang-undang untuk mengendalikannya, adalah berkaitan bagi maksud membuktikan dalam suatu perbicaraan kehakiman yang berikutnya, atau pada peringkat perbicaraan kehakiman yang kemudian, kebenaran kenyataan-kenyataan yang dinyatakannya, apabila saksi tersebut telah meninggal dunia atau tidak dapat dijumpai atau tidak berkebolehan untuk memberi keterangan, atau disembunyikan oleh pihak yang bertentangan, atau jika kehadirannya tidak dapat diperolehi tanpa kelambatan atau perbelanjaan yang mana difikirkan tidak munasabah oleh mahkamah dalam keadaan-keadaan kes tersebut :

Dengan syarat —

- (a) bahawa perbicaraan tersebut adalah di antara pihak-pihak atau wakil-wakil mereka yang sama dalam kepentingan ;
- (b) bahawa pihak yang berlawanan dalam perbicaraan yang pertama mempunyai hak dan peluang untuk memeriksa balas ;
- (c) bahawa masalah-masalah yang menjadi soal adalah sama pada keseluruhannya dalam perbicaraan kedua sebagaimana dalam perbicaraan pertama.

*Huraian.* — Suatu perbicaraan atau siasatan jenayah hendaklah dianggap sebagai suatu perbicaraan di antara pendakwa dan yang tertuduh di dalam bidang makna bab ini.

#### *KENYATAAN-KENYATAAN YANG DIBUAT DI BAWAH KEADAAN-KEADAAN KHAS*

Catatan-catatan dalam buku-buku akaun bila berkaitan

34. Catatan-catatan dalam buku-buku akaun yang disimpan dengan tetap dalam perjalanan urusan adalah berkaitan bilamana ianya merujuk kepada suatu perkara ke dalam mana mahkamah terpaksa membuat siasatan, tetapi kenyataan

demikian sendirinya adalah bukan menjadi keterangan yang mencukupi untuk mendakwa mana-mana orang dengan tanggungan.

*Misalan*

A. mendakwa B. bagi \$1,000 dan menunjukkan catatan-catatan dalam buku-buku akaunnya yang menunjukkan bahawa B. terhutang jumlah ini kepadanya. Catatan-catatan tersebut adalah berkaitan, tetapi adalah tidak mencukupi tanpa keterangan lain untuk membuktikan hutang tersebut.

**35.** Suatu catatan dalam mana-mana buku awam atau buku rasmi yang lain, daftar atau rekod, yang menyatakan suatu kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan yang berkaitan dan dibuat oleh seorang pegawai kerajaan pada menjalankan tugas rasminya atau oleh mana-mana orang lain dalam melaksanakan suatu tugas yang disuruh khasnya oleh undang-undang negara dalam mana buku, daftar atau rekod tersebut disimpan, sendirinya adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

Perkaitan catatan dalam rekod awam yang dibuat dalam melaksanakan tugas

**36.** Pernyataan-pernyataan bagi kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan atau kenyataan-kenyataan yang berkaitan dalam peta-peta atau carta-carta yang disiarkan yang ditawarkan umumnya bagi jualan awam, atau dalam peta-peta atau pelan-pelan yang dibuat di bawah kebenaran Kerajaan berkenaan dengan perkara-perkara yang biasanya diterangkan atau dinyatakan dalam peta-peta, carta-carta atau pelan-pelan demikian, sendirinya adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

Perkaitan pernyataan-pernyataan dalam peta-peta, carta-carta dan pelan-pelan

**37.** Apabila mahkamah terpaksa membentuk suatu pendapat mengenai dengan wujudnya mana-mana kenyataan bagi sesuatu sifat awam mana-mana pernyataan mengenainya yang dibuat dalam sesuatu sebutan yang terkandung dalam —

Perkaitan pernyataan berkenaan dengan kenyataan sifat awam yang terkandung dalam Akta-Akta atau pemberitahuan yang tertentu

- (a) mana-mana undang-undang yang dibuat oleh Majlis Mesyuarat Negeri atau oleh mana-mana bahagian perundangan Komanwel ;
- (b) mana-mana kertas bercetak yang merupakan —

- 
- (i) *Warta Kerajaan* yang dicetak di bawah kebenaran Kerajaan Negara Brunei Darussalam ;
  - (ii) *Warta Kerajaan London* ; atau
  - (iii) *Warta Kerajaan* bagi mana-mana bahagian Komanwel termasuk, jika mana-mana bahagian daripadanya adalah kedua-duanya di bawah Kerajaan Pusat dan sebuah Kerajaan tempatan, mana-mana Kerajaan tempatan demikian,

adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

Perkaitan  
pernyataan-  
pernyataan  
mengenai  
dengan  
mana-mana  
undang-  
undang  
yang  
terkandung  
dalam  
buku-buku  
undang-  
undang

**38.** Apabila mahkamah terpaksa membentuk suatu penda-  
pat berkenaan dengan sesuatu undang-undang mana-mana  
negeri, mana-mana pernyataan mengenai undang-undang  
demikian yang terkandung dalam sebuah buku yang meru-  
pakan sebagai dicetak atau disiarkan di bawah kebenaran  
Kerajaan negeri tersebut, dan untuk mengandungi mana-  
maka undang-undang demikian, dan mana-mana laporan  
mengenai keputusan dari mahkamah-mahkamah negeri tersebut  
yang terkandung dalam sebuah buku yang merupakan  
sebagai suatu laporan mengenai keputusan-keputusan demikian,  
adalah berkaitan.

*SETAKAT MANA SESUATU PERNYATAAN  
PATUT DIBUKTIKAN*

**39.** Bila mana-mana pernyataan bagi yang mana keterangan diberi menjadi sebahagian daripada suatu pernyataan yang lebih panjang atau bagi suatu perbualan, atau sebahagian daripada dokumen yang terasing atau ada terkandung dalam suatu dokumen yang menjadi sebahagian daripada sebuah buku atau daripada suatu siri-siri surat atau surat keterangan yang berhubungan, keterangan hendaklah diberi setakat itu dan tidak lebih daripada pernyataan, perbualan, dokumen, buku atau siri-siri surat atau surat keterangan tersebut sebagaimana yang difikirkan perlu oleh mahkamah dalam kes yang tertentu itu bagi fahaman yang sepenuhnya mengenai jenis dan natijah pernyataan tersebut dan keadaan-keadaan dalam mana ianya telah dibuat.

Apakah keterangan yang patut diberikan bila pernyataan menjadi sebahagian daripada perbualan, dokumen, buku atau siri-siri surat atau surat keterangan

*HUKUMAN-HUKUMAN MAHKAMAH-  
MAHKAMAH KEADILAN BILA BERKAITAN*

**40.** Wujudnya mana-mana hukuman, perintah atau dikri yang mana menurut undang-undang menghalang mana-mana mahkamah daripada mengambil tahu mengenai suatu guaman atau mengadakan suatu perbicaraan adalah suatu kenyataan yang berkaitan bila masalahnya adalah sama ada mahkamah tersebut patut mengambil tahu berkenaan dengan guaman tersebut atau untuk mengadakan perbicaraan tersebut.

Hukuman-hukuman yang terdahulu berkaitan untuk menghalang guaman atau perbicaraan

**41. (1)** Sesuatu hukuman, perintah atau dikri yang muktamad dari sebuah mahkamah yang layak, pada menjalankan bidangkuasa probet, perkahwinan, admiralty atau kebankrapan, yang memberi kepada atau mengambil daripada mana-mana orang sebarang taraf di sisi undang-undang, atau yang menetapkan mana-mana orang sebagai berhak kepada sebarang taraf di sisi undang-undang, atau sebagai berhak kepada mana-mana benda tertentu, bukan sebagai bertentangan dengan mana-mana orang tertentu tetapi dengan sepenuhnya, adalah berkaitan bila wujudnya mana-mana taraf di sisi undang-undang sedemikian atau hak milik mana-mana orang sedemikian kepada mana-mana benda tersebut adalah berkaitan.

Perkaitan mengenai hukuman-hukuman yang tertentu dalam probet, dsb., bidangkuasa

(2) Hukuman, perintah atau dikri sedemikian adalah bukti muktamad —

- (a) bahawa mana-mana taraf di sisi undang-undang yang diberikannya yang terakru pada masa bila hukuman, perintah atau dikri tersebut berjalan kuat-kuasanya ;
- (b) bahawa mana-mana taraf di sisi undang-undang kepada mana ianya menetapkan mana-mana orang sedemikian sebagai berhak terakru kepada orang itu pada masa bila hukuman, perintah atau dikri tersebut menetapkannya sebagai terakru kepada orang itu ;
- (c) bahawa mana-mana taraf di sisi undang-undang yang diambilnya daripada orang sedemikian terhenti pada masa hukuman, perintah atau dikri tersebut menetapkan bahawa ianya telah terhenti atau patut berhenti ; dan
- (d) bahawa apa-apa jua kepada mana ianya menetapkan mana-mana orang sebagai berhak sedemikian adalah harta orang itu pada masa daripada mana hukuman, perintah atau dikri tersebut menetapkan bahawa ianya telah atau patut menjadi hartanya ;

**42.** Hukuman-hukuman, perintah-perintah atau dikri-dikri selain daripada apa yang disebutkan dalam bab 41 adalah berkaitan jika ianya berhubung dengan perkara-perkara yang bersifat umum yang berkaitan dengan siasatan tersebut ; tetapi hukuman-hukuman, perintah-perintah atau dikri-dikri demikian adalah bukan bukti muktamad bagi yang mana ianya dinyatakan.

Perkaitan dan  
natijah  
dokumen,  
perintah atau  
dikri selain  
daripada apa  
yang di-  
sebutkan  
dalam bab 41

*Misalan*

A. mendakwa B. kerana menceroboh di atas tanahnya. B. mengatakan wujudnya suatu hak umum bagi jalan di atas tanah tersebut yang mana dinafikan oleh A.

Wujudnya suatu dikri yang menyokong pihak yang kena tuntut dalam suatu guaman oleh A. terhadap C. kerana menceroboh atas tanah yang sama dalam mana C. mengatakan wujudnya hak jalan yang sama adalah berkaitan, tetapi ianya adalah bukan bukti muktamad bahawa hak jalan tersebut wujud.

**43.** Hukuman-hukuman, perintah-perintah atau dikri-dikri selain daripada apa yang disebutkan dalam bab-bab 40, 41 dan 42 adalah tidak berkaitan melainkan wujudnya hukuman, perintah atau dikri demikian adalah suatu kenyataan yang dipersoalkan atau adalah berkaitan di bawah beberapa syarat lain dari Akta ini.

Hukuman-hukuman dsb. selain daripada apa yang disebut dalam bab-bab 40 hingga 42 bila berkaitan

*Misalan*

(a) A. dan B. mendakwa C. secara berasingan bagi suatu fitnah bertulis yang mencela setiap seorang daripada mereka. C. dalam setiap kes mengatakan bahawa perkara yang dikatakan fitnah itu adalah benar, dan keadaan-keadaan merupakan bahawa ianya mungkin benar dalam setiap kes atau kedua-duanya tidak benar.

A. memperolehi suatu dikri terhadap C. bagi kerugian dengan alasan bahawa C. gagal menjalankan apa yang sepatutnya. Kenyataan tersebut adalah tidak berkaitan sebagaimana di antara B. dan C.

(b) A. mendakwa B. di bawah bab 498 dari Kanun Hukuman Jenayah kerana memikat C., isteri A.

Penggal 22

B. menafikan bahawa C. adalah isteri A., tetapi Mahkamah mensabitkan kesalahan B.

Kemudiannya C. didakwa melakukan bigami kerana berkahwin dengan B., semasa hayat A., C. mengatakan yang dia tidak pernah menjadi isteri A.

Hukuman terhadap B. adalah tidak berkaitan sebagaimana terhadap C.

(c) A. telah memperolehi suatu dikri bagi pemilikan tanah terhadap B. C., anak lelaki B, membunuh A. akibatnya.

Wujudnya hukuman tersebut adalah berkaitan sebagai menunjukkan tujuan suatu jenayah.

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

52

**PENG. 108**

*Keterangan*

---

(d) A. dituduh mencuri dan dahulunya pernah disabitkan kesalahan mencuri.

Sabitan kesalahan yang terdahulu adalah berkaitan sebagai suatu kenyataan yang menjadi persoalan.

(e) A. dibicarakan kerana membunuh B. Kenyataan bahawa B. mendakwa A. bagi fitnah bertulis dan bahawa A. disabitkan kesalahan dan dihukum adalah berkaitan di bawah bab 8 sebagai menunjukkan tujuan bagi kenyataan yang menjadi persoalan.

Penipuan atau pakatan dalam mendapatkan hukuman atau ketidaklayakan mahkamah boleh dibuktikan

**44.** Mana-mana pihak kepada suatu guaman atau perbicaraan lain boleh menunjukkan bahawa mana-mana hukuman, perintah atau dikri yang mana adalah berkaitan di bawah bab 40, 41 atau 42 dan yang telah dibuktikan oleh pihak yang bertentangan, telah diberikan oleh sebuah mahkamah yang tidak berkelayakan untuk memberikannya atau telah didapatkan secara tipuan atau pakatan.

### *PENDAPAT-PENDAPAT DARI ORANG-ORANG KETIGA BILA BERKENAAN*

Pendapat-pendapat pakar

**45.** (1) Bila mahkamah terpaksa membuat suatu pendapat terhadap suatu perkara mengenai undang-undang asing atau sains atau seni, atau mengenai dengan persamaan atau keaslian tulisan tangan atau cap-cap jari, pendapat-pendapat terhadap perkara itu dari orang-orang yang berkemahiran khusus dalam undang-undang asing, sains atau seni atau dalam masalah-masalah mengenai persamaan atau keaslian tulisan tangan atau cap-cap jari demikian, adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

(2) Orang-orang demikian adalah dipanggil pakar.

*Misalan*

(a) Masalah sama ada kematian A. disebabkan oleh racun.

Pendapat-pendapat daripada pakar-pakar mengenai dengan gejala-gejala racun dengan mana A. disangka telah meninggal dunia adalah berkaitan.

(b) Masalah sama ada A., pada waktu melakukan suatu perbuatan tertentu, dengan sebab ketidaksempurnaan akal, tidak boleh mengetahui sifat perbuatan tersebut atau apa yang dilakukannya sama ada adalah salah atau bertentangan dengan undang-undang.

Pendapat-pendapat daripada pakar-pakar terhadap masalah sama ada gejala-gejala yang ditunjukkan oleh A. biasanya menunjukkan ketidaksempurnaan akal, dan sama ada ketidaksempurnaan akal demikian biasanya membuat orang-orang tidak boleh mengetahui sifat perbuatan-perbuatan yang mereka lakukan atau mengetahui bahawa apa yang mereka lakukan itu sama ada adalah salah atau bertentangan dengan undang-undang, adalah berkaitan.

(c) Masalah sama ada suatu dokumen yang tertentu ditulis oleh A. Satu lagi dokumen dikemukakan yang mana dibuktikan atau diakui sebagai telah ditulis oleh A.

Pendapat-pendapat daripada pakar-pakar mengenai dengan masalah sama ada 2 dokumen tersebut telah ditulis oleh orang yang sama atau orang-orang yang berlainan adalah berkaitan.

**46.** Kenyataan-kenyataan yang sebaliknya tidak berkaitan adalah berkaitan jika ianya menyokong atau berlawanan dengan pendapat-pendapat pakar-pakar bila pendapat-pendapat demikian adalah berkaitan.

Kenyataan-kenyataan yang berhubung dengan pendapat-pendapat pakar

#### *Misalan*

(a) Masalah sama ada A. diracun oleh sesuatu racun yang tertentu.

Kenyataan bahawa orang-orang lain yang diracuni oleh racun tersebut menunjukkan gejala-gejala yang tertentu, yang mana diakui atau dinafikan oleh pakar-pakar sebagai gejala-gejala racun itu, adalah berkaitan.

(b) Masalah sama ada suatu halangan kepada sebuah pelabuhan disebabkan oleh suatu dinding laut yang tertentu.

Kenyataan bahawa pelabuhan-pelabuhan lain yang terletak dengan samanya dalam hal-hal lain tetapi di mana tidak terdapat dinding-dinding laut demikian mulai terhalang pada waktu yang sama adalah berkaitan.

Pendapat mengenai dengan tulisan tangan bila berkaitan

**47.** Bila mahkamah terpaksa membuat sesuatu pendapat mengenai dengan orang oleh siapa mana-mana dokumen telah ditulis atau ditandatangani, pendapat daripada mana-mana orang yang mengenali tulisan orang oleh siapa ianya disangka telah ditulis atau ditandatangani, bahawa ianya adalah atau bukan ditulis atau ditandatangani oleh orang tersebut, adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

*Huraian* — Seseorang adalah dikatakan sebagai mengenali tulisan tangan orang lain bila dia telah melihat orang tersebut menulis, atau bila dia telah menerima dokumen-dokumen yang dikatakan sebagai telah ditulis oleh orang itu dalam menjawab dokumen-dokumen yang telah ditulis oleh dirinya sendiri atau di bawah kebenarannya dan ditujukan kepada orang itu, atau bila, dalam perjalanan biasa urusan, dokumen-dokumen yang dikatakan telah ditulis oleh orang itu seperti biasanya telah dihadapkan kepadanya.

#### *Misalan*

Masalah sama ada sepucuk surat yang ditentukan adalah dalam tulisan tangan A., seorang pedagang di London.

B. adalah seorang pedagang di Kuala Belait, yang telah menuulis surat-surat yang ditujukan kepada A. dan menerima surat-surat yang dikatakan telah ditulis olehnya. C. adalah kerani B. yang mana tugasnya adalah untuk memeriksa dan memfail persuratan B. D. adalah orang tengah (broker) B. kepada siapa B. biasanya menghadapkan surat-surat yang dikatakan telah ditulis oleh A. bagi maksud untuk berunding dengannya.

Pendapat-pendapat dari B., C. dan D. mengenai dengan masalah sama ada surat-surat tersebut adalah dalam tulisan tangan A. adalah berkaitan, meskipun tidak seorang pun di antara B., C. maupun D. pernah melihat A. menulis.

Pendapat mengenai dengan wujudnya hak atau adat bila berkaitan

**48.** Bila mahkamah terpaksa membuat suatu pendapat mengenai dengan wujudnya mana-mana adat atau hak am, pendapat-pendapat mengenai dengan wujudnya adat atau hak demikian daripada orang-orang yang mana berkemungkinan mengetahui tentang wujudnya perkara tersebut, jika ianya wujud, adalah berkaitan.

*Huraian.*— Sebutan “adat atau hak am” termasuk adat-adat atau hak-hak umum hingga mana-mana kelas berpautan bagi orang-orang.

*Misalan*

Hak penduduk-penduduk bagi sebuah kampung yang tertentu untuk menggunakan air dari sebuah telaga yang tertentu adalah suatu hak am di dalam bidang makna bab ini.

**49.** Bila mahkamah hendak membuat suatu pendapat mengenai dengan —

- (a) adat dan kepercayaan bagi mana-mana kumpulan orang atau keluarga ;
- (b) penubuhan dan kerajaan mana-mana yaysan ugama atau khairat ; atau
- (c) makna perkataan-perkataan atau istilah-istilah yang digunakan dalam daerah-daerah yang tertentu atau oleh kelas-kelas orang yang tertentu ;

Pendapat mengenai dengan adat dan kepercayaan, dsb., bila berkaitan

pendapat-pendapat dari orang-orang yang mempunyai jalan-jalan istimewa untuk mengetahui mengenainya adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

**50.** (1) Bila mahkamah hendak membuat suatu pendapat mengenai dengan perhubungan seseorang dengan seorang lain, pendapat yang dinyatakan dengan kelakuan mengenai dengan wujudnya perhubungan mana-mana orang yang mana sebagai seorang ahli keluarga atau sebaliknya mempunyai jalan istimewa untuk mengetahui dalam perkara tersebut adalah suatu kenyataan yang berkaitan.

Pendapat mengenai dengan perhubungan bila berkaitan

(2) Pendapat demikian adalah tidak mencukupi untuk membuktikan suatu perkahwinan dalam pendakwaan-pendakwaan di bawah bab-bab 494, 495 atau 498 dari Kanun Hukuman Jenayah.

*Misalan*

- (a) Masalah sama ada A. dan B. kahwin.

Kenyataan yang mereka biasanya diterima dan dilayan oleh kawan-kawan mereka sebagai suami dan isteri adalah berkaitan.

- (b) Masalah sama ada A. adalah anak lelaki B. yang sah.

Kenyataan bahawa A. selalu dilayan seperti itu oleh ahli-ahli keluarga tersebut adalah berkaitan.

Alasan pendapat bila berkaitan

**51.** Apabila pendapat dari mana-mana orang yang hidup adalah berkaitan, alasan-alasan dalam mana pendapat tersebut didasarkan adalah juga berkaitan.

*Misalan*

Seorang pakar mungkin memberi suatu keterangan mengenai percubaan-percubaan yang dilakukannya bagi maksud membuat pendapatnya.

**WATAK BILA BERKAITAN**

Dalam kes-kes sivil watak untuk membuktikan kelakuan yang dituduh tidak berkaitan

**52.** Dalam kes-kes sivil kenyataan bahawa watak mana-mana orang berkenaan sedemikian rupa sehingga membuat mungkin atau tidak mungkinnya mana-mana kelakuan yang dituduhkan ke atasnya adalah tidak berkaitan, kecuali jika sejauh mana nampaknya kelakuan demikian daripada kenyataan-kenyataan yang sebaliknya berkenaan.

Dalam kes-kes jenayah watak baik yang dahulu berkaitan

**53.** Dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah kenyataan bahawa orang yang tertuduh mempunyai watak yang baik adalah berkaitan.

Watak dahulu yang tidak baik tidak berkaitan kecuali dalam jawapan

**54.** Dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah kenyataan bahawa orang yang tertuduh mempunyai watak yang tidak baik adalah tidak berkaitan, melainkan keterangan telah diberi bahawa dia mempunyai watak yang baik, dalam hal mananya menjadi berkaitan.

*Huraian 1.*— Bab ini tidak dikenakan kepada kes-kes dalam mana watak yang tidak baik mana-mana orang adalah sendirinya menjadi kenyataan yang dipersoalkan.

*Huraian 2.*— Suatu sabitan kesalahan yang dahulu adalah berkaitan sebagai keterangan mengenai dengan watak yang tidak baik.

**55.** Dalam kes-kes sivil kenyataan bahawa watak mana-mana orang sedemikian rupa sehingga memberi kesan kepada jumlah gantirugi yang patut diterimanya adalah berkaitan.

Watak yang memberi kesan gantirugi

*Huraian.* — Dalam bab-bab 52, 53, 54 dan 55 perkataan “watak” termasuk kedua-dua reputasi dan pembawaan ; tetapi, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam bab 54, keterangan boleh diberi hanya mengenai reputasi am dan pembawaan am, dan bukan mengenai perbuatan-perbuatan tertentu dengan mana reputasi atau pembawaan ditunjukkan.

## BAHAGIAN II

### MENGENAI BUKTI

#### Penggal III

##### Kenyataan-Kenyataan yang tidak perlu dibuktikan

**56.** Kenyataan bagi yang mana mahkamah hendak memperuntukkan tidak perlu dibuktikan.

Kenyataan yang mempunyai notis kehakiman tidak perlu dibuktikan

**57.** (1) Mahkamah hendaklah mengambil notis kehakiman bagi kenyataan-kenyataan yang berikut —

(a) semua undang-undang atau peraturan-peraturan yang sekarang mempunyai kuatkuasa undang-undang atau yang berkuatkuasa sebelum ini atau yang akan berkuatkuasa selepas ini di mana-mana bahagian Negara Brunei Darussalam ;

Kenyataan-kenyataan yang mana mahkamah mestilah mengambil notis kehakiman

- (b) semua Akta-Akta awam yang diluluskan atau yang selepas ini akan diluluskan oleh Parlimen, dan semua Akta-Akta tempatan dan persendirian yang diarahkan oleh Parlimen sebagai notis kehakiman ;
- (c) perkara-perkara perang untuk Angkatan-Angkatan Bersenjata atau mana-mana angkatan pelawat yang berada secara sah di Negara Brunei Darussalam ;
- (d) perjalanan mesyuarat Majlis Mesyuarat Negeri ;

*Huraian.*— Perkataan “Parlimen” dalam perenggan (b) dan (d) bermakna —

- (i) Parlimen United Kingdom dari Great Britain dan Ireland Utara ;
  - (ii) Parlimen United Kingdom dari Great Britain dan Ireland ;
  - (iii) Parlimen Ireland Utara ;
  - (iv) Parlimen Great Britain ;
  - (v) Parlimen England ;
  - (vi) Parlimen Scotland ;
  - (vii) Parlimen Ireland sebelum 1 haribulan Januari, 1801 ;
- (e) naik takhta Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan ;
- (f) naik takhta dan Mohor Raja bagi United Kingdom yang ada pada masa ini ;
- (g) semua meterai bagi yang mana Mahkamah-Mahkamah Negara Brunei Darussalam mengambil notis kehakiman, meterai-meterai semua Mahkamah

Negara Brunei Darussalam, meterai-meterai Mahkamah-Mahkamah ‘Admiralty’ dan bidangkuasa kelautan dan penyaksi-penyaksi awam, dan semua meterai yang mana-mana orang dibenarkan untuk menggunakan oleh mana-mana undang-undang yang berkuatkuasa pada masa ini di Brunei ;

(h) kenaikan kepada jawatan, nama-nama, gelaran-gelaran, tugas-tugas dan tandatangan-tandatangan orang-orang yang pada ketika itu mengisi mana-mana jawatan kerajaan di mana-mana bahagian Negara Brunei Darussalam, jika kenyataan bagi lantikan mereka kepada jawatan demikian disiarkan dalam *Warta Kerajaan* ;

(i) wujudnya, gelaran dan bendera kebangsaan bagi setiap Negara atau Raja Pemerintah yang diiktirafkan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia ;

(j) perjalanan biasa tabi’i, pembahagian masa yang tulin atau tiruan, pembahagian-pembahagian dunia secara geografi, makna perkataan-perkataan Melayu dan Inggeris, pesta-pesta awam, puasa dan cuti-cuti yang disiarkan dalam *Warta Kerajaan* ;

(k) negeri-negeri Komanwel ;

(l) permulaan, sambungan dan tamatnya perrusuhan-permusuhan di antara Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagian Komanwel dan mana-mana Negara atau kumpulan orang ;

(m) nama ahli-ahli dan pegawai-pegawai mahkamah dan timbalan-timbalan mereka dan pegawai-pegawai rendah dan penolong-penolong, dan juga semua pegawai yang bertindak dalam pelaksanaan proses-proses mahkamah, dan semua peguambela dan peguamcara dan orang-orang lain yang diberikuasa oleh undang-undang untuk hadir atau bertindak dalam mahkamah ;

(n) aturan jalan raya di darat, peraturan-peraturan laut dan aturan-aturan udara ;

(o) semua perkara-perkara lain yang diarahkan oleh mana-mana undang-undang bertulis untuk diperhatikan.

(2) Dalam semua perkara-perkara ini, dan juga dalam perkara-perkara mengenai sejarah awam, kesusasteraan, sains atau seni lukis, mahkamah boleh menggunakan bantuannya untuk mensesuaikan buku-buku atau dokumen-dokumen rujukan.

(3) Jika mahkamah dikehendaki oleh mana-mana orang untuk mengambil notis kehakiman mengenai mana-mana kenyataan, mahkamah boleh menolak untuk berbuat sedemikian melainkan dan sehingga orang tersebut mengemukakan sebarang buku atau dokumen demikian sebagaimana yang difikirnya perlu untuk membolehkannya berbuat sedemikian.

Kenyataan-  
kenyataan  
yang  
diterima tidak  
perlu  
dibuktikan

**58.** (1) Kenyataan tidak perlu dibuktikan dalam mana-mana perbicaraan yang mana pihak-pihak kepadanya atau wakil-wakil mereka bersetuju untuk mengaku semasa perbicaraan atau yang mana sebelum perbicaraan mereka bersetuju untuk mengaku dengan mana-mana tulisan tangan mereka, atau yang mana dengan mana-mana aturan surat guaman yang berkuatkuasa pada waktu mereka dianggap telah mengaku dengan surat guaman mereka.

(2) Mahkamah boleh, atas budibicaranya, menghendaki kenyataan-kenyataan yang diakui untuk dibuktikan selain daripada pengakuan-pengakuan demikian.

Penggal IV

Mengenai Keterangan Lisan

**59.** Semua kenyataan, kecuali kandungan dokumen-dokumen, boleh dibuktikan dengan keterangan lisan.

Bukti bagi  
kenyataan-  
kenyataan  
dengan  
keterangan  
lisan

**60.** (1) Keterangan lisan hendaklah dalam semua hal apau pun hendaklah secara langsung —

Keterangan  
lisan  
hendaklah  
secara  
langsung

(a) jika ianya merujuk kepada suatu kenyataan yang boleh dilihat, ianya hendaklah keterangan dari seorang saksi yang mengatakan dia melihat kenyataan itu ;

(b) jika ianya merujuk kepada suatu kenyataan yang boleh didengar, ianya hendaklah keterangan dari seorang saksi yang mengatakan dia mendengar kenyataan itu ;

(c) jika ianya merujuk kepada suatu kenyataan yang boleh diketahui oleh sebarang deria yang lain atau dengan sebarang cara lain, ianya hendaklah keterangan dari seorang saksi yang mengatakan dia mengetahui kenyataan itu dengan deria tersebut atau dengan cara tersebut ;

(d) jika ianya merujuk kepada suatu pendapat atau kepada alasan-alasan atas mana pendapat tersebut dibuat, ianya hendaklah keterangan dari orang yang membuat pendapat tersebut atas alasan-alasan itu.

(2) Pendapat-pendapat dari pakar-pakar yang dinyatakan dalam sebarang buku ilmiah yang biasanya ditawarkan untuk jualan dan alasan-alasan atas mana pendapat-pendapat tersebut dibuat boleh dibuktikan dengan mengemukakan buku ilmiah demikian jika penulisnya sudah meninggal dunia

atau tidak dapat ditemui atau telah menjadi tidak berkebolehan untuk memberi keterangan atau tidak boleh dipanggil sebagai saksi tanpa menyebabkan kelambatan atau perbelanjaan yang mana dianggap tidak munasabah oleh mahkamah.

(3) Jika keterangan lisan merujuk kepada wujudnya atau keadaan mana-mana benda yang mustahak selain dari pada suatu dokumen, mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, menghendaki supaya benda mustahak tersebut dikemukakan untuk diperiksa.

## Penggal V

### Mengenai Keterangan Dokumen

Bukti bagi  
kandungan  
dokumen-  
dokumen

**61.** Kandungan dokumen-dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan aslian atau keterangan turunan.

Keterangan  
aslian

**62.** Keterangan aslian bermakna dokumen itu sendiri dikemukakan bagi pemeriksaan mahkamah.

*Huraian 1.* — Jika suatu dokumen dilaksanakan dalam beberapa bahagian, setiap bahagian adalah keterangan aslian bagi dokumen tersebut.

Jika suatu dokumen dilaksanakan dalam pasangan, setiap pasangan yang dilaksanakan oleh seorang atau beberapa orang dari pihak-pihak tersebut sahaja, setiap pasangan adalah keterangan aslian sebagai menentang pihak-pihak yang melaksanakannya.

*Huraian 2.* — Jika sebilangan dokumen kesemuanya adalah dibuat dengan satu proses yang sama, seperti dalam hal percetakan, litografi atau fotografi, setiap satu adalah keterangan aslian bagi kandungan-kandungan yang selainnya, tetapi jika ianya adalah salinan-salinan dari salinan asal yang biasa maka ianya adalah bukan keterangan aslian bagi kandungan-kandungan salinan asal.

*Misalan*

Seseorang dibuktikan mempunyai beberapa pelekat, semuanya dicetak pada satu masa daripada satu salinan asal. Mana-mana satu dari-pada pelekat-pelekat tersebut adalah keterangan aslian bagi kandungan-kandungan mana-mana yang lainnya, tetapi tidak satu pun daripadanya merupakan keterangan aslian bagi kandungan-kandungan salinan asal.

**63. Keterangan turunan termasuk —**Keterangan  
turunan

- (a) salinan-salinan yang diperakui yang diberi di bawah peruntukan-peruntukan yang terkandung selepas ini ;
- (b) salinan-salinan yang dibuat daripada salinan asal dengan proses-proses mekanika, yang mana dalam sendirinya memastikan ketepatan salinan tersebut, dan salinan-salinan yang dibandingkan dengan salinan-salinan demikian ;
- (c) salinan-salinan yang diperbuat daripada atau dibandingkan dengan salinan asal ;
- (d) pasangan-pasangan bagi dokumen-dokumen sebagai menentang pihak-pihak yang tidak melaksanakannya ;
- (e) keterangan-keterangan lisan mengenai kandungan-kandungan sesuatu dokumen yang diberi oleh seseorang yang sendirinya telah melihatnya.

*Misalan*

(a) Suatu fotograf dari suatu salinan asal adalah keterangan turunan bagi kandungan-kandungannya, meskipun keduanya belum dibandingkan, jika dibuktikan bahawa benda yang difotograf adalah yang asal.

(b) Suatu salinan dibandingkan dengan suatu salinan surat yang dibuat dengan mesin penyalin adalah keterangan turunan bagi kandungan-kandungan surat tersebut jika dibuktikan bahawa salinan yang dibuat oleh mesin penyalin tersebut telah dibuat daripada yang asal.

(c) Suatu salinan disalin daripada suatu salinan tetapi kemudiannya dibandingkan dengan salinan asal adalah keterangan turunan, tetapi salinan yang tidak dibandingkan sedemikian adalah bukan salinan turunan bagi salinan asal, meskipun salinan daripada mana ianya telah disalin dibandingkan dengan salinan yang asal.

(d) Suatu keterangan lisan bagi satu salinan yang dibandingkan dengan salinan asal maupun suatu keterangan lisan bagi suatu fotografi atau mesin penyalin dari salinan asal kedua-duanya adalah bukan keterangan turunan bagi salinan asal.

**64. Dokumen-dokumen hendaklah dibuktikan dengan keterangan aslian kecuali dalam kes-kes yang dinyatakan selepas ini.**

**65. Keterangan turunan boleh diberikan mengenai dengan wujudnya, keadaan atau kandungan-kandungan suatu dokumen yang boleh diterima sebagai keterangan dalam kes-kes yang berikut —**

(a) bila salinan asal dibuktikan atau nampaknya sebagai dipunyai atau dalam kuasa —

(i) seseorang terhadap siapa dokumen tersebut dikehendaki untuk dibuktikan ; atau

(ii) mana-mana orang yang di luar kuasa mahkamah atau tidak tertakluk kepada proses mahkamah ; atau

(iii) mana-mana orang yang terikat di sisi undang-undang untuk mengemukakannya ;

dan bila setelah notis yang dinyatakan dalam bab 66 orang tersebut tidak mengemukakannya ;

(b) bila wujudnya, keadaan atau kandungan-kandungan salinan asal telah dibuktikan sebagai boleh diterima secara bertulis oleh orang terhadap mana ianya dibuktikan atau oleh wakilnya yang ada kepentingan ;

Bukti bagi  
dokumen-  
dokumen  
dengan  
keterangan  
aslian

Kes-kes  
dalam mana  
keterangan  
turunan  
berhubung  
dengan  
dokumen-  
dokumen  
boleh  
diberi

- (c) bila salinan asal telah termusnah atau hilang, atau bila pihak yang menawarkan keterangan mengenai kandungan-kandungannya tidak dapat atas mana-mana sebab yang lain yang tidak berbangkit daripada kesalahan atau kecuaiannya mengemukakan keterangan dalam waktu yang munasabah ;
- (d) bila salinan asal demikian sifatnya tidak boleh dipindah dengan mudahnya ;
- (e) bila salinan asal adalah dokumen awam di dalam bidang makna bab 74 ;
- (f) bila salinan asal adalah suatu dokumen bagi yang mana suatu salinan yang diakui sah dibenarkan oleh Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang lain yang berkuatkuasa pada ketika ini di Negara Brunei Darussalam untuk diberikan sebagai keterangan ;
- (g) bila salinan-salinan asal mengandung banyak keterangan atau dokumen-dokumen lain yang mana tidak dapat diperiksa dengan mudahnya di mahkamah, dan kenyataan yang hendak dibuktikan adalah akibat yang lazimnya dari keseluruhan pengumpulan tersebut.

Dalam kes-kes (a), (c) dan (d) mana-mana keterangan turunan bagi kandungan-kandungan dokumen tersebut boleh diterima.

Dalam kes (b) pengakuan bertulis boleh diterima.

Dalam kes (e) atau (f) suatu salinan yang diakui sah bagi dokumen tersebut tetapi jenis keterangan turunan yang lain tidak boleh diterima.

Dalam kes (g) keterangan boleh diberi berkenaan dengan akibat yang lazimnya dari dokumen-dokumen tersebut oleh mana-mana orang yang telah memeriksanya dan yang berkemahiran dalam pemeriksaan dokumen-dokumen tersebut.

Aturan-  
aturan  
mengenai  
dengan notis  
untuk  
mengemuka-  
kan

**66.** Keterangan turunan bagi kandungan-kandungan dari dokumen-dokumen yang disebut dalam perenggan (a) dari bab 65 tidak akan diberikan melainkan pihak yang bercadang untuk memberi keterangan turunan tersebut dahulunya telah memberi kepada pihak yang mempunyai atau berkuasa atas dokumen tersebut, atau kepada peguamcaranya, notis demikian untuk mengemukakannya sebagaimana yang ditetapkan oleh undang-undang ; dan jika notis tidak ada ditetapkan oleh undang-undang, maka hendaklah diberi notis sebagaimana yang dianggap munasabah oleh mahkamah di bawah keadaan-keadaan kes tersebut :

Dengan syarat bahawa notis demikian tidak akan dikehendaki demi untuk memberi keterangan turunan yang boleh diterima dalam mana-mana kes yang berikut atau dalam mana-mana kes lain dalam mana mahkamah memikirkannya patut untuk tidak payah diminta —

- (a) bila dokumen yang hendak dibuktikan adalah sendirinya suatu notis ;
- (b) bila daripada sifat kes tersebut pihak yang menentang mesti mengetahui bahawa dia akan dikehendaki untuk mengemukakannya ;
- (c) bila ianya merupakan atau dibuktikan bahawa pihak yang menentang telah memperolehi salinan asal tersebut di dalam tangan mereka dengan cara tipuan atau paksa ;
- (d) bila pihak yang menentang atau wakilnya mempunyai salinan asal dalam mahkamah ;
- (e) bila pihak yang menentang atau wakilnya telah mengaku kehilangan dokumen tersebut ;

(f) bila orang yang mempunyai dokumen tersebut adalah luar daripada kuasa mahkamah atau tidak tertakluk kepada proses mahkamah.

**67.** Jika suatu dokumen dikatakan sebagai telah ditandatangani atau telah ditulis keseluruhannya atau sebahagiannya oleh mana-mana orang, tandatangan atau penulisan tangan bagi seberapa banyak dokumen tersebut sebagaimana yang dikatakan sebagai dalam tulisan tangan orang itu mestilah dibuktikan sebagai dalam tulisan tangannya.

Bukti bagi tandatangan dan tulisan tangan orang yang dikatakan telah menandatangani atau menulis dokumen yang dikemukakan

**68.** Jika suatu dokumen adalah dikehendaki oleh undang-undang untuk ditandatangani, ianya tidak boleh digunakan sebagai keterangan sehingga seorang saksi yang menandatangani sekurang-kurangnya telah dipanggil bagi maksud membuktikan pelaksanaannya, jika seorang saksi yang menandatangani masih hidup dan tertakluk kepada proses mahkamah dan berkebolehan untuk memberi keterangan.

Bukti bagi pelaksanaan dokumen yang dikehendaki oleh undang-undang untuk ditandatangani

**69.** Jika saksi yang menandatangani tidak ditemui, atau jika dokumen dikatakan telah dilaksanakan di United Kingdom, mestilah dibuktikan bahawa penyaksian dari seorang saksi yang menandatangani sekurang-kurangnya dalam tulisan tangannya, dan bahawa tandatangan orang yang melaksanakan dokumen tersebut adalah dalam tulisan tangan orang tersebut.

Bukti jika saksi yang menandatangani tidak ditemui

**70.** Pengakuan dari satu pihak kepada dokumen yang ditandatangani tentang pelaksanaannya oleh dirinya hendaklah menjadi bukti yang mencukupi tentang pelaksanaannya sebagai menentangnya, meskipun ianya adalah suatu dokumen yang dikehendaki oleh undang-undang untuk ditandatangani.

Pengakuan pelaksanaan oleh pihak untuk menandatangani dokumen

Bukti bila  
saksi yang  
menanda-  
tangani  
menafikan  
pelaksanaan-  
nya

**71.** Jika saksi yang menandatangani menafikan atau tidak ingat akan pelaksanaan dokumen tersebut, pelaksanaannya boleh dibuktikan dengan keterangan yang lain.

Bukti  
dokumen  
yang tidak  
dikehendaki  
oleh undang-  
undang untuk  
ditanda-  
tangani

**72.** Suatu dokumen yang ditandatangani yang tidak dikehendaki oleh undang-undang untuk ditandatangani boleh dibuktikan seolah-olah ianya tidak ditandatangani.

Perbandingan  
tandatangan,  
tulisan atau  
meterai  
dengan lain-  
lainnya  
yang diterima  
atau  
dibuktikan

**73.** (1) Demi untuk mempastikan sama ada suatu tandatangan, tulisan atau meterai adalah kepunyaan orang oleh siapa ianya dikatakan telah ditulis atau dibuat, mana-mana tandatangan, tulisan atau meterai, yang diterima atau dibuktikan sehingga memuaskan hati mahkamah sebagai telah ditulis atau dibuat oleh orang itu, boleh dibandingkan oleh seorang saksi atau oleh mahkamah dengan tandatangan, tulisan atau meterai yang akan dibuktikan, meskipun tandatangan, tulisan atau meterai itu belum lagi dikemukakan atau dibuktikan bagi mana-mana maksud lain.

(2) Mahkamah boleh mengarahkan mana-mana orang untuk hadir dalam mahkamah untuk menulis mana-mana perkataan atau angka bagi maksud membolehkan mahkamah untuk membandingkan perkataan-perkataan atau angka-angka yang ditulis sedemikian dengan mana-mana perkataan atau angka yang dikatakan telah ditulis oleh orang tersebut.

(3) Bab ini juga dikenakan, kepada mana-mana perubahan yang perlu, kepada cap-cap jari.

*DOKUMEN-DOKUMEN AWAM*

74. Dokumen-dokumen yang berikut adalah dokumen-dokumen awam —

Dokumen-dokumen awam

- (a) dokumen-dokumen yang menjadikan akta-akta atau rekod-rekod akta-akta —
  - (i) pihak berkuasa yang berdaulat ;
  - (ii) badan-badan rasmi dan badan-badan pengadilan ; dan
  - (iii) pegawai-pegawai kerajaan, undang-undang, kehakiman dan pemerintah, sama ada dari Negara Brunei Darussalam atau mana-mana bahagian Komanwel yang lain atau dari sebuah negeri asing ;
- (b) rekod-rekod awam yang disimpan di Negara Brunei Darussalam berkenaan dengan dokumen-dokumen rahsia.

75. Semua dokumen-dokumen yang lain adalah rahsia.

Dokumen-dokumen rahsia

76. Setiap pegawai kerajaan yang menyimpan dokumen awam yang mana sebarang orang mempunyai hak untuk memeriksanya hendaklah memberi kepada orang itu apabila diminta satu salinannya setelah membayar bayaran yang sah untuknya, bersama dengan suatu surat akuan, dengan ditulis di bawah salinan tersebut, bahawa ianya adalah salinan yang benar bagi dokumen tersebut atau sebahagian daripadanya, menurut mana-mana yang berkenaan, dan surat akuan tersebut hendaklah dibubuh tarikh dan ditulis oleh pegawai tersebut dengan namanya dan jawatan rasminya, dan hendaklah dimeteraikan apabila pegawai tersebut diberikuasa oleh undang-undang untuk menggunakan suatu meterai, dan salinan-salinan yang diperakui sedemikian hendaklah dipanggil salinan-salinan yang diperakui.

Salinan-salinan dokumen-dokumen awam yang diperakui

*Huraian.*— Mana-mana pegawai yang mana dengan perjalanan biasa tugas rasmi adalah diberikuasa untuk menghantar salinan-salinan tersebut hendaklah dianggap sebagai menyimpan dokumen-dokumen tersebut di dalam bidang makna bab ini.

Bukti bagi  
dokumen-  
dokumen  
dengan  
mengemuka-  
kan salinan-  
salinan yang  
diperakui

77. Salinan-salinan yang diperakui demikian boleh dikemukakan sebagai membuktikan kandungan-kandungan dokumen-dokumen awam atau sebahagian daripada dokumen-dokumen awam bagi yang mana ianya dikatakan sebagai salinan-salinan.

Bukti bagi  
dokumen-  
dokumen  
rasmi  
yang tertentu

78. (1) Dokumen-dokumen awam yang berikut boleh dibuktikan seperti berikut —

(a) akta-akta, perintah-perintah atau pemberitahuan-pemberitahuan dari Kerajaan Negara Brunei Darussalam dalam mana-mana jabatannya —

dengan rekod-rekod dari jabatan-jabatan tersebut yang diperakui oleh ketua-ketua dari jabatan masing-masing, atau oleh Setiausaha Kerajaan ; atau

dengan mana-mana dokumen yang dikatakan telah dicetak oleh pihak berkuasa Kerajaan ;

(b) perjalanan Majlis Mesyuarat Negeri —

dengan minit-minit dari badan tersebut atau dengan Akta-Akta atau ikhtisar-ikhtisar yang disiarkan atau dengan salinan-salinan yang dikatakan sebagai dicetak oleh pihak berkuasa Kerajaan ;

(c) pengisytiharan-pengisytiharan, perintah-perintah atau peraturan-peraturan yang dikeluarkan oleh Baginda Queen atau oleh Majlis Mesyuarat Di-Raja atau oleh mana-mana jabatan Kerajaan Baginda Queen —

dengan salinan-salinan atau ikhtisar-ikhtisar yang terkandung dalam London ‘*Gazette*’ atau dalam *Warta Kerajaan* atau yang dikatakan dicetak oleh Percetakan Baginda Queen ;

(d) akta-akta dari Pemerintah atau perjalanan badan perundangan dari sebuah negeri asing —

dengan majalah-majalah yang disiarkan dengan kebenaran mereka atau yang biasanya diterima seperti itu dalam negeri tersebut, atau dengan satu salinan yang diperakui di bawah meterai negeri atau raja pemerintah, atau dengan suatu pengiktirafan bagi-nya dalam Akta awam Negara Brunei Darussalam ;

(e) perjalanan sebuah badan bandaran atau Majlis tempatan di Negara Brunei Darussalam —

dengan satu salinan bagi perjalanan demikian yang diperakui oleh penyimpan undang-undangnya, dengan satu surat akuan di bawah meterai penyaksi awam atau Konsol Negara Brunei Darussalam bahawa salinan tersebut telah diperakui dengan sem-purnanya oleh pegawai yang diberikuasa oleh Negara Brunei Darussalam untuk menyimpan salinan asal dan setelah membuktikan ciri dokumen tersebut menurut undang-undang negeri asing tersebut.

(2) Salinan-salinan Akta-Akta, Ordinan-Ordinan, Statut-Statut yang diluluskan oleh badan perundangan dari mana-mana bahagian Komanwel dan perintah-perintah, peraturan-peraturan dan suratcara-suratcara lain yang dike-luarkan atau dibuat di bawah pihak berkuasa bagi mana-mana Akta, Ordinan atau Statut tersebut, jika dikatakan sebagai dicetak oleh Percetakan Kerajaan, hendaklah diterima sebagai keterangan dalam semua mahkamah di Negara Brunei Darussalam tanpa memberi sebarang bukti ba-hawa salinan-salinan tersebut telah dicetak sede-mikian.

(3) Dalam bab ini “Pencetak Kerajaan” bermakna, berhubung dengan mana-mana wilayah dalam Komanwel, pencetak yang dikatakan sebagai pencetak yang diberikuasa untuk mencetak Akta-Akta, Ordinan-Ordinan atau Statut bagi badan perundangan wilayah tersebut, atau sebaliknya sebagai Pencetak Kerajaan bagi wilayah tersebut.

*ANGGAPAN-ANGGAPAN MENGENAI DENGAN  
DOKUMEN-DOKUMEN*

Anggapan mengenai dengan betulnya salinan-salinan yang diperakui

**79.** (1) Mahkamah hendaklah menganggap sebagai betul setiap dokumen yang dikatakan sebagai suatu surat akuan, salinan yang diperakui atau dokumen lain yang mana di sisi undang-undang diakui sebagai boleh diterima sebagai keterangan bagi mana-mana kenyataan yang tertentu, yang mana dikatakan sebagai telah diperakui dengan sempurnanya oleh mana-mana pegawai dalam Negara Brunei Darussalam siapa yang telah diberikuasa kepadanya :

Dengan syarat bahawa dokumen demikian adalah keseluruhannya dalam bentuk dan dikatakan sebagai dilaksanakan dengan cara yang diarahkan oleh undang-undang bagi pihak itu.

(2) Mahkamah hendaklah juga menganggap bahawa mana-mana pegawai oleh siapa mana-mana dokumen demikian dikatakan telah ditandatangani atau diperakui mempunyai, bila dia menandatanganinya, ciri rasmi yang diakuinya dalam dokumen tersebut.

Anggapan mengenai dengan dokumen-dokumen yang dikemukakan sebagai rekod keterangan

**80.** Apabila mana-mana dokumen dikemukakan di hadapan mahkamah yang dikatakan sebagai suatu rekod atau memorandam keterangan atau bagi mana-mana bahagian keterangan yang diberikan oleh seorang saksi dalam suatu perbicaraan kehakiman atau di hadapan mana-mana pegawai yang diberikuasa oleh undang-undang untuk mengambil keterangan demikian, atau sebagai suatu pernyataan atau pengakuan salah oleh mana-mana banduan atau orang yang

tertuduh, yang diambil menurut undang-undang dan dikatakan telah ditandatangani oleh mana-mana Hakim atau Majistret atau oleh mana-mana pegawai sebagaimana yang disebutkan di atas, mahkamah hendaklah menganggap —

- (a) bahawa dokumen tersebut adalah betul ;
- (b) bahawa mana-mana pernyataan berhubung dengan keadaan-keadaan dalam mana ianya telah diambil, yang dikatakan telah dibuat oleh orang yang menandatanganinya, adalah benar ; dan
- (c) bahawa keterangan, pernyataan dan pengakuuan salah tersebut telah diambil dengan sempurnanya.

**81.** Mahkamah hendaklah menganggap betulnya setiap dokumen yang dikatakan sebagai Warta, London *Gazette* atau *Warta Kerajaan* dari mana-mana bahagian Komanwel, atau sebagai Warta yang dikeluarkan oleh Kerajaan tempatan dari mana-mana bahagian Komanwel, atau sebagai suatu suratkhabar atau majalah, atau sebagai suatu naskhah Akta rahsia Parlimen yang dicetak oleh Pencetak Baginda Queen, dan setiap dokumen yang dikatakan sebagai suatu dokumen yang diarahkan oleh mana-mana undang-undang untuk disimpan orang mana-mana orang, jika dokumen demikian disimpan keseluruhannya dalam bentuk yang dikehendaki oleh undang-undang dan dikeluarkan daripada jagaan yang sempurna.

Anggapan mengenai dengan Warta suratkhabar, Akta-Akta Parlimen yang rahsia dan dokumen-dokumen lain

**82.** Bila mana-mana dokumen dikemukakan di hadapan mahkamah, yang dikatakan sebagai suatu dokumen yang mana dengan undang-undang yang berkuatkuasa pada ketika itu di England atau Ireland Utara adalah boleh diterima sebagai bukti bagi mana-mana keterangan dalam mana-mana Mahkamah Keadilan di England atau Ireland Utara, tanpa bukti meterai atau cap atau tandatangan yang mengesahkannya, atau ciri kehakiman atau rasmi yang diakui oleh orang tersebut oleh siapa ianya dikatakan ditandatangani —

Anggapan mengenai dokumen yang boleh diterima di England tanpa bukti meterai atau tandatangan

Anggapan mengenai dengan peta-peta atau pelan-pelan yang dibuat dengan kebenaran dari Kerajaan

Anggapan mengenai dengan pengumpulan undang-undang dan laporan-laporan keputusan

Anggapan mengenai dengan suratkuasa wakil

(a) mahkamah hendaklah menganggap bahawa meterai, cap atau tandatangan tersebut adalah betul, dan bahawa orang yang menandatanganinya mempunyai pada waktu dia menandatanganinya ciri kehakiman atau rasmi yang diakuinya ;

(b) dokumen tersebut hendaklah boleh diterima bagi maksud yang sama bagi yang mana ianya boleh diterima di England dan Ireland Utara.

**83.** (1) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa peta-peta atau pelan-pelan yang dikatakan telah dibuat dengan kebenaran Kerajaan adalah dibuat sedemikian dan tepat.

(2) Peta-peta atau pelan-pelan yang dibuat bagi maksud-maksud mana-mana sebab atau perbicaraan lain, sivil atau jenayah, mestilah dibuktikan sebagai tepat.

**84.** Mahkamah hendaklah menganggap betulnya setiap buku yang dikatakan —

(a) sebagai dicetak atau disiarkan di bawah kebenaran Kerajaan mana-mana negeri dan yang mengandungi mana-mana undang-undang negeri itu ; atau

(b) mengandungi laporan-laporan keputusan-keputusan dari mahkamah-mahkamah negeri tersebut.

**85.** Mahkamah hendaklah menganggap bahawa setiap dokumen yang dikatakan sebagai suatu suratkuasa wakil, dan telah dilaksanakan dan disahkan oleh Penyaksi Awam atau Pesuruhjaya Sumpah, atau mana-mana mahkamah, Hakim, majistret, Konsul Negara Brunei Darussalam, telah dilaksanakan dan disahkan sedemikian.

86. Mahkamah boleh menganggap bahawa mana-mana dokumen yang dikatakan sebagai suatu salinan yang diperakui bagi mana-mana rekod kehakiman dari mana-mana negeri yang bukan menjadi sebahagian daripada komanwel adalah betul dan tepat jika dokumen yang dikatakan sebagai diperakui dengan sebarang cara yang mana diperakui oleh mana-mana wakil Kebawah Duli Yang Maha Mulia dalam atau bagi negeri tersebut sebagai cara yang biasanya digunakan dalam negeri tersebut bagi perakuan salinan-salinan rekod-rekod kehakiman.

Anggapan mengenai dengan salinan-salinan yang diperakui bagi rekod-rekod kehakiman asing

87. Mahkamah boleh menganggap bahawa mana-mana buku kepada mana ianya boleh merujuk untuk mendapat keterangan mengenai perkara-perkara awam atau kepentingan am, dan bahawa mana-mana peta atau carta yang disiarkan yang mana pernyataan-pernyataannya adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan dan yang dikemukakan bagi pemeriksaannya, telah ditulis dan disiarkan oleh orang dan pada waktu dan di tempat oleh siapa atau di mana ianya dikatakan telah ditulis atau disiarkan.

Anggapan mengenai dengan buku-buku, peta-peta dan carta-carta

88. Mahkamah boleh menganggap bahawa suatu berita yang disampaikan daripada sebuah pejabat taligrap kepada orang kepada siapa berita tersebut dikatakan sebagai ditujukan adalah sama dengan suatu berita yang dikirimkan untuk disampaikan di pejabat daripada mana berita tersebut dikatakan telah dikirim ; tetapi mahkamah tidak boleh membuat sebarang anggapan mengenai dengan orang oleh siapa berita tersebut dikirimkan untuk disampaikan.

Anggapan mengenai dengan berita-berita taligrap

89. Mahkamah hendaklah menganggap bahawa setiap dokumen yang diperlukan dan tidak dikemukakan, selepas notis untuk mengemukakannya yang diberi di bawah bab 66, ditandatangani, dicap dan dilaksanakan dengan cara yang dikehendaki oleh undang-undang.

Anggapan mengenai dengan pelaksanaan yang sempurna, dsb., bagi dokumen-dokumen yang tidak dikemukakan

Anggapan  
mengenai  
dengan  
dokumen  
30 tahun

**90.** Jika mana-mana dokumen dikatakan atau dibuktikan sebagai berumur 30 tahun dikemukakan daripada mana-mana simpanan yang mana mahkamah dalam hal yang tertentu memikirkan patut, mahkamah boleh menganggap bahawa tandatangan dan setiap bahagian lain dokumen tersebut yang dikatakan sebagai dalam tulisan tangan mana-mana orang yang tertentu adalah dalam tulisan tangan orang itu, dan dalam hal suatu dokumen yang dilaksanakan atau ditarikh dengan sepakutnya oleh orang-orang oleh siapa ianya dikatakan sebagai dilaksanakan dan ditandatangani.

*Huraian.*— Dokumen-dokumen dikatakan sebagai dalam simpanan yang sepakutnya jika ianya dalam tempat dalam mana dan di bawah jagaan orang dengan siapa ianya lazimnya berada ; tetapi apa jua simpanan adalah tidak sepakutnya jika ianya dibuktikan mempunyai asalnya yang sah, atau jika keadaan hal yang tertentu itu sedemikian rupa sehingga membuat asalnya yang demikian berkemungkinan.

Huraian ini juga dikenakan kepada bab 81.

*Misalan*

(a) A. telah lama mempunyai harta tanah. Dia mengeluarkan daripada simpanannya suratikatan yang berkaitan dengan tanah tersebut, yang menunjukkan hak miliknya kepada tanah tersebut. Penyimpanan tersebut adalah yang sepakutnya.

(b) A. mengemukakan suratikatan yang berkaitan dengan harta tanah bagi yang mana dia adalah pemegang cagaran (mortgagee). Pemberi cagaran tersebut memiliki. Penyimpanan tersebut adalah sepakutnya.

(c) A., sahabat B., mengemukakan suratikatan berkaitan dengan tanah yang dipunyai oleh B., yang mana disimpan dengannya oleh B. bagi penyimpanan yang selamat. Penyimpanan ini adalah sepakutnya.

## Penggal VI

Mengenai dengan Penyingkiran Lisan  
secara Keterangan Dokumen

91. Bila syarat-syarat suatu kontrak atau suatu pemberian bagi mana-mana pindaan lain bagi harta telah dijadikan secara atau dengan kebenaran pihak-pihak bentuk dokumen, dan dalam semua hal dalam mana sebarang perkara yang dikehendaki oleh undang-undang untuk dijadikan kepada bentuk suatu dokumen, keterangan tidak boleh diberi dalam membuktikan syarat-syarat kontrak, pemberian atau pindaan lain bagi harta yang sedemikian atau mengenai perkara tersebut kecuali dokumen itu sendiri, atau keterangan turunan tentang kandungannya dalam hal-hal dalam mana keterangan turunan diterima di bawah peruntukan-peruntukan yang terkandung sebelum ini.

Keterangan mengenai dengan syarat-syarat kontrak, pemberian dan pindaan harta yang lain yang dijadikan dalam bentuk dokumen

*Pengecualian 1.* — Bila seorang pegawai kerajaan dikehendaki oleh undang-undang untuk dilantik secara bertulis, dan bila terbukti bahawa mana-mana orang tertentu telah memangku sebagai pegawai demikian, tulisan dengan mana dia dilantik tidak perlu dibuktikan.

*Pengecualian 2.* — Wasiat-wasiat yang diterima untuk disahkan di Negara Brunei Darussalam boleh dibuktikan oleh pegawai waris.

*Huraian 1.* — Bab ini dikenakan secara saksama kepada kes-kes dalam mana kontrak-kontrak, pemberian-pemberian atau pindaan-pindaan harta yang dimaksudkan adalah terkandung dalam satu dokumen, dan kepada hal-hal dalam mana ianya adalah terkandung dalam lebih daripada satu dokumen.

*Huraian 2.* — Jika terdapat lebih daripada satu salinan asal, hanya satu salinan asal perlu dibuktikan.

*Huraian 3.* — Pernyataan dalam mana-mana dokumen apapun kenyataan, selain daripada kenyataan yang disebut dalam bab ini, tidak akan menahan pengakuan keterangan lisan mengenai dengan kenyataan yang sama.

*Misalan*

- (a) Jika suatu kontrak terkandung dalam beberapa surat, semua surat tersebut dalam mana ianya terkandung mestilah dibuktikan.
- (b) Jika suatu kontrak terkandung dalam suatu bil pertukaran, bil pertukaran tersebut mestilah dibuktikan.
- (c) Jika suatu bil pertukaran dibuat dalam satu set sebanyak tiga salinan, hanya satu salinan perlu dibuktikan.
- (d) A. berkontrak secara bertulis dengan B. bagi pengiriman lada atas syarat-syarat yang tertentu. Kontrak tersebut menyatakan keadaan bahawa B. telah membayar kepada A. harga lada yang lain yang dikontrakkan secara mulut pada suatu ketika yang lain.

Keterangan lisan dikemukakan bahawa pembayaran tidak ada dibuat bagi lada yang lain. Keterangan tersebut adalah diterima.

- (e) A. memberi kepada B. suatu resit bagi wang yang dibayar oleh B.

Keterangan lisan adalah dikemukakan bagi pembayaran tersebut.

Keterangan tersebut adalah diterima.

Penyingkiran  
ketetangan  
bagi  
perjanjian  
lisan

- 92.** Bila syarat-syarat bagi mana-mana kontrak, pemberian atau pindaan bagi harta, atau mana-mana perkara yang dikehendaki oleh undang-undang untuk dijadikan kepada bentuk suatu dokumen, telah dibuktikan menurut bab 91, keterangan bagi mana-mana perjanjian atau pernyataan lisan tidak boleh diterima sebagaimana di antara pihak-pihak kepada mana-mana suratcara tersebut atau wakil-wakil mereka yang mempunyai kepentingan bagi maksud menyangkal, mengubah, menambah kepada, atau mengurangkan daripada syarat-syaratnya :

Dengan syarat bahawa —

- (a) mana-mana kenyataan boleh dibuktikan yang boleh membatalkan mana-mana dokumen atau yang boleh memberi hak kepada mana-mana orang kepada mana-mana dikri atau perintah yang berkaitan dengannya ; seperti tipuan, hal menakutkan, hal yang salah di sisi undang-undang, hendak membuat pelaksanaan yang sempurna, menghendaki kedudukan dalam pihak yang membuat perjanjian, kenyataan bahawa ianya tersalah bubuh haribulan, kehendak atau kegagalan pertimbangan, atau kesalahan dalam kenyataan atau undang-undang ;
- (b) wujudnya mana-mana perjanjian lisan yang berasingan, mengenai dengan mana-mana perkara dalam mana suatu dokumen tidak disebutkan dan yang mana adalah sama dengan syarat-syaratnya, boleh dibuktikan, dan dalam mempertimbangkan sama ada atau tidak peruntukan ini dikenakan, mahkamah hendaklah mengambil perhatian kepada tingkat tatacara dokumen tersebut ;
- (c) wujudnya mana-mana perjanjian lisan yang berasingan yang membentuk suatu ketentuan yang terdahulu daripada menyertakan mana-mana kewajipan di bawah mana-mana kontrak, pemberian atau pindaan harta yang demikian, boleh dibuktikan ;
- (d) wujudnya mana-mana satu perjanjian lisan yang kemudian, untuk membatalkan atau mengubahsuai mana-mana kontrak, pemberian atau pindaan harta tersebut, boleh dibuktikan kecuali dalam hal-hal dalam mana kontrak, pemberian atau pindaan harta demikian adalah dari segi undang-undang dikehendaki secara bertulis, atau telah didaftar menurut undang-undang yang berkuatkuasa pada ketika itu mengenai dengan pendaftaran dokumen-dokumen ;

(e) mana-mana kelaziman atau adat dengan mana kejadian-kejadian yang tidak disebutkan dengan nyata dalam mana-mana kontrak yang biasanya ditambah kepada kontrak-kontrak serupa itu boleh dibuktikan ; dengan syarat bahawa penambahan kejadian demikian bersesuaian dengan atau sama dengan syarat-syarat yang nyata kontrak tersebut ;

(f) mana-mana kenyataan boleh dibuktikan yang menunjukkan dalam cara apa bahasa suatu dokumen berkaitan dengan kenyataan-kenyataan yang ada.

*Misalan*

(a) Suatu polisi insurans dilaksanakan ke atas barang-barang “dalam kapal dari Brunei ke London”. Barang-barang tersebut dikapalkan dalam sebuah kapal yang tertentu, yang mana hilang. Kenyataan bahawa kapal yang tertentu itu telah dikecualikan secara lisan daripada polisi tidak boleh dibuktikan.

(b) A. bersetuju sepenuhnya secara bertulis untuk membayar kepada B. \$1000 pada 1hb Mac, 1893. Kenyataan bahawa pada waktu yang sama suatu perjanjian lisan telah dibuat bahawa wang tersebut tidak akan dibayar sehingga 31 Mac tidak boleh dibuktikan.

(c) Sebuah ladang dipanggil “Kranji Tea Estate” dijual dengan suatu suratikatan yang mengandungi peta harta yang dijual. Kenyataan bahawa tanah yang tidak termasuk dalam peta tersebut sentiasa telah dianggap sebagai sebahagian daripada ladang tersebut dan dimaksudkan untuk berpindah tangan dengan suratikatan tersebut tidak boleh dibuktikan.

(d) A. membuat kontrak bertulis dengan B. untuk mengerjakan lombong-lombong yang tertentu, harta kepunyaan B., atas syarat-syarat yang tertentu. A. terdorong untuk berbuat sedemikian dengan salah nyata dari B. mengenai dengan nilainya. Kenyataan ini boleh dibuktikan.

(e) A. memulakan suatu guaman terhadap B. bagi pelaksanaan suatu kontrak yang tertentu, dan juga memohon supaya kontrak tersebut boleh diubah seperti salah satu daripada peruntukannya dengan

alasan bahawa peruntukan itu telah dimasukkan ke dalam kontrak tersebut dengan salah. A. boleh membuktikan bahawa suatu kesalahan demikian dibuat sebagaimana menurut undang-undang adalah berhak bagiinya supaya kontrak tersebut diubah.

(f) A. memesan barang-barang dari B. melalui sepucuk surat dalam mana tiada apa-apa pun dikatakan mengenai dengan waktu pembayaran, dan menerima barang-barang tersebut semasa penghantaran. B. mendakwa A. bagi harga tersebut. A. boleh membuktikan bahawa barang-barang tersebut dibekalkan secara kredit bagi suatu tempoh yang belum mansuh.

(g) A. menjual kepada B. seekor kuda dan secara mulut menjaminkan kepadanya bunyi. A. memberi kepada B. sekeping kertas dalam perkataan-perkataan ini : “Membeli daripada A. seekor kuda bagi \$300”. B. boleh membuktikan waran secara mulut tersebut.

(h) A. menyewa tempat tinggal dari B. dan memberi kepada B. satu kad dalam mana tertulis : “Bilik-bilik \$80 sebulan”. A. boleh membuktikan suatu perjanjian secara mulut bahawa syarat-syarat ini adalah termasuk sebahagian daripada makanan.

A. menyewa tempat tinggal dari B. selama setahun, dan suatu perjanjian yang disetem dengan tepatnya yang dibuat oleh seorang peguam dibuat di antara mereka. Perkara mengenai makanan tidak disebutkan. A. tidak boleh membuktikan bahawa makanan adalah termasuk dalam syarat-syarat secara mulut itu.

(i) A. meminta kepada B. bagi hutang yang patut dibayar kepada A. dengan menghantar suatu resit bagi wang tersebut. B. menyimpan resit tersebut dan tidak mengirimkan wang tersebut. Dalam suatu guaman bagi jumlah tersebut A. boleh membuktikan perkara ini.

(j) A. dan B. membuat suatu kontrak secara bertulis untuk berkuatkuasa apabila berlakunya suatu hal yang bergantung. Tulisan tersebut ditinggalkan bersama B., yang mendakwa A. atas tulisan tersebut. A. boleh membuktikan keadaan-keadaan dalam mana ianya telah diserahkan.

**93.** Bila bahasa yang dipakai dalam suatu dokumen adalah pada zahirnya ada kesamaran atau kecacatan, keterangan tidak boleh diberikan mengenai kenyataan-kenyataan yang akan menunjukkan maknanya atau memberi kecacatannya.

Penyingkiran  
keterangan  
untuk  
menerangkan  
atau  
memindah  
dokumen  
yang  
samar

*Misalan*

(a) A. bersetuju secara bertulis untuk menjual seekor kuda kepada B. bagi \$500 atau \$600.

Keterangan tidak dapat diberikan untuk membuktikan harga mana yang patut diberikan.

(b) Suatu suratikatan mengandungi ruang untuk diisi. Keterangan tidak dapat diberikan mengenai kenyataan-kenyataan yang akan menunjukkan bagaimana ianya dimaksudkan untuk diisi.

Penyingkiran  
keterangan  
terhadap  
penggunaan  
dokumen  
kepada  
kenyataan-  
kenyataan  
yang ada

**94.** Bila bahasa yang dipakai dalam suatu dokumen dengan sendirinya adalah terang dan bila ianya digunakan dengan tepatnya kepada kenyataan-kenyataan yang ada, keterangan tidak boleh diberikan untuk membuktikan bahawa ianya tidak dimaksudkan untuk digunakan kepada kenyataan-kenyataan tersebut.

*Misalan*

A. menyampaikan kepada B. dengan suratikatan “harta saya di Seria mengandungi 100 ekar”. A. mempunyai harta di Seria yang mengandungi 100 ekar. Keterangan tidak boleh diberikan mengenai kenyataan bahawa harta yang dimaksudkan adalah yang terletak di suatu tempat yang lain dan ukuran yang lain.

Keterangan  
mengenai  
dokumen  
yang  
tidak  
bermakna  
memandang  
kepada  
kenyataan  
yang ada

**95.** Bila bahasa yang dipakai dalam sesuatu dokumen dengan sendirinya adalah terang, tetapi adalah tidak bermakna memandang kepada kenyataan-kenyataan yang ada, keterangan boleh diberikan untuk membuktikan bahawa ianya dipakai dalam pengertian khas.

*Misalan*

A. menyampaikan kepada B. dengan suratikatan “ladang saya di Seria”.

A. tidak mempunyai ladang di Penang, tetapi nampaknya dia mempunyai sebuah ladang di Kuala Belait, bagi yang mana dimiliki B. sejak pelaksanaan suratikatan tersebut.

Kenyataan-kenyataan ini boleh dibuktikan untuk menunjukkan bahawa suratikatan tersebut adalah berhubung dengan ladang di Kuala Belait.

**96.** Bila kenyataan-kenyataan sedemikian rupa bahawa bahasa yang digunakan boleh dimaksudkan untuk digunakan kepada sesiapa sahaja, dan tidak dimaksudkan untuk digunakan kepada lebih daripada seorang daripada beberapa orang atau benda, keterangan boleh diberikan mengenai kenyataan-kenyataan yang menunjukkan kepada mana dari-pada orang-orang atau benda-benda itu ianya dimaksudkan untuk digunakan.

Keterangan mengenai dengan penggunaan bahasa yang boleh digunakan kepada satu sahaja daripada beberapa orang

*Misalan*

(a) A. bersetuju untuk menjualkan kepada B. bagi \$500 "kuda putih saya". A. mempunyai 2 ekor kuda putih. Keterangan boleh diberikan mengenai kenyataan-kenyataan yang menunjukkan mana satu dari-pada kuda-kuda tersebut yang dimaksudkan.

(b) A. bersetuju untuk menemani B. ke Halifax. Keterangan boleh diberikan mengenai kenyataan-kenyataan yang menunjukkan sama ada Halifax di England atau Halifax di Canada yang dimaksudkan.

**97.** Bila bahasa yang dipakai digunakan sebahagiannya kepada satu set kenyataan-kenyataan yang ada dan sebahagian kepada satu set kenyataan lain yang ada, tetapi keseluruhaninya tidak digunakan dengan betul kepada kedua-duanya, keterangan boleh diberikan untuk menunjukkan kepada mana satu daripada keduanya ianya dimaksudkan untuk digunakan.

Keterangan mengenai dengan penggunaan bahasa kepada satu daripada dua set kenyataan yang mana keseluruhannya tidak digunakan dengan betul kepada kedua-duanya

*Misalan*

A. bersetuju untuk menjual kepada B. "tanah saya di X. yang diduduki oleh Y". A. mempunyai tanah di X., tetapi tidak diduduki oleh Y., dan dia mempunyai tanah yang diduduki oleh Y., tetapi ianya bukan di X. Keterangan boleh diberi mengenai kenyataan-kenyataan yang menunjukkan yang mana satu dimaksudkannya untuk dijual.

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

84

PENG. 108

*Keterangan*

---

Keterangan  
mengenai  
dengan huruf-  
huruf yang  
tidak dapat  
dibaca

**98.** Keterangan boleh diberikan untuk menunjukkan makna huruf-huruf yang tidak dapat dibaca atau yang biasanya tidak dapat difahami, mengenai dengan sebutan-sebutan asing, usang, teknik, tempatan atau daerah, mengenai kependekan-kependekan perkataan dan perkataan-perkataan yang digunakan dalam sesuatu pengertian khas.

*Misalan*

A., seorang pengukir, bersetuju untuk menjual kepada B. “semua “mods” saya”. A. mempunyai model-model dan alat-alat membuat model. Keterangan boleh diberikan untuk menunjukkan yang mana dimaksudkannya untuk dijual.

Siapa  
yang  
boleh  
memberi  
keterangan  
mengenai  
perjanjian  
yang  
mengubah  
syarat-  
syarat  
dokumen

**99.** Orang-orang yang bukan pihak-pihak kepada sesuatu dokumen atau wakil-wakil mereka yang mempunyai kepentingan boleh memberi keterangan mengenai mana-mana keadaan yang cenderung menunjukkan suatu perjanjian semasa yang mengubah syarat-syarat dokumen.

*Misalan*

A. dan B. membuat suatu kontrak secara bertulis bahawa B. hendak menjual kepada A. tin yang tertentu yang patut dibayar semasa penghantaran. Pada waktu yang sama mereka membuat perjanjian lisan bahawa kredit tiga bulan hendaklah diberi kepada A. Ini tidak dapat ditunjukkan di antara A. dan B., tetapi ianya boleh ditunjukkan oleh C. jika ianya melibatkan kepentingannya.

Pengertian  
wasiat  
tidak  
tersentuh

**100.** Tiada apa-apa pun dalam bab 91 hingga 99 boleh menyentuh pengertian wasiat.

## BAHAGIAN III

## MENGEMUKAKAN DAN NATIJAH KETERANGAN

## Penggal VII

Mengenai dengan beban membuktikan

**101.** (1) Barangsiapa yang menghendaki mana-mana mahkamah untuk memberi hukuman mengenai dengan mana-mana hak atau tanggungan undang-undang, bergantung kepada wujudnya kenyataan-kenyataan yang ditegaskannya, mestilah membuktikan bahawa kenyataan-kenyataan itu wujud.

Beban membuktikan

(2) Bila seseorang berkemungkinan untuk membuktikan wujudnya mana-mana kenyataan, adalah dikatakan bahawa beban untuk membuktikan dibenarkan kepada orang itu.

*Misalan*

(a) A. menghendaki sebuah mahkamah untuk memberi hukuman bahawa B. hendaklah dihukum bagi suatu jenayah yang mana A. mengatakan telah dilakukan oleh B.

A. mestilah membuktikan bahawa B. telah melakukan jenayah tersebut.

(b) A. menghendaki sebuah mahkamah untuk memberi hukuman bahawa dia adalah berhak kepada tanah tertentu yang dimiliki oleh B. dengan sebab kenyataan-kenyataan yang ditegaskannya dan yang mana dinafikan oleh B. sebagai benar.

A. mestilah membuktikan wujudnya kenyataan-kenyataan tersebut.

**102.** Beban untuk membuktikan adalah sesuatu guaman atau perbicaraan dibenarkan atas orang itu yang mana akan gagal jika keterangan tidak ada diberikan sama sekali ke atas kedua pihak.

Ke atas siapa bergantungnya beban membuktikan

*Misalan*

(a) A. mendakwa B. bagi tanah bagi yang mana dimiliki oleh B., dan yang mana, sebagaimana yang ditegaskan oleh A., telah ditinggalkan kepada A. melalui wasiat C., bapa B.

Jika keterangan tidak ada diberikan atas kedua-dua pihak, B. akan berhak untuk memilikinya.

Dari itu beban untuk membuktikan adalah atas A.

(b) A. mendakwa B. bagi wang yang patut dibayar atas suatu ikat jaminan.

Pelaksanaan ikat jaminan tersebut adalah diterima, tetapi B. mengatakan bahawa ianya telah diperolehi secara tipuan, yang mana dinafikan oleh A.

Jika keterangan tidak ada diberikan atas kedua-dua pihak, A. akan berjaya oleh kerana ikat jaminan tersebut tidak dipertikaian dan tipuan tersebut tidak dibuktikan.

Dari itu beban untuk membuktikan adalah atas B.

Beban  
untuk  
membuktikan  
mengenai  
dengan  
kenyataan  
yang  
tertentu

**103.** Beban untuk membuktikan mengenai dengan mana-mana kenyataan yang tertentu terletak atas orang tersebut yang menghendaki mahkamah untuk mempercayai kewujudannya, melainkan jika ianya ada diperuntukkan oleh mana-mana undang-undang bahawa bukti bagi kenyataan itu hendaklah terletak atas mana-mana orang yang tertentu.

*Misalan*

(a) A. mendakwa B. kerana mencuri dan menghendaki mahkamah untuk mempercayai bahawa B. telah mengaku mencuri kepada C. A. mestilah membuktikan pengakuan tersebut.

(b) B. menghendaki mahkamah untuk mempercayai bahawa pada waktu yang dipersoalkan dia berada di tempat lain. Dia mestilah membuktikannya.

**104.** Beban untuk membuktikan mana-mana kenyataan yang perlu untuk dibuktikan demi untuk membolehkan mana-mana orang untuk memberi keterangan mengenai dengan mana-mana kenyataan lain, adalah atas orang yang hendak memberi keterangan demikian.

Beban untuk membuktikan kenyataan yang hendak dibuktikan untuk membuat keterangan boleh diterima

*Misalan*

(a) A. hendak membuktikan suatu akuan orang yang menghadap mati oleh B. A. mestilah membuktikan kematian B.

(b) A. hendak membuktikan dengan keterangan turunan kandungan sesuatu dokumen yang hilang.

A. mestilah membuktikan bahawa dokumen tersebut telah hilang.

**105.** Bila seseorang dituduh melakukan sebarang kesalahan, beban untuk membuktikan wujudnya keadaan-keadaan yang membawa hal tersebut di dalam mana-mana kekecualian am dalam Kanun Hukuman Jenayah, atau di dalam mana-mana kekecualian atau proviso khas yang terkandung dalam mana-mana bahagian lain Kanun yang sama, atau dalam mana-mana undang-undang yang mentafsirkan kesalahan tersebut, adalah ke atasnya, dan mahkamah hendaklah menganggap ketiadaan keadaan-keadaan tersebut.

Beban untuk membuktikan bahawa kes yang tertuduh termasuk di dalam kekecualian. Penggal 22

*Misalan*

(a) A. yang dituduh melakukan pembunuhan mengatakan bahawa oleh kerana tidak kesempurnaan akal dia tidak mengetahui sifat perbuatan tersebut.

Beban untuk membuktikan adalah ke atas A.

(b) A. yang dituduh melakukan pembunuhan mengatakan bahawa dalam keadaan bangkitan marah yang besar dan mengejutkan dia kehilangan kuasa untuk mengawal dirinya.

Beban untuk membuktikan adalah ke atas A.

Penggal 22

(c) Bab 325 dari Kanun Hukuman Jenayah memperuntukkan bahawa sesiapa, kecuali dalam kes yang diperuntukkan dalam bab 335, yang sengaja menyebabkan cedera parah hendaklah tertakluk kepada hukuman-hukuman yang tertentu.

A. dituduh menyebabkan cedera parah dengan sengaja di bawah bab 325.

Beban untuk membuktikan kenyataan yang istimewanya diketahui

Beban untuk membuktikan keadaan-keadaan tersebut, yang membawa kes tersebut di bawah bab 335, terletak ke atas A.

**106.** Bila mana-mana kenyataan dengan istimewanya diketahui oleh mana-mana orang, beban untuk membuktikan kenyataan tersebut adalah ke atasnya.

*Misalan*

(a) Bila seseorang melakukan sesuatu perbuatan dengan tujuan lain daripada sifat dan keadaan-keadaan perbuatan yang dicadangkan, beban untuk membuktikan tujuan tersebut adalah ke atasnya.

(b) A. dituduh menumpang keretapi tanpa tiket.

Beban untuk membuktikan kematian orang yang diketahui telah hidup dalam masa 30 tahun

Beban untuk membuktikan bahawa dia mempunyai tiket adalah atasnya.

**107.** Bila masalah sama ada seseorang itu hidup atau mati, dan adalah dibuktikan bahawa dia telah hidup dalam masa 30 tahun, beban untuk membuktikan bahawa dia telah mati adalah ke atas orang yang mengesahkannya.

**108.** Bila masalah sama ada seseorang itu hidup atau mati, dan adalah dibuktikan bahawa khabar mengenainya tidak didengar selama 7 tahun oleh mereka yang sepatutnya mendengar mengenainya jika dia masih hidup, beban untuk membuktikan bahawa dia masih hidup adalah berpindah kepada orang yang mengesahkannya.

**109.** Bila masalah sama ada orang-orang itu adalah rakan-rakan kongsi, tuan tanah dan penghuni, atau penghutang dan wakil, dan adalah dibuktikan bahawa mereka telah berlaku sedemikian, beban untuk membuktikan bahawa mereka tidak lagi berlaku sedemikian, atau telah berhenti berpegang kepada yang lain dalam hubungan masing-masing, adalah atas orang yang mengesahkannya.

Beban untuk membuktikan mengenai dengan hubungan dalam hal-hal rakan kongsi, tuan tanah dan penghuni, penghutang atau wakil

**110.** Bila masalah adalah sama ada mana-mana orang adalah tuan punya sesuatu barang bagi yang mana adalah dibuktikan dimilikinya, beban untuk membuktikan bahawa dia adalah bukan tuan punya adalah atas orang yang menge-sahkan bahawa dia adalah bukan tuan punya.

Beban untuk membuktikan pemilikan

**111.** Jika adalah sesuatu masalah mengenai dengan kesucian hati bagi suatu urusan di antara pihak-pihak, yang mana satu daripada mereka berpegang kepada yang lain dalam suatu kedudukan kepercayaan yang giat, beban untuk membuktikan kesucian hati mengenai dengan urusan tersebut adalah ke atas pihak yang berada dalam kedudukan kepercayaan yang giat.

Bukti kesucian hati dalam urusan-urusan jika satu pihak adalah dalam hubungan kepercayaan yang giat

#### *Misalan*

(a) Kesucian hati bagi suatu jualan oleh seorang pelanggan kepada seorang peguam menjadi masalah dalam suatu guaman oleh pelanggan tersebut. Beban untuk membuktikan kesucian hati urusan tersebut adalah atas peguam tersebut.

(b) Kesucian hati bagi suatu jualan oleh seorang anak lelaki yang baru mencapai umur dewasa kepada seorang bapa menjadi masalah dalam suatu guaman yang dibawa oleh anak lelaki tersebut. Beban untuk membuktikan kesucian hati urusan tersebut adalah atas bapa.

Kelahiran semasa perkahwinan adalah bukti muktamad mengenai dengan taraf anak

**112.** Kenyataan bahawa mana-mana orang dilahirkan di sepanjang masa suatu perkahwinan yang sah di antara emaknya dan mana-mana lelaki, atau dalam masa 280 hari selepas pembubaran perkahwinan, emak yang masih belum kahwin, hendaklah menjadi bukti muktamad bahawa dia adalah anak yang sah dari lelaki itu, melainkan ianya dapat dibuktikan bahawa pihak-pihak kepada perkahwinan tersebut tidak kese- tiduran pada mana-mana waktu bila dia boleh dilahirkan.

Anggapan bahawa anak lelaki di bawah 13 tahun tidak boleh melakukan rogol

**113.** Hendaklah menjadi anggapan yang boleh dipatahkan di sisi undang-undang bahawa seorang anak lelaki yang berumur di bawah 13 tahun tidak berkebolehan untuk melaku- kan rogol.

Mahkamah boleh menganggap wujudnya kenyataan yang tertentu

**114.** Mahkamah boleh menganggap wujudnya mana-mana kenyataan yang mana difikirkannya mungkin berlaku, de- ngan mengambil perhatian kepada perjalanan biasa kejadian- kejadian semula jadi, kelakuan manusia, dan urusan awam dan persendirian, dalam hubungan mereka kepada keny- taan-kenyataan kes yang tertentu itu.

*Misalan*

Mahkamah boleh menganggap —

(a) bahawa seorang lelaki yang memiliki barang-barang curian sebaik sahaja selepas kecurian tersebut sama ada seorang pencuri atau telah menerima barang-barang tersebut dengan mengetahuinya seba- gai barang-barang curian, kecuali jika dia dapat menerangkan apa yang dimilikinya itu.

(b) bahawa mana-mana rakan sejenayah patut dipercayai ke- cuali jika dia disokong oleh butir-butir yang mustahak ;

(c) bahawa suatu bil pertukaran yang diterima atau dicatat diterima atau dicatat bagi pertimbangan yang baik ;

(d) bahawa suatu benda atau keadaan benda-benda yang telah dibuktikan sebagai wujud dalam masa suatu tempoh yang pendek daripada tempoh masa benda-benda tersebut biasanya tidak wujud masih lagi wujud.

(e) bahawa tindakan-tindakan kehakiman dan rasmi telah dilaksanakan menurut peraturan ;

(f) bahawa perjalanan biasa urusan telah diikuti dalam hal-hal yang tertentu ;

(g) bahawa keterangan yang mana boleh dan tidak dikemukakan jika dikemukakan akan menjadi tidak menguntungkan kepada orang yang menahan keterangan itu ;

(h) bahawa jika seorang lelaki enggan untuk menjawab suatu soalan yang mana dia tidak dipaksa untuk menjawabnya dari sisi undang-undang, jawapan tersebut jika diberikan akan menjadi tidak menguntungkan kepadanya ;

(i) bahawa bila suatu dokumen yang membuat suatu tanggungan ada dalam tangan pihak menanggung tanggungan tersebut telah dilepaskan.

Tetapi mahkamah hendaklah juga mengambil perhatian kepada kenyataan-kenyataan seumpama itu sebagai susulan, dalam mempertimbangkan sama ada petunjuk-petunjuk demikian digunakan atau tidak digunakan kepada kes yang tertentu sebelumnya —

mengenai dengan misalan (a) — seorang pekedai mempunyai dalam lacinya satu ringgit yang bertanda, sebaik sahaja selepas ianya dicuri dan tidak dapat menerangkan pemilikannya yang tertentu tetapi masih lagi menerima wang ringgit dalam perjalanan urusannya ;

mengenai dengan misalan (b) — A., seorang yang berakhhlak tinggi dibicarakan kerana menyebabkan kematian seorang lelaki dengan suatu perbuatan yang cuai dalam menyusun mesin yang tertentu. B., seorang yang sama-sama berakhhlak baik yang telah ikut serta dalam penyusunan tersebut, menerangkan dengan betul apa yang telah dilakukan dan mengaku dan menjelaskan kecuaian biasa A. dan dirinya.

mengenai dengan misalan (b) — suatu jenayah telah dilakukan oleh beberapa orang. A., B. dan C. tiga orang daripada penjenayah tersebut, ditangkap di tempat itu juga dan ditempatkan berasingan. Setiap seorang memberi keterangan mengenai jenayah tersebut dengan membabit D., dan keterangan-keterangan tersebut menyokong di antara satu dengan yang lain dengan sedemikian cara sehingga membuat penyertaan yang dahulu sangat mustahil ;

mengenai dengan misalan (c) — A., orang yang mengeluarkan bil pertukaran adalah seorang peniaga, B., si penerima, adalah seorang yang muda dan jahil yang sepenuhnya di bawah pengaruh A ;

mengenai dengan misalan (d) — adalah dibuktikan bahawa sebuah sungai mengalir dalam suatu aliran yang tertentu 5 tahun yang lalu, tetapi adalah diketahui bahawa banjir telah berlaku sejak waktu itu yang mana mungkin menukar aliran sungai itu ;

mengenai dengan misalan (e) — suatu tindakan kehakiman, yang mana ketepatannya adalah dipersoalkan, dilaksanakan dalam keadaan-keadaan yang terkecuali ;

mengenai dengan misalan (f) — masalah sama ada suatu surat telah diterima. Adalah dibuktikan bahawa ianya telah diposkan, tetapi perjalanan biasa pos tersebut telah terhalang oleh gangguan ;

mengenai dengan misalan (g) — seorang lelaki enggan menge-mukakan suatu dokumen yang akan memperlihatkan suatu kontrak yang tidak begitu penting atas mana dia didakwa, tetapi yang mana juga mungkin melukai perasaan dan nama baik keluarganya ;

mengenai dengan misalan (h) — seorang lelaki enggan menjawab suatu soalan yang mana dia tidak dipaksa untuk menjawab di sisi undang-undang, tetapi jawapan kepada soalan itu mungkin menyebabkan kerugian kepadanya dalam perkara-perkara yang tidak berkaitan dengan perkara yang berkaitan dengan apa yang ditanyakan ;

mengenai dengan misalan (i) suatu ikat jaminan dimiliki oleh pemegang tanggungan, tetapi keadaan-keadaan kes tersebut sedemikian rupa yang dia mungkin telah mencurinya.

## Penggal VIII

### Sekatan

Sekatan

**115.** Bila seseorang dengan akuan, perbuatan atau ketinggalan yang sengaja menyebabkan atau membenarkan seorang yang lain untuk mempercayai suatu benda sebagai benar dan untuk bertindak atas kepercayaan demikian, jika tidak tetapi kerana kepercayaan itu dia akan berbuat, dia atau wakilnya yang mempunyai kepentingan tidak boleh dibenarkan dalam mana-mana guaman atau perbicaraan di antara dirinya dan orang tersebut atau wakilnya yang mempunyai kepentingan untuk menafikan kebenaran benda itu.

*Misalan*

A. dengan sengaja dan paksa mempengaruhi B. untuk mempercayai bahawa tanah yang tertentu dippunyai oleh A. dan dengan itu memujuk B. untuk membeli dan membayar tanah itu.

Tanah tersebut kemudiannya menjadi harta A. dan A. membatakan jualan tersebut dengan alasan bahawa pada masa penjualan tersebut tidak mempunyai hakmilik.

Dia mestilah tidak dibenarkan untuk membuktikan kemahuan-nya untuk mendapat hakmilik.

**116.** Penyewa bagi harta takalih, atau orang yang menuntut melalui penyewa tersebut, hendaklah semasa berterusnya pe-nyewaan tersebut dibenarkan untuk menafikan bahawa tuan tanah penyewa tersebut pada permulaan penyewaan itu mem-punyai hakmilik kepada harta takalih tersebut ; dan tiada sesi-apapun yang mendapat mana-mana harta takalih dengan lesen orang yang memilikinya hendaklah dibenarkan untuk menafikan bahawa orang tersebut mempunyai hakmilik kepada pemilikan tersebut pada waktu bila lesen demikian diberikan.

Sekatan  
bagi  
penyewa ;

dan  
pemegang  
lesen dari  
orang yang  
memiliki-  
nya

**117.** (1) Penerima sesuatu bil pertukaran tidak boleh di-benarkan untuk menafikan bahawa pengeluar tersebut mem-punyai kebenaran untuk mengeluarkan bil tersebut atau untuk mencatatnya.

(2) Penerima serahan, wakil atau pemegang lesen tidak boleh dibenarkan untuk menafikan bahawa penyerahan, peminjam atau pemberi lesen, oleh siapa mana-mana barang diamanahkan kepada mana-mana daripada mereka masing-masing, berhak kepada barang-barang itu pada waktu bila ianya diamanahkan sedemikian.

Sekatan  
penerima  
bil bagi  
bil  
pertukaran,  
penerima  
serahan  
atau  
pemegang  
lesen

Dengan syarat bahawa mana-mana penerima serahan, wakil atau pemegang lesen boleh membuktikan bahawa dia dipaksa untuk menghantar mana-mana barang demikian

kepada seseorang yang berhak kepada barang-barang itu daripada penyerahan, peminjam atau pemberi lesennya, atau bahawa penyerahan, peminjam atau pemberi lesennya telah dengan cara salah dan tanpa notis kepada pemegang serahan, wakil atau pemegang lesen memperolehi barang-barang tersebut daripada orang ketiga, yang menuntut barang-barang itu daripada penerima serahan, wakil atau pemegang lesen tersebut.

*Huraian.*— Penerima sesuatu bil pertukaran boleh menafikan bahawa bil tersebut sebenarnya telah dikeluarkan oleh orang oleh siapa ianya dikatakan telah dikeluarkan.

## Penggal IX

### MENGENAI SAKSI-SAKSI

Siapa  
yang  
boleh  
memberi  
keterangan

**118.** Semua orang adalah layak untuk memberi keterangan kecuali mahkamah menganggap bahawa mereka dihalang daripada memahami soalan-soalan yang diberikan kepada mereka atau daripada memberi jawapan-jawapan yang waras kepada soalan-soalan tersebut oleh kerana umur terlalu muda, umur terlalu tua, penyakit, sama ada dalam badan atau akal, atau mana-mana sebab dari jenis yang sama.

*Huraian.*— Seseorang yang tidak sempurna akalnya atau seorang yang gila adalah tidak layak untuk memberi keterangan kecuali jika dia dihalang oleh keadaannya daripada memahami soalan-soalan yang diberikan kepadanya dan memberi jawapan-jawapan yang waras kepada soalan-soalan tersebut.

Saksi  
yang bisu

**119.** (1) Seseorang saksi yang tidak boleh bercakap boleh memberi keterangannya dalam sebarang cara dalam mana dia boleh membuat supaya keterangan itu dapat difahami, sebagai contoh, dengan tulisan atau tanda-tanda ; tetapi tulisan tersebut hendaklah ditulis dan tanda-tanda tersebut dibuat dalam mahkamah terbuka.

(2) Keterangan yang diberi sedemikian hendaklah dianggap sebagai keterangan lisan.

**120.** (1) Dalam semua perbicaraan-perbicaraan sivil pihak-pihak kepada guaman tersebut, dan suami atau isteri mana-mana pihak kepada guaman tersebut, hendaklah menjadi saksi-saksi yang layak.

(2) Dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah terhadap mana-mana orang masing-masing suami atau isteri orang demikian hendaklah menjadi seorang saksi yang layak.

(3) Dalam perbicaraan-perbicaraan jenayah yang tertuduh hendaklah menjadi seorang saksi yang layak bagi pihak dirinya, dan boleh memberi keterangan dengan cara yang sama dan dengan maksud dan akibat yang sama seperti saksi yang lain, dengan syarat bahawa, sejauh mana pemeriksaan balas itu berkaitan dengan kebenaran yang tertuduh, mahkamah boleh menyekat pemeriksaan balas tersebut setakat yang difikirkannya patut, meskipun pemeriksaan balas yang dicadangkan mungkin dibenarkan dalam hal mana-mana saksi yang lain.

**121.** Hakim dan, kecuali atas perintah khas dari Mahkamah Tinggi, majistret tidak boleh dipaksa untuk menjawab mana-mana soalan mengenai dengan kelakuannya sendiri dalam mahkamah sebagai Hakim atau majistret demikian atau mengenai apa-apa pun yang diketahuinya dalam mahkamah sebagai Hakim atau majistret demikian ; tetapi dia boleh diperiksa mengenai dengan perkara-perkara lain yang berlaku di hadapannya semasa dia bertindak sedemikian.

Pihak-pihak kepada guaman sivil isteri-isteri dan suami-suami mereka

Hakim dan Majistret

*Misalan*

(a) A. dalam perbicaraan di hadapan Mahkamah Tinggi, mengatakan bahawa suatu keterangan sumpah telah dengan tidak sepatutnya diambil oleh B., Majistret yang melakukannya. B. tidak boleh dipaksa untuk menjawab soalan-soalan mengenai perkara ini kecuali atas perintah khas dari Mahkamah Tinggi.

(b) A. dituduh dalam Mahkamah Majistret telah memberi keterangan palsu di hadapan B., seorang majistret. B. tidak boleh dipaksa untuk mengatakan apa yang dikatakan oleh A. kecuali atas perintah khas dari Mahkamah Tinggi.

(c) A. dituduh cuba untuk membunuh seorang pegawai polis semasa dalam perbicaraannya di hadapan B., seorang Hakim Mahkamah Tinggi. B. boleh diperiksa mengenai dengan apa yang berlaku.

**122.** Tiada sesiapa pun yang kahwin atau telah kahwin boleh dipaksa untuk mendedahkan sebarang perhubungan yang dibuat kepadanya semasa perkahwinan oleh mana-mana orang yang dikahwini atau telah dikahwininya ; dan dia juga tidak dibenarkan untuk mendedahkan sebarang perhubungan demikian kecuali jika orang yang membuatnya atau wakilnya yang mempunyai kepentingan memberi kebenaran, kecuali dalam guaman-guaman di antara orang-orang yang berkahwin atau perbicaraan-perbicaraan dalam mana seorang yang berkahwin itu didakwa bagi mana-mana jenayah yang dilakukan terhadap yang lain.

**123.** Tiada sesiapa pun dibenarkan untuk mengemukakan mana-mana rekod-rekod rasmi yang tidak disiarkan berkaitan dengan Hal Ehwal Negeri, atau untuk memberi sebarang keterangan yang diambil daripadanya, kecuali dengan kebenaran dari pegawai di ketua Jabatan yang berkenaan, yang mana hendaklah memberi atau menahan kebenaran demikian sebagaimana yang difikirkannya patut, tertakluk, walau bagaimanapun, kepada kawalan Menteri.

**124.** Pegawai Kerajaan tidak boleh dipaksa untuk mendedahkan perhubungan-perhubungan yang dibuat kepadanya dalam kepercayaan rasmi bila dia memikirkan bahawa dengan pendedahan itu akan merugikan kepentingan orang awam.

**125.** Majistret atau pegawai polis tidak boleh dipaksa untuk mengatakan dari mana dia mendapat sebarang maklumat mengenai dengan berlakunya mana-mana kesalahan, dan pegawai hasil tidak boleh dipaksa untuk mengatakan dari

Perhubungan  
semasa  
perkahwinan

Keterangan  
mengenai  
dengan Hal  
Ehwal Negeri

Perhubungan-  
perhubungan  
rasmi

Maklumat  
mengenai  
dengan  
berlakunya  
kesalahan-  
kesalahan

mana dia mendapat sebarang maklumat mengenai dengan berlakunya mana-mana kesalahan terhadap hasil awam atau undang-undang eksais.

*Huraian.*— “Pegawai hasil” dalam bab ini bermakna mana-mana pegawai yang diambil berkerja dalam atau mengenai urusan mana-mana cawangan hasil awam atau dalam atau mengenai urusan mana-mana ladang Kerajaan.

**126.** (1) Peguambela atau peguamcara tidak boleh pada bila-bila masa dibenarkan, kecuali dengan kebenaran yang nyata dari pelanggannya, untuk mendedahkan mana-mana perhubungan yang dibuat kepadanya dalam perjalanan dan bagi maksud pekerjaannya sebagai peguambela atau peguamcara demikian oleh atau bagi pihak pelanggannya, atau untuk menyatakan kandungan-kandungan atau keadaan mana-mana dokumen yang diketahuinya dalam perjalanan dan bagi maksud pekerjaan profesionalnya, atau untuk mendedahkan mana-mana nasihat yang telah diberikan olehnya kepada pelanggannya dalam perjalanan dan bagi maksud pekerjaan tersebut.

Perhubung-  
an-  
perhubungan  
ikhtisas

Dengan syarat bahawa tiada sebarang apa pun dalam bab ini boleh melindungi daripada pendedahan —

(a) mana-mana perhubungan demikian yang dibuat dalam menjayakan mana-mana maksud yang menyalahi undang-undang ;

(b) mana-mana kenyataan yang dipatuhi oleh mana-mana peguambela atau peguamcara dalam perjalanan pekerjaannya sebagaimana yang membuktikan bahawa mana-mana jenayah atau tipuan telah dilakukan sejak mula-mula dia bekerja.

(2) Adalah tidak mustahak sama ada perhatian peguambela atau peguamcara tersebut ditujukan atau tidak kepada kenyataan tersebut oleh atau bagi pihak pelanggannya.

*Huraian.*— Tanggungan yang dinyatakan dalam bab ini berterusan selepas pekerjaan tersebut telah berhenti.

*Misalan*

(a) A., seorang pelanggan, mengatakan kepada B., seorang peguamcara : “Saya telah melakukan pemalsuan dan saya menghendaki awak untuk membela saya.”

Oleh kerana pembelaan bagi seseorang yang diketahui bersalah adalah bukan suatu maksud jenayah perhubungan ini adalah dilindungi daripada pendedahan.

(b) A., seorang pelanggan, mengatakan kepada B., seorang peguamcara : “Saya ingin untuk memperolehi pemilikan harta dengan menggunakan suatu suratikatan yang palsu dalam mana saya menghendaki awak untuk mendakwa.”

Perhubungan ini sebagai dibuat untuk menjayakan suatu maksud jenayah adalah tidak dilindungi daripada pendedahan.

(c) A., yang dituduh melakukan penggelapan, mendapat perkhidmatan guaman dari B., seorang peguamcara, untuk membelaanya. Dalam perjalanan perbicaraan tersebut B. mendapati bahawa suatu catatan telah dibuat dalam buku akaun A., yang menuduh A. dengan jumlah yang dikatakan sebagai telah digelapkan, yang mana catatan tersebut tidak ada dalam buku tersebut ketika dia mula-mula bekerja.

Ini sebagai suatu kenyataan yang didapati oleh B. dalam tempoh dia bekerja, yang menunjukkan bahawa suatu penipuan telah dilakukan sejak bermulanya perbicaraan tersebut, ianya adalah tidak dilindungi daripada perdedahan.

**127.** Bab 126 hendaklah dikenakan kepada jurubahasa-jurubahasa dan kerani-kerani atau pekerja-pekerja peguambela-peguambela dan peguamcara-peguamcara.

Bab 126  
dikenakan  
kepada  
jurubahasa-  
jurubahasa  
dsb.

Keistimewaan  
tidak  
diketepikan  
oleh  
keterangan  
sukarela

**128.** Jika mana-mana pihak kepada sesuatu guaman memberi keterangan atasnya dengan kehendaknya sendiri atau sebaliknya, dia tidak boleh dianggap sebagai mengizinkan pendedahan tersebut sebagaimana yang disebutkan dalam bab 126 ; dan jika mana-mana pihak kepada sesuatu guaman atau perbicaraan memanggil peguambela atau peguamcara

sedemikian sebagai saksi, dia hendaklah dianggap sebagai telah mengizinkan pendedahan tersebut, hanya jika dia menyatakan peguambela atau peguamcara tersebut dalam perkara-perkara yang mana jika tidak disebabkan oleh soalan-soalan tersebut dia adalah tidak bebas untuk mendedahkannya.

**129.** Tiada sesiapa pun boleh dipaksa untuk mendedahkan kepada mahkamah mana-mana perhubungan sulit yang telah diadakan di antara dia dan penasihat profesional undang-undangnya kecuali jika dia menawarkan dirinya sebagai saksi, dalam hal mana dia boleh dipaksa untuk mendedahkan mana-mana perhubungan demikian sebagaimana yang difikirkan perlu oleh mahkamah untuk diketahui supaya untuk menerangkan mana-mana keterangan yang telah diberikannya, tetapi bukan yang lain.

Perhubungan-  
an-  
perhubungan-  
an  
sulit dengan  
penasihat  
undang-  
undang

**130.** (1) Tiada saksi yang mana adalah bukan menjadi pihak kepada guaman tersebut boleh dipaksa untuk mengemukakan suratikatan hakmiliknya kepada mana-mana harta, atau mana-mana dokumen yang menyebabkan memegang mana-mana harta sebagai pemegang cagarans atau pemegang gadai janji, atau mana-mana dokumen yang mana jika dikemukakan mungkin akan menyebabkan dia dituduh, melainkan jika dia bersetuju secara bertulis untuk mengemukakannya dengan orang yang menghendaki supaya suratikatan tersebut dikemukakan atau orang-orang melalui siapa dia menuntut.

Mengemuka-  
kan  
suratikatan  
hakmilik dari  
saksi yang  
bukan  
menjadi  
pihak

(2) Tiada saksi yang menjadi pihak kepada guaman tersebut terikat untuk mengemukakan mana-mana dokumen yang ada dalam pemilikan atau kuasanya yang mana adalah tidak berkaitan atau tidak mustahak kepada kes pihak yang menghendaki ianya dikemukakan.

(3) Tiada bank boleh dipaksa untuk mengemukakan buku-buku bank tersebut dalam mana-mana perbicaraan undang-undang kepada mana bank tersebut bukan menjadi pihak, kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh bab 6 dari Akta Keterangan Buku-Buku Bank.

Mengemukakan dokumen-dokumen yang mana dimiliki oleh orang lain yang boleh menolak untuk mengemukakan

Saksi tidak terlepas daripada menjawab dengan alasan bahawa jawapan akan menyebabkan ianya dituduh

**131.** Tiada sesiapa pun boleh dipaksa untuk mengemukakan dokumen yang dimilikinya yang mana-mana orang adalah berhak menolak untuk mengemukakan jika ianya ada dalam pemilikannya, kecuali bagi maksud pengenalan, kecuali orang yang disebutkan kemudian itu mengizinkan ianya dikemukakan, dan juga sesiapa pun yang berhak menolak untuk mengemukakan sesuatu dokumen tidak boleh dipaksa untuk memberi keterangan lisan mengenai dengan kandungannya.

**132.** (1) Seseorang saksi adalah tidak terlepas daripada menjawab mana-mana soalan mengenai dengan mana-mana perkara yang berkaitan dengan perkara yang dipersoalkan dalam mana-mana guaman, atau dalam mana-mana perbicaraan sivil atau jenayah, dengan alasan bahawa jawapan kepada soalan tersebut akan menyebabkan dia dituduh, atau mungkin secara langsung atau tidak langsung cenderung menyebabkan dia dituduh, saksi tersebut, atau bahawa ianya akan mendedahkan, atau secara langsung atau tidak langsung cenderung untuk mendedahkan, saksi tersebut kepada suatu hukuman atau apa jua jenis perampasan, atau bahawa ianya akan menetapkan atau cenderung untuk menetapkan bahawa dia masih terhutang atau sebaliknya tertakluk kepada suatu guaman sivil dengan kehendak Kerajaan atau mana-mana orang lain.

(2) Tiada jawapan yang mana seorang saksi boleh dipaksa oleh mahkamah untuk memberi boleh menjadikannya tertakluk kepada mana-mana penangkapan atau pendakwaan, atau dibuktikan terhadapnya dalam mana-mana perbicaraan jenayah, kecuali jika suatu pendakwaan oleh kerana memberi keterangan palsu dengan jawapan tersebut.

(3) Sebelum memaksa seorang saksi untuk menjawab sesuatu soalan jawapan kepada mana akan menyebab tertuduhnya atau mungkin cenderung secara langsung atau tidak langsung menyebab tertuduhnya saksi tersebut, mahkamah hendaklah menjelaskan kepada saksi tersebut akan maksud cerai (2).

**133.** Seorang rakan sejenayah hendaklah menjadi saksi yang layak terhadap seorang yang tertuduh ; dan suatu sabit kesalahan adalah sah semata-mata kerana ianya mengambil tindakan ke atas keterangan lisan yang tidak menyokong dari seorang rakan sejenayah.

Rakan  
sejenayah

**134.** Bilangan tertentu saksi-saksi dalam mana-mana hal tidak dikehendaki bagi membuktikan mana-mana kenyataan.

Bilangan  
saksi

### Penggal X

#### Mengenai pemeriksaan saksi-saksi

**135.** Perintah dalam mana saksi-saksi dikemukakan dan diperiksa hendaklah diedarkan oleh undang-undang dan amalan yang ada pada ketika itu masing-masing berkenaan dengan peraturan-peraturan sivil dan jenayah, dan jika undang-undang sedemikian tiada hendaklah atas budibicara mahkamah.

Perintah  
untuk  
mengemuka-  
kan dan  
memeriksa  
saksi-saksi

**136.** (1) Bila mana-mana satu pihak bercadang untuk memberi keterangan mengenai dengan mana-mana kenyataan, mahkamah boleh meminta pihak yang bercadang untuk memberi keterangan tersebut dalam cara apakah kenyataan yang dikatakan itu, jika dibuktikan, berkaitan ; dan mahkamah hendaklah menerima keterangan tersebut jika difikirkannya bahawa kenyataan tersebut, jika dibuktikan, berkaitan, dan bukan sebaliknya.

Mahkamah  
hendaklah  
memutuskan  
sama ada  
keteterangan  
boleh  
diterima

(2) Jika kenyataan yang dicadangkan untuk dibuktikan adalah salah satu daripada keterangan yang boleh diterima hanya setelah dibuktikan atau beberapa kenyataan lain, kenyataan yang disebutkan kemudian itu hendaklah dibuktikan sebelum keterangan diberikan mengenai dengan kenyataan yang mula-mula dinyatakan, melainkan jika pihak tersebut sanggup untuk memberi bukti mengenai dengan kenyataan tersebut dan mahkamah berpuas hati dengan kesangguhan tersebut.

(3) Jika perkaitan suatu kenyataan yang dikatakan itu bergantung kepada suatu lagi kenyataan yang dikatakan yang pada mulanya dibuktikan, mahkamah boleh, atas budi-bicaranya, sama ada membenarkan keterangan bagi kenyataan yang pertama untuk diberikan sebelum kenyataan yang kedua itu dibuktikan, atau menghendaki keterangan untuk diberikan mengenai dengan kenyataan yang kedua sebelum keterangan diberikan mengenai dengan kenyataan yang pertama itu.

*Misalan*

(a) Adalah dicadangkan untuk membuktikan suatu pernyataan mengenai suatu kenyataan yang berkaitan oleh seseorang yang dikatakan sudah meninggal dunia, yang mana pernyataan adalah berkaitan di bawah bab 32.

Kenyataan bahawa orang tersebut sudah meninggal dunia mestilah dibuktikan oleh orang yang mencadangkan untuk membuktikan pernyataan tersebut sebelum keterangan diberikan mengenai pernyataan tersebut.

(b) Adalah dicadangkan untuk membuktikan dengan suatu salinan kandungan-kandungan suatu dokumen yang dikatakan hilang.

Kenyataan bahawa salinan asal telah hilang mestilah dibuktikan oleh orang yang mencadangkan untuk mengemukakan salinan tersebut sebelum salinan tersebut dikemukakan.

(c) A. dituduh menerima harta curian, dengan mengetahui bahawa ianya telah dicuri.

Adalah dicadangkan untuk membuktikan bahawa dia menafikan memiliki harta tersebut.

Perkaitan penafian tersebut bergantung kepada identiti harta itu. Mahkamah boleh atas budibacaranya sama ada menghendaki harta tersebut dikenalpasti sebelum penafian bagi pemilikan tersebut dibuktikan atau membenarkan penafian bagi pemilikan tersebut dibuktikan sebelum harta tersebut dikenalpasti.

(d) Adalah dicadangkan untuk membuktikan suatu kenyataan (A.) yang mana dikatakan sebagai sebab atau natijah suatu kenyataan yang menjadi persoalan. Ada terdapat beberapa kenyataan perantaraan (B., C. dan D.) yang mana hendaklah dibuktikan wujud sebelum keadaan (A.) boleh dianggap sebagai sebab atau natijah kenyataan yang

menjadi persoalan. Mahkamah boleh sama ada membenarkan A. untuk dibuktikan sebelum B., C. atau D. dibuktikan atau boleh menghendaki bukti bagi B., C. dan D. sebelum membenarkan bukti bagi A.

**137.** (1) Pemeriksaan bagi seorang saksi oleh pihak yang memanggilnya hendaklah dipanggil pemeriksaan utamanya.

(2) Pemeriksaan bagi seorang saksi oleh pihak lawan hendaklah dipanggil pemeriksaan balasnya.

(3) Jika seorang saksi telah diperiksa balas dan kemudianya diperiksa oleh pihak yang memanggilnya, pemeriksaan sedemikian hendaklah dipanggil pemeriksaan semulanya.

**138.** (1) Saksi-saksi mula-mula hendaklah menjalani pemeriksaan utama, kemudian, jika pihak lawan menghendaki sedemikian, diperiksa balas, seterusnya, jika pihak yang memanggil mereka menghendaki sedemikin, diperiksa balas.

(2) Pemeriksaan dan pemeriksaan balas hendaklah berhubung dengan kenyataan-kenyataan yang berkenaan, tetapi pemeriksaan balas tidak perlu ditetapkan kepada kenyataan-kenyataan yang dibuktikannya dalam pemeriksaan utamanya.

(3) Pemeriksaan semula hendaklah dimaksudkan kepada penjelasan perkara-perkara yang disebut dalam pemeriksaan balas ; dan jika perkara-perkara baru, dengan kebenaran mahkamah, diperkenalkan dalam pemeriksaan semula, pihak lawan boleh memeriksa balas selanjutnya mengenai perkara itu.

(4) Mahkamah boleh dalam semua hal membenarkan seorang saksi untuk dipanggil semula sama ada untuk pemeriksaan utama selanjutnya atau bagi pemeriksaan balas selanjutnya, dan jika ianya berbuat demikian, pihak-pihak tersebut masing-masing berhak bagi pemeriksaan balas dan pemeriksaan semula selanjutnya.

Pemeriksaan utama,  
pemeriksaan balas  
pemeriksaan semula

Peraturan bagi pemeriksaan.  
Maksud bagi pemeriksaan semula

Pemeriksaan balas bagi orang yang dipanggil untuk mengemukakan suatu dokumen

Saksi-saksi berkenaan dengan kelakuan

Soalan-soalan memimpin

Bila soalan-soalan memimpin tidak boleh ditanya

Bila soalan-soalan memimpin boleh ditanya

**139.** Seseorang yang disaman untuk mengemukakan suatu dokumen tidak akan menjadi saksi semata-mata dengan kenyataan bahawa dia mengemukakannya, dan tidak boleh diperiksa balas melainkan jika dan sehingga dia dipanggil sebagai saksi.

**140.** Saksi-saksi berkenaan dengan kelakuan boleh diperiksa balas dan diperiksa semula.

**141.** Mana-mana soalan yang mencadangkan jawapan yang mana orang yang menyoal itu menghendaki atau berharap untuk menerima atau mencadangkan kenyataan-kenyataan yang dipertikaikan berkenaan dengan mana yang hendak diperakui oleh saksi tersebut, adalah dipanggil soalan memimpin.

**142.** (1) Soalan-soalan memimpin tidak boleh, jika dibantah oleh pihak lawan, ditanya dalam suatu pemeriksaan utama atau dalam suatu pemeriksaan semula, kecuali dengan kebenaran mahkamah.

(2) Mahkamah boleh membenarkan soalan-soalan memimpin berkenaan dengan perkara-perkara pengenalan atau yang tidak dipertikaikan, atau yang mana pada pendapat mahkamah telah dibuktikan dengan secukupnya.

**143.** (1) Soalan-soalan memimpin boleh ditanya dalam pemeriksaan balas, tertakluk kepada kelayakan-kelayakan yang berikut :

(a) soalan tersebut tidak boleh menyebabkan saksi tersebut mengeluarkan perkataan-perkataan yang sama yang akan diulanginya lagi ;

(b) soalan tersebut tidak boleh menganggap bahawa kenyataan-kenyataan telah dibuktikan yang mana belum dibuktikan, atau bahawa jawapan-jawapan yang tertentu telah diberi bertentangan dengan kenyataan tersebut.

(2) Mahkamah, atas budibicaranya, boleh melarang soalan-soalan memimpin untuk dikemukakan kepada seorang saksi yang menunjukkan minat atau berat sebelah yang memihak kepada pihak yang memeriksa balas.

**144.** Mana-mana saksi boleh ditanya semasa dalam pemeriksaan sama ada mana-mana kontrak, keizinan atau lain-lain pindaan harta mengenai dengan mana dia memberi keterangan tidak ada terkandung dalam sesuatu dokumen, dan jika ia mengatakan bahawa ianya ada terkandung, atau jika dia hendak membuat sebarang pernyataan mengenai dengan kandungan-kandungan mana-mana dokumen yang mana pada pendapat mahkamah patut dikemukakan, pihak lawan boleh membantah supaya keterangan tersebut tidak diberikan sehingga dokumen itu dikemukakan atau sehingga kenyataan-kenyataan telah dibuktikan yang mana pihak yang memanggil saksi tersebut berhak untuk memberi keterangan turunan mengenainya.

Keterangan  
mengenai  
dengan  
perkara-  
perkara  
bertulis

*Huraian.*— Seorang saksi boleh memberi keterangan lisan bagi pernyataan-pernyataan yang dibuat oleh orang lain mengenai dengan kandungan-kandungan dokumen-dokumen jika pernyataan-pernyataan tersebut sendirinya adalah kenyataan-kenyataan yang berkaitan.

#### *Misalan*

Masalah sama ada ada A. menyerang B.

C. menerangkan dengan sumpah bahawa dia mendengar A. mengatakan kepada D. “B. menulis surat yang menuduh saya mencuri dan saya akan membala dendam terhadapnya.” Pernyataan itu adalah berkaitan sebagai membuktikan tujuan A. bagi serangan tersebut dan keterangan boleh diberi mengenainya meskipun keterangan lain tidak ada di berikan mengenai surat tersebut.

**145. (1)** Seorang saksi boleh diperiksa balas mengenai dengan pernyataan-pernyataan yang terdahulu yang telah dibuat olehnya secara bertulis atau dijadikan secara bertulis, dan berkenaan dengan perkara-perkara yang menjadi persoalan dalam guaman atau perbicaraan dalam mana

Pemeriksaan  
balas  
mengenai  
dengan  
pernyataan-  
pernyataan  
secara  
bertulis yang  
terdahulu

dia diperiksa balas, tanpa tulisan tersebut ditunjukkan kepada danya atau dibuktikan ; tetapi jika ianya dimaksudkan untuk menyangkalkannya dengan tulisan tersebut, perhatiannya mesti, sebelum tulisan tersebut dapat dibuktikan, ditumpukan kepada bahagian-bahagian yang mana hendak digunakan bagi maksud menyangkalkannya.

(2) Jika seorang saksi, ketika diperiksa balas mengenai dengan suatu pernyataan lisan terdahulu yang dibuat olehnya berkenaan dengan perkara-perkara yang menjadi persoalan dalam guaman atau perbicaraan dalam mana dia diperiksa balas dan tidak sama dengan keterangan lisannya pada ketika itu, tidak mengaku dengan nyatakan bahawa dia telah membuat pernyataan tersebut, bukti boleh diberikan bahawa dia sebenarnya telah membuatnya ; tetapi sebelum bukti tersebut dapat diberikan, keadaan-keadaan sangkaan pernyataan tersebut, mencukupi untuk menentukan kejadian yang tertentu itu, mestilah dinyatakan kepada saksi tersebut, dan dia mestilah ditanya sama ada atau tidak dia membuat pernyataan tersebut.

Soalan-soalan yang sah dalam pemeriksaan balas

**146.** Bila seseorang saksi boleh diperiksa balas dia boleh, selain daripada soalan-soalan yang disebut sebelum ini, ditanya mana-mana soalan yang cenderung —

- (a) untuk menguji ketepatan, kebenaran atau kebolehpercayaannya ;
- (b) untuk mengetahui siapa dia dan apa keduukannya dalam kehidupan ; atau
- (c) untuk melemahkan kebolehpercayaannya dengan merosakkan wataknya, meskipun jawapan kepada soalan-soalan tersebut mungkin cenderung secara langsung atau tidak langsung menyebabkan dia dituduh, atau mungkin mendedahkan atau cenderung secara langsung atau tidak langsung untuk mendedahkannya kepada sesuatu hukuman atau lucuthak.

147. Jika mana-mana soalan sedemikian berhubung dengan sesuatu perkara kepada guaman atau perbicaraan tersebut, bab 132 hendaklah dikenakan kepadanya.

Bila saksi  
hendak  
dipaksa  
untuk  
menjawab

148. (1) Jika mana-mana soalan yang berhubung dengan sesuatu perkara yang tidak berkenaan dengan guaman atau perbicaraan, kecuali sejauh mana ianya menjas kebolehpercayaan saksi dengan mencela wataknya, mahkamah hendaklah memutuskan sama ada atau tidak saksi tersebut dipaksa untuk menjawabnya, dan boleh, jika difikirkannya tidak patut untuk memaksanya untuk menjawab soalan tersebut, mengingatkan saksi tersebut bahawa dia tidak dipaksa untuk menjawab soalan itu.

Mahkamah  
memutuskan  
bila soalan  
hendak  
dijawab  
dan bila saksi  
dipaksa  
menjawab

(2) Pada menjalankan budibicaranya, mahkamah hendaklah mempertimbangkan perkara-perkara yang berikut —

(a) soalan-soalan sedemikian adalah berpatutan jika soalan-soalan tersebut bersifat yang kebenaran sangkaan yang disampaikan oleh mereka akan benar-benar menjelaskan pendapat mahkamah mengenai dengan kebolehpercayaan saksi dalam perkara yang dibuktikannya ;

(b) soalan-soalan sedemikian adalah tidak berpatutan jika sangkaan yang mereka sampaikan berhubung dengan perkara-perkara yang begitu singkat masanya atau sedemikian wataknya sehingga kebenaran sangkaan tersebut tidak akan menjas atau akan menjas walau sedikit pun pendapat mahkamah mengenai dengan kebolehpercayaan saksi tersebut dalam perkara yang dibuktikannya ;

(c) soalan-soalan sedemikian adalah tidak berpatutan jika tidak berpadanan di antara kepentingan sangkaan yang dibuat terhadap watak saksi tersebut dan kepentingan keterangannya ;

Soalan  
tidak  
boleh ditanya  
tanpa alasan-  
alasan yang  
munasabah

(d) mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, membuat kesimpulan daripada keengganan saksi untuk menjawab bahawa jawapan, jika diberi, tidak akan menguntungkan.

**149.** Tiada soalan sebagaimana yang disebut dalam bab 148 boleh ditanya kecuali jika orang yang menanyakan soalan itu mempunyai alasan-alasan yang munasabah dalam memikirkan bahawa sangkaan yang disampaikannya adalah berasas.

*Misalan*

(a) Seorang peguambela dimaklumkan oleh seorang peguambela yang lain bahawa seorang saksi yang penting adalah seorang pemain judi profesional. Ini adalah suatu alasan yang munasabah untuk menanyakan saksi tersebut sama ada dia adalah seorang pemain judi profesional.

(b) Seorang peguambela dimaklumkan oleh seseorang dalam mahkamah bahawa seorang saksi yang penting adalah seorang pemain judi profesional. Pihak pemberitahu itu, ketika ditanya oleh peguambela tersebut, memberi sebab-sebab yang memuaskan untuk pernyataannya. Ini adalah suatu alasan yang munasabah untuk menanyakan saksi tersebut sama ada dia salah seorang pemain judi profesional.

(c) Seorang saksi yang mana apa-apa pun tidak diketahui mengenainya ditanya tanpa sebarang tujuan sama ada dia adalah seorang pemain judi profesional. Di sini tidak ada terdapat alasan-alasan yang munasabah bagi soalan tersebut.

(d) Seorang saksi yang mana apa-apa pun tidak diketahui mengenainya, ketika ditanyakan mengenai dengan cara hidupnya dan mata pencariannya memberi jawapan yang tidak memuaskan. Ini mungkin suatu alasan yang munasabah untuk menanyakannya jika dia seorang pemain judi profesional.

Peraturan  
mahkamah  
dalam  
hal soalan  
ditanya tanpa  
alasan-  
alasan yang  
munasabah

**150.** Jika mahkamah berpendapat bahawa mana-mana soalan sedemikian sebagaimana yang disebut dalam bab 148 ditanya tanpa alasan-alasan yang munasabah, mahkamah boleh, jika ianya ditanya oleh seorang peguambela, melaporkan keadaan-keadaan hal tersebut kepada Mahkamah Tinggi atau pihak berkuasa yang lain kepada mana peguambela tersebut tertakluk pada menjalankan pekerjaannya.

**151.** Mahkamah boleh menegah mana-mana soalan atau siasatan yang mana dianggapnya sebagai tidak sopan dan mengaibkan, meskipun soalan-soalan atau siasatan-siasatan demikian mungkin mempunyai kaitan dengan soalan-soalan tersebut di dalam mahkamah, kecuali jika ianya berhubungan dengan kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan atau dengan perkara-perkara yang perlu untuk diketahui supaya dapat menentukan sama ada atau tidak kenyataan-kenyataan yang menjadi persoalan itu wujud.

Soalan-soalan yang tidak sopan dan mengaibkan

**152.** Mahkamah hendaklah menegah mana-mana soalan yang nampaknya dimaksudkan untuk mencela atau menyakitkan hati, atau yang mana, meskipun sendirinya adalah berpatutan, nampaknya kepada mahkamah adalah mengganggu dengan tidak perlunya.

Soalan-soalan yang bermaksud untuk mencela atau menyakitkan hati

**153.** Bila seseorang saksi telah ditanya dan telah menjawab mana-mana soalan yang berkenaan dengan siasatan tersebut hanya sejauh mana ianya mungkin melemahkan kepercayaannya dengan mencela wataknya, tiada keterangan boleh diberi untuk menyangkalnya ; tetapi jika dia memberi jawapan yang palsu dia kemudiannya boleh didakwa kerana telah memberi keterangan palsu.

Penyingkiran keterangan untuk menyangkal-jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang menguji kebenaran

*Pengecualian 1.—Jika seorang saksi ditanya sama ada dia dahulunya pernah disabitkan kesalahan bagi mana-mana jenayah dan dia menafikannya, keterangan boleh diberi mengenai dengan sabitan kesalahannya yang dahulu.*

*Pengecualian 2.—Jika seorang saksi ditanya mana-mana soalan yang cenderung untuk mencabar kesaksamaannya dan menjawabnya dengan menafikan kenyataan-kenyataan yang dicadangkan, dia boleh disangkalkan.*

#### *Misalan*

- (a) Tuntutan A. terhadap seorang penanggung insuran ditentang dengan alasan penipuan.

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

110

**PENG. 108**

*Keterangan*

---

Pihak menuntut ditanya sama ada dalam suatu urusan yang terdahulu dia ada membuat suatu tuntutan secara tipuan. Dia menafikannya.

Keterangan diberi untuk membuktikan bahawa dia ada membuat tuntutan yang sedemikian.

Keterangan tersebut tidak boleh diterima.

(b) Seorang saksi ditanya sama ada dia dibuang kerja kerana tidak jujur. Dia menafikannya.

Keterangan diberi untuk membuktikan bahawa dia dibuang kerja kerana tidak jujur.

Keterangan tersebut tidak boleh diterima.

(c) A. mengaku bahawa pada suatu hari yang tertentu dia melihat B. di Kuala Belait.

A. ditanya sama ada dia sendiri tidak ada di Bandar Seri Begawan pada hari itu.

Keterangan diberi untuk menunjukkan bahawa A. pada hari itu berada di Bandar Seri Begawan.

Keterangan tersebut boleh diterima, bukan sebagai menyangkal A. atas suatu kenyataan yang menjelaskan kebolehpercayaannya, tetapi sebagai menyangkal kenyataan yang dikatakan bahawa B. telah dilihat di Kuala Belait pada hari itu.

(d) A. dibicara kerana merogol B. B. ditanya dalam pemeriksaan balas sama ada dia pernah melakukan persetubuhan luar nikah dengan C. dan D. Dia menafikannya.

Keterangan diberi untuk membuktikan bahawa dia pernah melakukan persetubuhan sedemikian dengan C. dan D. Keterangan tersebut tidak boleh diterima.

Dalam setiap kes dalam misalan (c) dan (d) saksi boleh, jika penafian tersebut adalah palsu, dituduh memberi keterangan palsu.

(e) A. ditanya sama ada dia pernah mengatakan bahawa dia akan membala dendam terhadap B., terhadap siapa dia memberi keterangan. Dia menafikannya.

Dia boleh disangkalkan dengan alasan bahawa soalan tersebut cenderung untuk mencabar kesaksamaannya.

**154.** Mahkamah boleh, atas budibicaranya, membenarkan orang yang memanggil seorang saksi untuk mengemukakan mana-mana soalan kepadanya yang mungkin dikemukakan dalam pemeriksaan balas oleh pihak lawan.

Soalan oleh pihak kepada saksinya sendiri

**155.** Kebolehpercayaan seorang saksi boleh dicabar dalam cara-cara yang berikut oleh pihak lawan atau, dengan kebenaran mahkamah, oleh pihak yang memanggilnya —

Mencabar kebolehpercayaan saksi

(a) dengan keterangan dari orang-orang yang mengakui bahawa mereka daripada pengetahuan mereka mengenai saksi tersebut percaya yang dia tidak boleh dipercaya ;

(b) dengan bukti bahawa saksi tersebut telah diberi rasuah, atau telah menerima pemberian rasuah, atau telah menerima sebarang dorongan tidak jujur untuk memberi keterangannya ;

(c) dengan bukti pernyataan-pernyataan yang terdahulu yang tidak sama dengan mana-mana bahagian keterangannya yang mana boleh disangkal ;

(d) bila seseorang lelaki didakwa kerana rogol atau suatu percubaan untuk memperkosa, ianya boleh dibuktikan bahawa perempuan yang mendakwa itu berakhlek jahat.

*Huraian.*—Seseorang saksi yang mengatakan seorang saksi yang lain sebagai tidak boleh dipercayai tidak boleh, setelah pemeriksaan utamanya, memberi sebab-sebab bagi kepercayaannya, tetapi dia boleh ditanya sebab-sebabnya dalam pemeriksaan balas, dan jawapan-jawapan yang diberi olehnya tidak boleh disangkal, meskipun, jika ianya adalah palsu, dia kemudiannya boleh dituduh memberi keterangan palsu.

*Misalan*

- (a) A. mendakwa B. bagi harga barang-barang yang dijual dan dihantarkan kepada B.

C. mengatakan bahawa dia menghantar barang-barang tersebut kepada B.

Keterangan diberi untuk membuktikan bahawa dahulunya dia pernah mengatakan bahawa dia belum menghantar barang-barang tersebut kepada B.

Keterangan tersebut boleh diterima.

(b) A. dikatakan bagi pembunuhan B.

C. mengatakan bahawa B. ketika menghadap mati mengaku bahawa A. telah menyebabkan luka kepada B. daripada mana dia meninggal dunia.

Keterangan diberi untuk membuktikan bahawa dahulunya C. mengatakan bahawa luka tersebut bukan disebabkan oleh A. atau di hadapannya.

Keterangan tersebut boleh diterima.

Soalan-soalan yang cenderung kepada keterangan menyokong atau kenyataan yang berkaitan boleh diterima

**156.** Bila seseorang saksi siapa ianya bermaksud untuk menyokong memberi keterangan mengenai dengan mana-mana kenyataan yang berkaitan, dia boleh ditanya mengenai dengan mana-mana keadaan lain yang dilihatnya di atau dekat masa atau tempat di mana kenyataan yang berkaitan itu berlaku, jika mahkamah berpendapat bahawa keadaan-keadaan demikian, jika dibuktikan, akan menyokong pengakuan saksi tersebut mengenai dengan kenyataan yang berkaitan yang dibuktikannya.

#### *Misalan*

A., seorang rakan sejenayah, memberi keterangan mengenai suatu kecurian dalam mana dia mengambil bahagian. Dia menerangkan berbagai kejadian, tidak berkaitan dengan kecurian tersebut, yang berlaku dalam perjalannya berulangalik ke tempat di mana kecurian tersebut berlaku.

Keterangan bebas mengenai kenyataan-kenyataan ini boleh diberikan untuk menyokong keterangannya mengenai dengan kecurian itu sendiri.

Kenyataan-kenyataan dahulu boleh dibuktikan

**157.** Untuk menyokong keterangan lisan dari seorang saksi, mana-mana keterangan terdahulu yang dibuat oleh saksi tersebut, sama ada secara bertulis atau secara mulut, dengan

mengangkat sumpah, atau dalam perbualan biasa, yang berkenaan dengan kenyataan yang sama pada atau kira-kira pada waktu bila kenyataan tersebut berlaku, atau di hadapan mana-mana pihak berkuasa yang berkelayakan di sisi undang-undang untuk menyiasat kenyataan tersebut, boleh dibuktikan.

untuk  
menyokong  
keterangan  
lisan yang  
kemudian  
mengenai  
kenyataan  
yang sama

**158.** Apabila mana-mana pernyataan berkenaan di bawah bab 32 atau 33 dibuktikan, semua perkara boleh dibuktikan sama ada untuk menyangkal atau untuk menyokongnya, atau untuk mencabar atau mengesahkan kebolehpercayaan seseorang oleh siapa ianya dibuat, yang mana mungkin telah dibuktikan jika orang tersebut telah dipanggil sebagai seorang saksi dan telah menafikan ketika diperiksa balas tentang kebenaran perkara yang dicadangkan itu.

Apa perkara  
yang  
dibuktikan  
berhubung  
dengan  
pernyataan  
yang  
dibuktikan  
berkenaan  
di bawah  
bab 31 atau  
bab 33

**159.** (1) Seorang saksi boleh ketika dalam pemeriksaan mengingatkan semula dengan merujuk kepada mana-mana tulisan yang dibuat oleh dirinya sendiri pada waktu urusan yang mana adalah berkenaan dengan apa yang disoalkan kepadanya, atau sebaik sahaja selepas itu bahawa mahkamah menganggap mungkin yang urusan tersebut pada waktu itu masih segar dalam ingatannya.

Mengingat-  
kan semula

(2) Saksi tersebut juga boleh merujuk kepada mana-mana tulisan sedemikian yang dibuat oleh mana-mana orang lain dan dibaca oleh saksi tersebut di dalam lingkungan masa yang tersebut dia atas, jika, bila dia membacanya, dia mengetahuinya sebagai betul.

(3) Apabila saksi tersebut hendak mengingati semula dengan merujuk kepada mana-mana dokumen, dia boleh, dengan kebenaran mahkamah, merujuk kepada suatu salinan dokumen tersebut.

Dengan syarat mahkamah berpuas hati bahawa ada terdapat sebab yang memuaskan salinan asal tidak dapat dikemukakan.

## UNDANG-UNDANG NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

114

**PENG. 108**

*Keterangan*

---

(4) Seorang pakar boleh mengingati semula secara rujukan kepada buku-buku ilmiah profesional.

Keterangan  
lisan  
mengenai  
kenyataan-  
kenyataan  
yang  
dinyatakan  
dalam  
dokumen  
yang  
disebut dalam  
bab 159

**160.** Seorang saksi juga boleh membuktikan kenyataan-kenyataan yang disebut dalam mana-mana dokumen sebagaimana yang disebut dalam bab 159 meskipun dia tidak mempunyai ingatan yang tertentu mengenai kenyataan-kenyataan itu sendiri, jika dia pasti bahawa kenyataan-kenyataan tersebut telah dicatat dengan betul dalam dokumen itu.

### *Misalan*

Seorang penyimpan kira-kira boleh membuktikan kenyataan-kenyataan yang dicatat olehnya dalam buku-buku yang sentiasa disimpan dalam perjalanan urusan tersebut jika dia mengetahui bahawa buku-buku tersebut telah disimpan dengan betul, meskipun dia telah lupa urusan-urusan tertentu yang dicatatkan.

Hak pihak  
lawan  
mengenai  
dengan  
tulisan  
yang  
digunakan  
untuk  
mengingati  
semula.

**161.** Mana-mana tulisan yang disebut di bawah bab 159 dan 160 mesti dikemukakan dan ditunjukkan kepada pihak lawan jika ia menghendakinya ; pihak tersebut boleh, jika dia suka, kemudiannya memeriksa balas saksi tersebut.

Mengemuka-  
kan  
dokumen-  
dokumen

**162.** (1) Seorang saksi yang disaman untuk menge-mukakan sesuatu dokumen hendaklah, jika ianya ada dimilikinya atau ada dalam kuasanya, membawanya ke mahkamah dengan tidak menghiraukan sebarang bantahan yang mungkin ada mengenai dengan dokumen tersebut dike-mukakan atau boleh diterima.

(2) Mahkamah, jika difikirkannya patut, boleh memeriksa dokumen tersebut melainkan jika ianya berhubung dengan hal-ehwal Negara, atau mengambil keterangan lain untuk membolehkan mahkamah untuk menentukan sama ada ianya boleh diterima.

(3) Jika bagi suatu maksud sedemikian adalah perlu untuk menyebabkan mana-mana dokumen untuk diterjemahkan, mahkamah boleh, jika difikirkannya patut, mengarahkan penterjemah tersebut untuk merahsiakan kandungan-kandungannya melainkan jika dokumen tersebut diberi sebagai keterangan, dan jika penterjemah tersebut tidak mematuhi arahan itu, diboleh dituduh telah melakukan suatu kesalahan di bawah bab 166 dari Kanun Hukuman Jenayah.

Terjemahan dokumen-dokumen

Penggal 22

163. Bila suatu pihak menghendaki sesuatu dokumen yang mana ia telah memberi kepada pihak yang satu lagi itu notis untuk mengemukakan, dan dokumen tersebut dikemukakan dan diperiksa oleh pihak yang menghendaki dokumen itu untuk dikemukakan, dia mungkin akan memberinya sebagai keterangan jika pihak yang mengemukakan dokumen itu menghendakinya untuk berbuat sedemikian dan jika ianya berkaitan.

Memberi sebagai keterangan dokumen yang dikehendaki dan dikemukakan atas notis

164. Jika suatu pihak enggan mengemukakan sesuatu dokumen yang mana dia telah menerima notis untuk mengemukakkannya, dia tidak boleh kemudiannya menggunakan dokumen tersebut sebagai keterangan tanpa kebenaran pihak yang satu lagi atau perintah dari mahkamah.

Menggunakan sebagai keterangan dokumen yang enggan dikemukakan atas notis

#### *Misalan*

A. mendakwa B. atas suatu perjanjian dan memberi B. notis untuk mengemukakkannya. Dalam perbicaraan A. menghendaki dokumen tersebut dan B. enggan mengemukakkannya. A. memberi keterangan turunan mengenai dengan kandungannya. B. cuba untuk mengemukakan dokumen itu sendiri untuk menyangkal keterangan turunan yang telah diberi oleh A. atau untuk membuktikan bahawa perjanjian tersebut tidak disetem. Dia tidak boleh berbuat sedemikian.

165. Hakim boleh, untuk mendapatkan atau memperolehi bukti yang sempurna mengenai kenyataan-kenyataan yang berkaitan, menanyakan mana-mana soalan dia suka, dalam sebarang bentuk pada bila-bila masa daripada mana-mana saksi atau pihak, mengenai dengan sebarang kenyataan yang berkaitan atau tidak berkaitan ; dan boleh memerintah untuk

Kuasa hakim untuk mengemukakan soalan-soalan atau perintah untuk mengemukakan

mengemukakan mana-mana dokumen atau benda ; dan pihak-pihak atau wakil-wakil mereka adalah tidak berhak untuk membuat sebarang bantahan kepada mana-mana soalan atau perintah tersebut, atau pun, tanpa kebenaran mahkamah, untuk memeriksa balas mana-mana saksi terhadap mana-mana jawapan yang diberi untuk menjawab mana-mana soalan sedemikian :

Dengan syarat bahawa hukuman tersebut mestilah berdasarkan kenyataan-kenyataan yang ditetapkan oleh Akta ini sebagai berkaitan dan dibuktikan dengan sepatutnya :

Dengan syarat juga bahawa bab ini tidak boleh memberi kuasa kepada mana-mana Hakim untuk memaksa mana-mana saksi untuk menjawab mana-mana soalan atau untuk mengemukakan sebarang dokumen bagi yang mana saksi tersebut berhak untuk enggan menjawab atau mengemukakan di bawah bab 121 hingga 131 jika soalan ditanya atau dokumen tersebut dikehendaki oleh pihak lawan ; dan juga Hakim tersebut tidak boleh menanyakan sebarang soalan yang mana adalah tidak patut bagi mana-mana orang lain untuk bertanya di bawah bab 148 atau 149 ; juga dia tidak boleh mengenepikan keterangan aslian bagi mana-mana dokumen, kecuali dalam hal-hal yang dikecualikan sebelum ini.

Kuasa  
sidang  
juri atau  
penaksir-  
penaksir  
untuk  
mengemuka-  
kan  
soalan-  
soalan

**166.** Dalam kes-kes yang dibicarakan oleh sidang juri atau dengan penaksir-penaksir, sidang juri atau penaksir-penaksir boleh mengemukakan mana-mana soalan kepada saksi-saksi melalui atau dengan kebenaran Hakim, yang mana boleh dikemukakan sendiri oleh Hakim dan yang mana difikirkan-nya patut.

Penggal XI

Mengenai keterangan yang diterima atau  
ditolak dengan tidak sepatutnya

167. Keterangan yang diterima atau ditolak dengan tidak sepatutnya sendirinya tidak akan memberi alasan bagi suatu perbicaraan baru atau pengembalian bagi mana-mana keputusan dalam sebarang hal jika nampaknya kepada mahkamah dalam mana bantahan tersebut ditimbulkan bahawa, bebas daripada keterangan yang dibantah dan diterima, ada terdapat keterangan yang mencukupi untuk mempertahankan keputusan tersebut, atau bahawa, jika keterangan yang ditolak itu telah diterima, ianya tidak sepatutnya mengubah keputusan tersebut.

Tiada  
perbicaraan  
baru bagi  
keterangan  
yang diterima  
atau ditolak  
dengan tidak  
sepatutnya